

DOKUMEN LAPORAN INI BELUM DISEMAK

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT KETIGA

Bil. 26

Selasa

11 Disember 2007

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan 2008 (Halaman 35)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
14. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
15. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
16. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
17. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
18. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
19. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
20. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis)
21. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
22. “ Tuan Khoo Soo Seng (Johor)
23. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
24. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
25. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
26. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
27. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
28. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
29. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
30. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
33. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)

34. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy (Dilantik)
35. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
36. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
37. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
38. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
39. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
40. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
41. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
42. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
43. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
49. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
52. “ Dato’ Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
53. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
57. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
58. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
59. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
60. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
61. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
62. ” Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
63. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
64. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Mund. Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Amran
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri
Nur Hidayah binti Janudin

Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

SELASA, 11 Disember 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

“10 Disember 2007

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 2008.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato’ Omar bin Faudzar** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, berapakah jumlah banduan di dalam negara.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan Jabatan Penjara Malaysia jumlah penghuni di institusi penjara termasuk depot PATI sehingga 3 Disember 2007 adalah seperti berikut:

Institusi	Bilangan Tempat	Bilangan Penghuni
Penjara	28	34,498
Sekolah Henry Gurney	3	415
Pusat Pemulihan Akhlak	4	2,293
Tempat Tahanan	1	70
Perlindungan	11	6,624
Depot Tahanan PATI		
Jumlah		43,900

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, ada lebih kurang 24,000 banduan terdiri daripada pendatang asing yang melibatkan kes samun, ragut dan bunuh. Jadi, apakah jaminan Yang Berhormat kepada saya, isteri saya, rakan-rakan saya dan rakyat Malaysia yang mereka ini selamat berjalan di mana-mana sahaja di dalam negara tanpa ada gangguan daripada pendatang-pendatang asing ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Yang Berhormat tadi bertanya apa program pemulihan yang ada atau bilangan ...

Dato' Omar bin Faudzar: Apakah langkah yang kementerian ambil untuk memastikan bahawa kerajaan boleh memberi jaminan kepada rakyat Malaysia dengan kebanyakan pendatang-pendatang asing ini memberi keselamatan kepada rakyat kita.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, untuk banduan dan mereka yang ditahan di depot PATI, kerajaan tidak menekankan semua program pemulihan. Cuma program pemulihan dalam peringkat satu yang akan diberi iaitu program disiplin dan selepas mereka menjalankan hukuman di institusi penjara mereka akan terus dihantar balik. Mengenai kehadiran ramai pendatang asing itu adalah di bawah Jabatan Imigresen, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah pandangan kementerian mengenai adanya pandangan ataupun cadangan supaya guru-guru ini dihantar ke penjara untuk mengajar banduan-banduan di bawah umur. Adakah kerajaan bercadang untuk melaksananya. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Di institusi penjara bilangan banduan yang berumur kurang daripada 21 tahun iaitu di kategori juvenil dan banduan muda adalah seramai 2,316 orang. Mereka diletakkan di penjara yang khas untuk banduan muda. Memang program pemulihan yang merangkumi modul pendidikan diberikan supaya mereka boleh mengikuti kursus termasuk mengambil peperiksaan SPR, SPM, STPM dan sebagainya. Cuma setakat ini kita belum dapat

guru yang tetap di institusi penjara melainkan di Sekolah Henry Gurney memang ada guru yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran. Baru-baru ini saya pun telah berbincang dengan Menteri Pelajaran dan beliau telah bersetuju akan menyediakan guru tetap termasuk kemudahan seperti buku-buku bacaan dan buku teks untuk mereka. Program ini akan diberi penekanan pada tahun ini. Sekian, terima kasih.

■ 1010

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kapasiti penjara ataupun pusat-pusat pemulihan yang ada ini mampu untuk menampung keperluan banduan semasa dan apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan supaya keputusan di mahkamah dapat disegerakan demi mengatasi masalah kesesakan yang berlaku. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kesesakan memang menjadi satu masalah di institusi penjara. Buat masa kini kelebihan bilangan penghuni berbanding dengan kapasiti yang sedia ada adalah lebih kurang 30% tetapi di penjara tertentu seperti di Sungai Buloh, kelebihan kapasiti ialah hampir 93% dan ada tempat seperti Tawau juga hampir 141% kelebihan kapasiti dan ini telah menimbulkan risiko tertentu kepada warden-warden dan juga kepada penghuni di penjara.

Untuk mengatasi masalah ini, kementerian telah pun dalam Rancangan Malaysia Kelapan akan membina 16 lagi penjara baru. Pada masa yang sama juga kita juga akan membesarkan penjara yang ada sekarang, menaik taraf supaya ia dapat meningkatkan kapasiti untuk penjara yang ada.

Kalau kita lihat salah satu sebab kesesakan di penjara ialah kita dapati mereka yang di bawah kategori reman iaitu yang menunggu perbicaraan di mahkamah adalah hampir 30% dan ini merupakan angka yang tinggi dan kita sentiasa minta pihak pendakwaan dan juga pihak kehakiman untuk mempercepatkan kes-kes reman supaya kita boleh kurangkan bilangan reman. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 2 – Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya tidak hadir]

3. **Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin** minta Menteri Pelajaran menyatakan, terdapat kes-kes Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) bertaraf JUSA yang sepatutnya bersara wajib tetapi dilanjutkan perkhidmatannya kerana perkhidmatannya amat diperlukan. Adakah kerajaan bercadang berbuat perkara yang sama kepada pengetua dan guru-guru bertaraf JUSA di sekolah menengah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia telah melanjutkan tempoh perkhidmatan beberapa pengarah jabatan dan bahagian di kementerian memandangkan perkhidmatan mereka masih lagi diperlukan.

Kebimbangan terhadap cadangan bagi melanjutkan tempoh perkhidmatan pengetua dan guru-guru bertaraf JUSA adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Soalan tambahan saya ialah sehingga kini, berapakah bilangan pengetua dan guru-guru yang telah mencapai taraf JUSA dan sekarang ini telah dimulakan skim gaji untuk jawatan baru yang digelar Guru Besar Cemerlang untuk sekolah kebangsaan. Adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan pangkat Guru Besar Cemerlang yang mempunyai ijazah menjadi pengetua di sekolah menengah? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta masa untuk mendapat angka sebenarnya. Saya minta maaf tidak ada keterangan berapa orang pengetua yang telah naik taraf ke JUSA. Walau bagaimanapun, buat sementara waktu memang Kementerian Pelajaran telah menaikkan pangkat beberapa pengetua yang telah memberikan perkhidmatan yang baik dan ia akan naik sebagai JUSA 'C'. Jadi inilah satu kaedah yang kita amalkan buat sementara waktu. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah memandangkan bahawa melanjutkan tempoh perkhidmatan pegawai-pegawai kanan mungkin menimbulkan perasaan ketidakpuasan hati di kalangan pegawai-pegawai bawahan mereka kerana menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai bawahan itu. Memandangkan juga bahawa pengalaman dan pengetahuan pegawai-pegawai kanan yang akan bersara itu amat bernilai kepada perkhidmatan awam dan negara amnya, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan jawatan dan melantik mereka sebagai penasihat ataupun perunding sebagai jalan tengah. Sekian, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju bahawa kalau pegawai-pegawai yang akan bersara dilanjutkan tempoh perkhidmatan mungkin akan timbul masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Oleh kerana itulah, Kementerian Pelajaran buat sementara waktu hanya melanjutkan perkhidmatan kepada pegawai-pegawai kanan jika perkhidmatan mereka masih perlu atau mereka tengah menjalankan satu projek yang masih belum dihabiskan, jadi oleh kerana dalam keadaan itulah barulah Kementerian Pelajaran berfikir untuk melanjutkan perkhidmatan mereka.

Tentang cadangan Yang Berhormat sama ada Kementerian Pelajaran rela untuk melantik pegawai-pegawai bersara yang mempunyai pengalaman sebagai penasihat, sebagai konsultan, memang ia telah pun dilakukan oleh beberapa pegawai Kementerian Pelajaran yang telah bersara telah pun dilantik sebagai konsultan untuk menasihati supaya pengalaman mereka dapat diturunkan kepada pegawai yang mengambil alih tanggungjawab mereka. Terima kasih.

4. **Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapakah bilangan rumah kos rendah yang telah dibina pada tahun ini di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyoal soalan ini. Jumlah rumah kos rendah yang telah siap dibina pada tahun 2007 di seluruh negara adalah seperti berikut:

Pembinaan Oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Bilangan Unit
Program Perumahan Rakyat (PPR) disewa	23,179
Program Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki	850
Jumlah	24,029

Pembinaan Oleh Pihak Swasta

Pihak Swasta	Bilangan Unit
Rumah Kos Rendah	4,290
Rumah Pangsa Kos Rendah	8,934
Jumlah	13,224

Jumlah keseluruhan adalah 37,253 unit. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Soon Tian Szu, selepas itu Dato' Omar.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimana kerajaan memastikan semua rumah kos rendah yang dibina adalah diagih kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukannya. Apakah sistem pemantauan yang ada untuk mengawal selia perkara ini? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan pengagihan rumah-rumah kos rendah yang dilakukan oleh kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan tidak mengagih-agihkan. Pengagihan adalah dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Kita ada sistem yang dipanggil Sistem Pendaftaran Terbuka. Sistem Pendaftaran Terbuka ini membolehkan sesiapa sahaja rakyat warganegara Malaysia ini yang mempunyai keperluan untuk mendapatkan rumah kos rendah dan mereka ini mempunyai kelayakan, maka mereka boleh mendaftar di semua tempat, pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan, di kerajaan negeri, SUK dan sebagainya melalui Sistem Pendaftaran Terbuka ini.

Saya ada borangnya, saya akan tunjuk kepada Yang Berhormat borang ini. Maka mereka ini apabila dimasukkan di situ, dia akan memberitahu di mana tempat yang dia hendak atau kawasan yang sesuai untuk dia, bagaimana kedudukan dia sekarang dan inilah orang-orang yang

akan diberikan *priority* ataupun keutamaan apabila ada rumah kos rendah yang tersedia untuk diagih-agihkan.

Kita juga di kementerian melalui Sistem Pendaftaran Terbuka ini boleh dapat tahulah tentang mereka yang memohon ini dan mereka juga jika merasakan ada masalah di peringkat tempat masing-masing, boleh ke kementerian dan kita boleh membuat pemantauan. Terima kasih Yang Berhormat.

■ 1020

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan kenaikan kos bahan binaan, jadi apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dan apakah insentif-insentif yang diberi kepada pemaju-pemaju supaya kita dapat mengekalkan harga kos rumah kos rendah ini?

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini kerajaan tidak ada niat untuk menaikkan harga rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh semua pihak termasuklah pihak swasta, walaupun ada permintaan. Kita juga telah menasihati mereka supaya menggunakan sistem IBS iaitu boleh dibuat secara sistem yang tersedia. Ini membolehkan kos pembinaan rumah kos rendah itu dapat di kawal dengan lebih baik lagi. Mereka tidak perlu mengeluarkan kos yang terlalu tinggi untuk membina jika mereka menggunakan sistem IBS ini.

Saya minta maaf tadi soalan Yang Berhormat yang kedua itu?

Dato' Omar bin Faudzar: Insentif yang diberi kepada pemaju-pemaju supaya dapat mengekalkan harga rumah kos rendah.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Berkenaan dengan rumah kos rendah insentif ini, ialah antara lain kementerian kita ialah dengan mengadakan sistem *fast track*. Kita telah mewujudkan *one-stop-center* di semua pihak berkuasa tempatan yang boleh mempercepatkan kelulusan-kelulusan untuk membuat pembangunan-pembangunan termasuklah pembangunan kemajuan perumahan dan juga dengan memastikan sistem *delivery* itu tidak lewat dan dapat dipercepatkan. Ini antara lainnyalah.

Antara lain melalui *one-stop-center* ini kita juga telah mewujudkan satu laluan yang pantas. Ini bagi membolehkan mereka tidak mengurangkan kos itu. Ertinya tidak meningkatkan kos-kos pembinaan kerana kalau kelulusan untuk memajukan sesuatu kemajuan itu terlalu lewat sehingga dua tahun, maka kos yang akan ditanggung oleh pemaju itu tentunya akan lebih tinggi tetapi dengan adanya sistem yang baru ini, melalui *one-stop-center* ini, maka kelulusan boleh dibuat dalam tempoh empat hingga enam bulan. Ini akan memastikan kos itu tidak akan meningkat. Ini antara salah satu insentif yang telah kita sediakan pada pemaju-pemaju ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kei: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berhubung dengan keutamaan yang diberikan, adakah kaum ibu tunggal diberi peruntukan khas dalam proses agihan ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Saya lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, kita sebenarnya memang kalau kriteria utama kita ialah memastikan ibu tunggal, tetapi bukan sahaja ibu tunggal malahan bapa tunggal pun kita beri keutamaan untuk mendapat rumah kos rendah di bawah sistem pendaftaran terbuka ini. Ada markah-markah tertentu untuk mereka ini. Kalau saya tidak salah, ibu tunggal mempunyai markah yang tinggi jugalah. Ibu, bapa tunggal kita, kita ada sistem pemarkahan untuk mereka melayakkan diri mendapatkan rumah kos ini dan di dalam sistem kita ini, kita ada status pemohon. Ibu dan bapa tunggal diberikan markah yang tinggi iaitu enam markah. Jadi jangan bimbang Yang Berhormat, bapa tunggal, ibu tunggal semua kita berikan keutamaan. Terima kasih.

5. **Dato' Yip Kum Fook** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kementerian akan menambahbaikkan kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAS) setelah Syarikat Penerbangan FireFly diberi hak untuk menjadikan LTAS sebagai hab operasinya bagi kawasan tengah.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia Airport Holding Berhad pada masa ini sedang dalam peringkat akhir perundingan dengan sebuah syarikat untuk menaik taraf dan menambah baik kemudahan di Terminal Tiga. Kerja-kerja penambah baikkan ini dijangka bermula pada bulan Disember 2007 secara berperingkat dan akan mengambil masa enam bulan untuk disiapkan. Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat utama penambah baikkan ini adalah untuk menampung keperluan penerbangan komersial yang menggunakan *turboprop* ataupun *propeller driven aircraft*, dengan izin, termasuk penerbangan FireFly.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada FireFly, adakah syarikat lain seperti AirAsia ataupun syarikat penerbangan murah yang lain seperti Tiger Air akan dibenarkan menggunakan Lapangan Terbang Subang dan apakah FireFly akan mempunyai rancangan untuk penerbangan ke Pekan Indonesia seperti pada suatu ketika dahulu. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan pertama, memang sekarang selain FireFly, Lapangan Terbang Subang ini juga turut digunakan oleh Berjaya Air. Jadi ingin saya tekankan di sini bahawa kerajaan telah membuat keputusan bahawa Lapangan Terbang Subang akan diguna hanya untuk syarikat-syarikat penerbangan yang menggunakan jenis kapal

terbang *turboprop*. Jadi kalau sesuatu syarikat itu menggunakan jet, maka kerajaan tidak akan membenarkan mereka menggunakan Lapangan Terbang Subang.

Mengenai sama ada FireFly akan terbang ke Pekan atau tidak, setakat sekarang dia belum ada perancangan tetapi FireFly dengan penambahan pesawatnya tidak lama lagi dia tambah kepada tiga dan lepas itu tahun depan mereka akan membeli 20 lagi *aircraft*, jadi saya percaya matlamatnya adalah untuk mencari seberapa banyak destinasi-destinasi yang boleh digunakan oleh *aircraft* ini. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam usaha-usaha untuk menambahbaikkan kemudahan LTAS ini, apa yang kita dapat lihat ketika ini kesesakan yang begitu ketara sekali. Tambah pula dengan campuran antara penumpang-penumpang antarabangsa dan juga penumpang-penumpang domestik dalam satu bangunan yang sama. Terbukti terdapat begitu longgar kawalan keselamatan dan juga kawalan imigresen yang membolehkan penumpang-penumpang domestik masuk ke kawasan antarabangsa dan apakah kementerian bercadang strategi yang perlu diambil?

Datuk Douglas Uggah Embas: *Excuse me*. Ini mengenai Lapangan Terbang Subang ataupun KLIA?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: LTAS, di AirAsia.

Datuk Douglas Uggah Embas: LCCT?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya. Jadi ini berkaitan dengan kementerian. Jadi apakah perancangan ataupun tindakan yang perlu segera diambil memandangkan isu keselamatan tidak boleh kita abaikan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kementerian memandang berat mengenai isu keselamatan. Jadi setiap langkah telah pun diambil dan baru-baru ini kerajaan telah pun meluluskan satu *standard operating procedure* yang akan dijalankan oleh Malaysian Airport Berhad untuk memperketat lagi keselamatan di semua lapangan terbang termasuk di LCCT.

Memang kita tahu bahawa LCCT yang kita bina, yang kita sasarkan adalah untuk kegunaan-kegunaan oleh 10 juta penumpang dalam tempoh masa 10 tahun. Namun oleh kerana kepesatan perniagaan yang dibawa oleh AirAsia, maka sekarang penumpang yang telah menggunakan LCCT adalah hampir tujuh juta. Oleh yang demikian, maka masalah kesesakan, masalah penumpang yang datang dan yang akan pergi akan bercampur tidak dapat dielakkan. Oleh itu kerajaan telah membuat keputusan bahawa LCCT ini akan diperbesarkan lagi supaya dapat menampung lima juta penumpang lagi.

■ 1030

Kita berharap dengan penambahan dan pembesaran ini, maka masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dapat kita kurangkan kalau tidak dapat diselesaikan, terima kasih.

6. **Dato Sri Empiang Jabu** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada peratusan penderma darah telah meningkat melalui kempen-kempen menggalakkan menderma darah di kalangan rakyat Malaysia dan sama ada terdapat golongan bangsa yang lebih cenderung menderma darah berbanding dengan yang lain dan sekiranya ada, apakah sebab ianya sedemikian.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan transfusi darah di Malaysia adalah merupakan pusat yang bertanggungjawab dalam mengumpul, memproses dan membekal darah buat para pesakit di seluruh negara. Selaras dengan kemajuan dalam bidang perubatan, permintaan terhadap darah terus meningkat setiap tahun. Sehubungan aktiviti pungutan darah yang dijalankan oleh unit-unit transfusi darah perlu sentiasa dipertingkatkan. Hasil dari aktiviti program menderma darah yang dianjurkan secara aktif kutipan darah telah meningkat setiap tahun dan dalam lima tahun peningkatannya adalah sebanyak 12.4%.

Kesedaran menderma derma di kalangan kumpulan etnik di negara ini tidak menunjukkan banyak perbezaan. Etnik Melayu merupakan penderma tertinggi kerana majoriti penduduk negara ini adalah terdiri daripada etnik Melayu dan bumiputera. Secara keseluruhannya kempen-kempen penderma darah telah berjaya meningkatkan jumlah penderma-penderma darah. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti promosi dan kempen kesedaran menderma darah perlu dipergiatkan. Sekiranya mempunyai sumber yang mencukupi dari sudut peruntukan kewangan dan tenaga Malaysia, terima kasih.

Tuan Majid bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengetahui bahawa kalau seseorang itu menderma darah sebanyak 50 kali, dia akan diberi kemudahan percuma kalau dimasukkan di wad pertama atau kelas kedua. Saya juga difahamkan bahawa ada insentif-insentif lain yang saya tidak tahu, jadi mungkin kementerian berfikir apakah cara lain untuk meningkatkan keberkesanan kempen itu ataupun insentif itu supaya lebih ramai penderma akan tampil ke hadapan untuk menderma kerana saya difahamkan bahawa kementerian berhasrat untuk mendapatkan 5% daripada penduduk Malaysia untuk menderma darah, terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat. Soalan yang baik. Kita yakin dalam masa-masa akan datang, kita dapat memenuhi *target* kita. Walaupun kita tidak mengubah insentif-insentif seperti bila lebih daripada 50 kali boleh dapat kelas pertama, layanan-layanan seperti boleh potong *queue* Tuan Yang di-Pertua. Ada

ramai pesakit, kalau bawa kad itu kita penderma darah, boleh potong *queue*, boleh *adjust*. Ini kita mengiktiraf jasa mereka untuk menyelamatkan nyawa orang lain.

Namun yang paling penting dalam kita meyakinkan orang ramai dari terus menderma, biasanya selepas mereka menderma sekali, biasanya mereka hendak menderma seterusnya. Adalah untuk kita memberitahu kepada penderma, bila mereka hendak menderma darah mereka itu akan di *screen*, dengan izin, tentang semua jenis penyakit berjangkit dan ini juga memastikan dan menyedarkan penderma bahawa bila mereka menderma dan mereka tidak dihubungi pihak hospital bahawa mereka adalah benar-benar sihat darah mereka bukan sahaja boleh dipakai oleh orang lain, tetapi mereka adalah terdiri daripada orang-orang yang sihat, terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai *age group* yang menjadi penderma darah. Kadang-kadang kita dapati bahawa penderma darah adalah dari satu golongan umur sahaja. Adakah *age group* menjadi satu faktor, bolehkah kita dapat angka-angka menunjukkan berapa banyak *age group* yang menderma darah dan keduanya adakah promosi dan kempen-kempen ini dijalankan di IPTA dan IPTS supaya kita menggalakkan lebih ramai belia untuk menjadi penderma darah, sekian terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penderma darah ini semua orang muda. Jadi termasuk yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi. Jadi kita tidak ada masalah, darah muda ke darah dewasa ke darah tua. Yang paling penting darah tua kena sihat dan selamat, itu yang paling penting.

7. **Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang telah diambil bagi membantu rakyat Malaysia (wanita) yang telah ditahan di luar negara kerana dipergunakan untuk menyeludup dadah; dan
- (b) berapa banyak kes seperti ini telah berlaku.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya. Jawapan bagi,

- (b) Berdasarkan laporan yang diterima sehingga bulan November tahun ini, sebanyak 53 laporan tahanan rakyat Malaysia diterima melibatkan kes pengedaran dadah di luar negara. Sebanyak 38 kes membabitkan wanita dan 15 kes melibatkan tahanan lelaki. Angka ini memang membimbangkan dan adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan kerajaan Malaysia dan pejabat-pejabat perwakilan di seberang laut untuk

mengambil berat akan kebajikan rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara.

Sementara jawapan bagi,

- (a) Antara usaha-usaha yang telah diambil bagi membantu yang telah ditahan adalah dengan membuat lawatan konsuler di mana tahanan tersebut berada dan memastikan mereka mendapat layanan yang baik dan adil dari pihak berkuasa tempatan dan juga cuba mendapat butir-butir kejadian dari mereka untuk dihantar kepada Polis Diraja Malaysia bagi tujuan penyiasatan. Kementerian juga berusaha untuk menghubungkan mereka dengan keluarga atau waris atau sahabat-handai di Malaysia bagi membolehkan mereka dibantu dalam menghadapi perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua dasar tegas Kerajaan Malaysia berhubung pengedaran dan penyalahgunaan dadah juga adalah amat jelas. Oleh itu kerajaan tidak akan campur tangan di dalam urusan perundangan sesebuah negara apabila rakyat Malaysia ditahan kerana melanggar undang-undang berkaitan dadah di negara tersebut.

Terima kasih.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah punca utama maka dadah yang dibawa masuk melalui pintu utama tidak dapat dikesan. Adakah kerana alat pengesan kita tidak bermutu atau ada sebab-sebab lain yang masih belum dikenal pasti seperti kecuaiian misalnya terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, daripada kebanyakan kes yang kita terima dadah yang dibawa ke negara yang luar itu biasanya bukannya datang daripada Malaysia, datang dari negara kita ini tidak timbul soal tentang kecuaiian ataupun kawalan ketat dalam lapangan terbang dan sebagainya. Kebiasaannya yang berlakunya mereka ini terlebih dahulu dipujuk dirayu melalui negara yang ketiga dan dari negara ketiga itulah mereka mendapat bekalan dadah tersebut untuk di bawa ke tempat lain yang hendak dituju. Jadi tidak timbul tentang soal kawalan ketat dalam negara kita.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya memandangkan jumlah gadis atau wanita yang terbabit dalam jenayah itu semakin meningkat dan sasaran sindiket ini ialah pelajar-pelajar IPT sebagai penyeludup dadah. Soalan tambahan saya apakah perancangan pihak kerajaan bagi memantau dan mengawasi supaya pelajar-pelajar kita di IPT di luar negara tidak melibatkan diri dalam karier ini dan negara manakah yang menjadi tumpuan penyeludupan dadah oleh sindiket tersebut yang memperalatkan wanita ataupun anak gadis kita. Terima kasih.

▪ 1040

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya bukan melibatkan pelajar luar negara sangat, kebiasaan daripada negara kita. Di mana banyak kes yang kita dapati gadis yang pergi ke luar negara itu adalah kali yang pertama, mereka baru dapat pasport hari ini, dua atau tiga hari selepas itu mereka terus diberikan tiket dan tempat tinggal di luar negara. Ertinya kebanyakan kes ini ialah mereka yang mudah diperdayakan.

Daripada beberapa pemantauan yang dibuat, ada dua, tiga perkara ataupun modus operandi yang digunakan oleh mereka yang memperdayakan gadis-gadis kita. Yang pertamanya, mereka yang terpedaya itu dikaitkan dengan hubungan cinta. Sebab itulah selalunya dikatakan bahawa orang yang terlibat itu dengan pemuda-pemuda yang kacak misalnya daripada Timur Tengah, daripada Iran terutama sekali, daripada Afrika yang mungkin ada kelebihan-kelebihan lain pula, daripada Nigeria terutama sekali. Maksud saya mungkin cakap mereka, kata-kata mereka yang manis dan sebagainya.

Yang keduanya, ditawarkan dengan ganjaran yang lumayan dan peluang pekerjaan. Misalnya menjadi *travel agent*, diberi peluang untuk pergi untuk melawat negara Latin Amerika, Eropah dan sebagainya. Ada kes dikatakan lawatan yang pertama, akan mendapat sebanyak USD2,500, lawatan yang kedua USD5,000 untuk pergi ke China dan sebagainya. Jadi negara yang banyak terlibat ialah kalau disebutkan ialah seperti di Brazil antara negara yang banyak terlibat iaitu 11 kes kalau tidak silap saya. Argentina 10 kes, Peru 7 dan sebagainya.

Jadi tentang apa rancangan kita, kita rasakan perlulah peringkat kementerian kami dan juga Kementerian Penerangan terutama sekali untuk memberi penerangan. Mungkin untuk disebarkan melalui kaca TV dan sebagainya supaya mengawasi anak-anak mereka. Ada kes daripada Sarawak misalnya, di bawa kali pertama datang ke Kuala Lumpur dengan kemudahan membuat pasport tiga jam sekarang ini dan terus dibuat pasport, diberikan tiket dan dikatakan bahawa hendak melancong ke Sepanyol misalnya. Daripada sana pergi ke Argentina, mereka tertarik dengan perdayaan yang sebegini.

Jadi saya rasa perlulah dibuat penerangan yang lebih luas melalui kaca TV supaya tidak ada orang lain mudah diperdayakan dengan kes-kes yang seperti ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Sharifah Hajah Azizah Dato' Syed Zain.

8. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Belia Dan Sukan menyatakan, apakah jenis program pembinaan akhlak dan pembangunan ekonomi belia telah dan akan dilaksanakan untuk memperkukuhkan kedudukan belia iaitu menjadikan belia ataupun Persatuan Belia lebih berdikari dari segi kewangan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sememangnya merangka pelbagai program untuk membina akhlak dan pembangunan ekonomi belia. Atas dasar inilah jika dilihat ke atas semua program-program anjuran Kementerian Belia dan Sukan, ianya mempunyai objektif untuk membangunkan diri dan personaliti individu belia supaya mempunyai personaliti yang dikehendaki oleh negara selaras dengan Rukun Negara dan Dasar Pembangunan Belia Negara.

Untuk tujuan tersebut, antara program-program yang telah dilaksanakan oleh KBS adalah:

- (i) program latihan kepimpinan yang berfokus kepada golongan belia, yang berpersatuan dan tidak berpersatuan. Program ini memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai positif seseorang pemimpin di samping bertujuan untuk menyiapkan pemimpin pelapis negara;
- (ii) seminar dan bengkel Islam Hadhari. Program ini diadakan di peringkat negeri dan kebangsaan khususnya kepada golongan belia. Penerapan nilai-nilai modal insan diterapkan melalui pendekatan 10 prinsip Islam Hadhari dalam pembangunan belia hari ini;
- (iii) memperkenalkan program *Y2Y* atau *Youth to Youth*. Program ini melibatkan belia di seluruh negara yang diadakan di peringkat Parlimen dan DUN. Objektif utama program ini adalah untuk menerapkan nilai-nilai kesukarelawanan, perancangan dan pelaksanaan program diuruskan dan ditentukan sendiri oleh golongan belia dengan penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan oleh pegawai kementerian;
- (iv) Program-program Rakan Muda Fasa 2 yang telah membuka lebaran baru di dalam merangka dan melaksanakan program-program untuk golongan kumpulan sasar 15 tahun hingga 25 tahun. Pendekatan yang diterapkan melalui program ini adalah ke arah *community based* dan melahirkan golongan belia yang mahir, dinamik dan prihatin; dan
- (v) Program Jati Diri Kesukarelawan Nasional (PJKN) juga adalah agenda utama KBS dalam membendung masalah gejala sosial di kalangan generasi belia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu KBS turut menggariskan beberapa program pembangunan ekonomi dengan memfokuskan kepada individu belia melalui pemberian bantuan insentif bagi memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan di bawah Skim Projek Perniagaan Muda.

Skim Tabung Ekonomi Belia pula menyediakan kemudahan pinjaman bagi menjalankan perniagaan dengan Skim Belia Tani dan perniagaan yang berasaskan industri tani dan Skim Belia Niaga bagi perniagaan-perniagaan selain daripada pertanian.

Bagi membolehkan persatuan belia lebih berdikari dari segi kewangan, KBS pada masa kini sentiasa mendorong persatuan belia untuk mendapatkan dana kewangan daripada sumber-sumber yang lain terutamanya daripada penajaan korporat mahupun individu perseorangan. Untuk tujuan berkenaan, Kementerian Belia dan Sukan akan mencadangkan kepada kerajaan supaya pelepasan cukai diberikan kepada syarikat korporat yang menyumbang dalam program-program pembangunan belia.

Selain daripada itu, pertubuhan belia juga turut digalakkan untuk menjalankan aktiviti ekonomi bersendirian seperti pertanian dan perniagaan bagi menambahkan pendapatan pertubuhan mereka. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam program-program yang dinyatakan, berapakah jumlah belia yang benar-benar mendapat manfaat serta berapa banyak kah pertubuhan belia yang didapati telah menyalahgunakan kewangan yang diberikan oleh kementerian dan apakah yang dilakukan untuk menarik belia-belia yang masih lagi belum aktif ataupun belum menjadi ahli pertubuhan belia? Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan memberi data secara bertulis. Bagi menggalakkan belia menyertai persatuan belia, Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia yang diluluskan baru-baru ini di Dewan yang mulia ini akan berkuat kuasa pada 31 Disember 2007 ini. Selepas penguatkuasaan akta ini, kita yakin kerajaan akan lebih dapat membantu pertubuhan-pertubuhan belia untuk menggalakkan penyertaan belia dalam pertubuhan.

Buat masa sekarang kita hanya ada lebih kurang 3 juta belia yang menyertai pertubuhan belia. Walaupun kita pada masa sekarang ada 8 ribu pertubuhan belia, tetapi hanya lebih kurang 3 ribu yang aktif sahaja. Oleh itu, banyak pertubuhan belia yang kurang aktif, perlu kita aktifkan dan perlu kita memberi galakkan dan bantuan untuk memastikan bahawa pertubuhan belia ini akan dapat menarik belia-belia menyertai pertubuhan. Terima kasih.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, selepas pindaan akta ini kita melihat ada sedikit kekurangan yang berlaku apabila pimpinan persatuan ini melibatkan mereka yang di bawah umur 40 tahun dan secara keseluruhannya kita melihat persediaan pemimpin-pemimpin pelapis yang bakal mengambil alih kepimpinan belia ini dilihat begitu kurang bersedia. Terutamanya dari segi kekuatan ekonomi.

Jadi kita berhadap apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan bagi memastikan pemimpin-pemimpin pelapis selepas akta ini dikuatkuasakan, mereka benar-benar menjadi pemimpin yang benar-benar berketerampilan. Kemudian Yang Berhormat telah maklumkan tadi dalam jumlah persatuan yang aktif pun kita kurang dengan jumlah pendaftaran sebenar. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan amat prihatin dengan pelaksanaan akta ini yang dapat menggalakkan penyertaan belia dalam pertubuhan dan memastikan bahawa ada kesinambungannya. Pemimpin-pemimpin yang telah umurnya menjangkau lebih daripada 40 tahun akan melepaskan jawatan dan memberi kepada pelapis yang kemudian.

Oleh itu dalam hubungan ini satu jawatankuasa penyelaras telah diwujudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan bersama-sama dengan Majlis Belia Malaysia. Kita telah mengadakan beberapa mesyuarat dan perbincangan untuk memastikan bahawa peralihan pemimpin dalam pertubuhan belia ini dapat dijalankan dengan sempurna.

▪ **1050**

Dan untuk memastikan bahawa latihan yang secukupnya diberi kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan belia agar mereka dapat memimpin pertubuhan ini dengan lebih mantap lagi. Kita sedia maklum bahawa buat masa sekarang, kita kalau nak tukar semua sekali gus memang ia tidak dapat dilakukan dan oleh itu, *grace period* satu tahun telah pun diberi untuk membolehkan peralihan pemimpin ini dapat dijalankan dengan baik. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk belia-belia yang bermasalah? Apa yang kita lihat ialah program-program yang dilakukan oleh kementerian sekarang ini tidak diminati oleh sebahagian besar daripada belia-belia.

Sebagaimana yang dilaporkan oleh Harian Metro semalam dan juga TV3 pada minggu lepas, gejala '*Mat Rempit*' dan '*Minah Rempit*' yang mengamalkan seks bebas, mabuk, dadah dan juga '*Punk Anarchy*' di sekitar Bukit Bintang amat membimbangkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Douglas Uggah Embas: Kementerian telah menjalankan pelbagai program dan kalau kata tidak ada sambutan yang baik, ia kurang tepat kerana memang program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan mendapat sambutan yang baik, termasuk Program Rakan Muda.

Program Rakan Muda telah berjalan lebih daripada 13 tahun dan amat berkesan di peringkat akar umbi. Dalam hubungan ini, Program Rakan Muda, Fasa II telah pun dilancarkan oleh Perdana Menteri pada tahun ini. Ia sekarang bergerak dengan lebih berkesan dengan menumpukan kepada *community based*, iaitu kita membawa program-program Rakan Muda ini ke peringkat akar umbi iaitu di peringkat kampung, taman-taman dan juga tempat kediaman.

Kita di Kementerian Belia dan Sukan bukan sahaja menjalankan aktiviti sebagai satu kementerian tetapi kita mendapatkan penyertaan daripada kementerian-kementerian lain seperti

Jabatan Perpaduan dan juga kementerian lain serta NGO-NGO yang lain untuk menyertai dan membantu meningkatkan aktiviti-aktiviti belia ini.

Kita memahami bahawa masalah 'Mat Rempit' ini satu masalah yang perlu kita tangani dengan secepat mungkin, kerana ia juga membawa gejala sosial yang lain seperti yang dikatakan tadi. Program-program untuk memastikan ataupun menghindarkan belia menceburi dalam aktiviti yang tidak sihat ini sentiasa dirancang termasuk kita menggalakkan peringkat kerajaan negeri mengadakan *circuit-circuit* lumba motosikal yang tersendiri untuk membolehkan perlumbaan motosikal haram dapat dihapuskan dan mengadakan perlumbaan yang lebih selamat, juga dapat mencungkil bakat-bakat untuk sukan motosikal. Sekian, terima kasih.

9. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh mana keberkesanan pencapaian akademik pelajar dan pembangunan infrastruktur yang telah dilakukan oleh kerajaan terhadap Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan sehingga ini, berapa banyak Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) khususnya di Kelantan dan Terengganu yang masih belum berdaftar di bawah program SABK.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari akan peranan semua sekolah termasuk sekolah agama dalam arus pembangunan negara.

Sehubungan itu, melalui Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pelajaran telah memberi tumpuan dalam semua aspek pendidikan termasuk peruntukan pembangunan dan mengurus. Bukan sahaja kepada sekolah kerajaan tetapi juga kepada Sekolah Bantuan Kerajaan termasuklah Sekolah-sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat yang telah berdaftar di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Sebagai bukti kepada keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan Sekolah Bantuan Kerajaan ini, siling bantuan peruntukan modal telah ditambah daripada RM50 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan kepada RM100 juta dalam rancangan Malaysia Kesembilan.

Dari segi bantuan per kapita pula SABK juga akan mendapatkan bantuan per kapita yang sama dengan sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah bantuan kerajaan.

Sehingga Jun 2007 sebanyak 119 Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat telah berdaftar di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai SABK. Daripada jumlah tersebut 14 buah adalah di Terengganu dan dua buah adalah di Kelantan. Pada Ogos 2007, sebanyak 15 lagi Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri telah menandatangani MOU persetujuan mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali selepas itu Yang Berhormat Dato' Ismail Kassim.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya bagi keberkesanan dan peningkatan taraf akademik, apakah bentuk program yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian khusus meningkat kualiti tenaga pelajar di SABK. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sememangnya apabila sekolah itu didaftar sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan, Kementerian Pelajaran akan memastikan bahawa sekolah-sekolah ini menggunakan kokurikulum yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan juga semua tenaga pengajar termasuk pengurusan dan juga dapat dibekalkan dengan secukupnya.

Selain daripada itu, dari segi pembangunan dan juga per kapita yang saya sebut tadi juga dapat kita salurkan supaya anak-anak berdaftar dengan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dapat belajar di sekolah dengan kemudahan-kemudahan seperti yang terdapat di sekolah-sekolah kerajaan juga Sekolah Bantuan Kerajaan. Terima kasih.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, saya difahamkan pengambilan tenaga pengajar di SABK di peringkat awal ini kebanyakannya ia dibuat dengan sedikit tergesa-gesa, iaitu dari segi kualiti calon-calon ataupun tenaga pengajar ini dilihat mereka-mereka yang kelulusannya tidak begitu baik, termasuk mereka yang di kalangan siswazah pun yang berada dalam gred yang agak tidak memuaskan.

Jadi bagi memastikan SABK ini walaupun ada kursus-kursus masa cuti telah dilaksanakan oleh pihak kementerian. Bagi memastikan ianya lebih berkesan, apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian supaya di masa-masa yang akan datang tenaga pengajar yang dipilih untuk berkhidmat dalam SABK ini sama kualitinya dengan sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ismail Kassim. Memang saya menyetujui bahawa tenaga pengajar adalah satu faktor yang penting untuk menjayakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

Dalam perkara ini Kementerian Pelajaran telah memulakan untuk memberikan latihan kepada guru-guru yang mengajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang masih belum mempunyai tauliah atau masih belum mempunyai syarat untuk mereka supaya memberikan mereka peluang untuk mendapat latihan atau kursus. Supaya pengetahuan dan juga pedagogi yang ada pada mereka dapat ditingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya apabila Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri sesudah mereka berdaftar dengan Kementerian Pelajaran sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan, nampaknya enrolmen daripada murid-murid dan juga sambutan daripada ibu bapa cukup menggalakkan.

Jadi walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran akan sentiasa memantau supaya sekolah-sekolah tersebut ini dapat memberikan pendidikan yang berkualiti kepada anak-anak kita. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah bantuan per kapita akan diberikan kepada semua Sekolah-sekolah Agama Rakyat khususnya di negeri Kelantan? Dan mengapakah pelajar dari Sekolah Agama Maahad Perempuan iaitu adik Siti Fatimah Mokhtar yang mendapat 17 A1 dan 1 A2 dalam SPM 2006 tidak diiktiraf sebagai pelajar terbaik SPM Malaysia. Terima kasih.

▪ **1100**

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selepas sekolah agama rakyat atau sekolah agama negeri yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran, kita tidak akan bezakan dengan sekolah-sekolah bantuan kerajaan lain. Apa yang patut mereka dapat, Kementerian Pelajaran tetap akan memberikan seperti kadar per kapita yang kita guna pakai untuk sekolah-sekolah termasuk sekolah kerajaan. Ada yang sama akan diberikan kepada semua sekolah yang berdaftar sebagai bantuan kerajaan.

Dari segi pelajar yang saya sebutkan tadi, saya kena semak bagaimana sudah tentu ada sebab-sebabnya dan kalau tidak silap saya sebenarnya Menteri Pelajaran pun telah berjumpa dengan adik yang disebutkan tadi yang mendapat 17A dan juga telah diberikan bantuan yang diperlukan dan kita tidak akan membezakan di antara satu sama lain. Kita anggap inilah merupakan sekolah kerajaan, bantuan kerajaan. Kita tetap memberikan perlindungan bantuan kepada semua pelajar yang berada di sekolah kerajaan termasuk sekolah bantuan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

10. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, berapakah kos yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk program angkasawan negara dan adakah pihak swasta memberi sumbangan kewangan dalam program ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mod. Jarjis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syukur alhamdulillah, baru-baru ini seluruh rakyat Malaysia dan saya yakin seluruh Ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini telah melihat negara telah mencipta satu sejarah bila Dr. Sheikh Mudzaffar Shukur berlepas ke angkasa pada 10 Oktober 2007 dan selamat kembali ke bumi pada 21 Oktober 2007.

Detik bersejarah itu telah disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga saya yakin Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sendiri dan seluruh rakyat Malaysia dan Yang Amat Berhormat pula semasa Sheikh Mudzaffar pulang ke bumi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pula dapat berada di Moscow untuk menerima kepulangan Sheikh Mudzaffar.

Setakat ini kita melihat eksperimen-eksperimen dikendalikan oleh para saintis kita. Hasil-hasilnya amat baik sekali dan semua seperti yang sedia maklum, saintis-saintis kita menjalankan kerjasama R&D ini bersama-sama dengan saintis-saintis Eropah, saintis-saintis daripada Amerika dan saintis daripada Jepun sendiri. Sudah semestinyalah, kita melalui usaha ini ia menunjukkan satu kejayaan, mengangkat lagi kualiti dan penghormatan orang kepada universiti-universiti tempatan kita. Usaha ini yang telah dipelopori sendiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa yang ada bersama dengan kita di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa Sheikh Mudzaffar mencetus sejarah pergi ke angkasa ini telah mencetuskan kesedaran dan kebangkitan anak muda lima juta di bangku sekolah. Satu semangat ini semangat untuk menuntut ilmu. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, selalu berlaku di negara kita anak-anak muda kita tercetus selalu semangatnya, euforianya, demam, *fever* apa juga yang boleh dipakai oleh hiburan. Siti Nurhaliza, Mawi, tetapi alhamdulillah, kita telah melalui program menghantar angkasawan kita ke angkasa, membuat satu anjakan yang baru bahawa pertama kali dalam sejarah, satu idola baru, idola ilmu.

Kalau dahulu idola itu idola hiburan. Semalam semasa saya berada di satu majlis dihadiri oleh 3,000 belia FELDA, di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berada untuk memberikan hadiah kepada tokoh-tokoh yang berjaya di dalam FELDA dari segi perniagaan dan lain-lai, sementara Mawi... Memang biasalah bila acara peneroka itu, Mawi dijemput. Sementara Mawi menyanyi di pentas, orang berkerumun dan beratur menyaksikan Sheikh Mudzaffar datang ambil autograf, tidak laku. Selalunya bila Mawi naik ke atas pentas, orang berkerumun di tepi pentas ambil gambar Mawi, tidak ada. Ada yang datang ambil gambar dengan Mawi, tetapi mendengar Mawi menyanyi, bergambar dengan Sheikh Mudzaffar pula, berkerumun di situ. Sehinggakan keselamatan minta buat *line*. Sementara mendengar Mawi menyanyi, dia mendapatkan autograf daripada Sheikh Mudzafar yang juga saya nampak membawa sedikit berkongsi peristiwa ini dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia yang saya hormati sekalian.

Bila Sheikh Mudzafar pergi ke mana-mana, sebelum SPM baru-baru ini, ayah berjumpa dengan Sheikh Mudzaffar minta tulis sedikit kata-kata perangsang untuk anak dia hendak ambil SPM. Yang berjumpa, ada anak tadi, tolong bagi nama kakak saya si polan, si polan, bagi kata semangat untuk kakak atau abang tadi hendak ambil periksa SPM. Ini belum berlaku dalam sejarah. Kalau ini natijahnya, ia membawa satu petanda yang baik untuk negara kita kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pesanan semasa kita menyambut 50 tahun merdeka baru-baru ini, menyatakan bahawa kita boleh syukur kepada Allah S.W.T. kerana kejayaan Malaysia yang ada.

Namun demikian untuk mengekalkan kejayaan kita untuk 50 tahun akan datang, kita perlukan satu anjakan. Anjakan baru untuk mengemudikan ekonomi kita, tidak boleh berasaskan

kepada upah yang murah, sumber yang murah. Komoditi itu ialah ilmu. Untuk itu, kalau kita dapat membangkitkan semangat lima juta anak muda melalui program angkasawan itu, dia akan menjadi kepada satu bekalan anak muda yang nanti pergi ke universiti tempatan sebagai sumber dia ke universiti tempatan. Apa itu usaha nanti Menteri Pengajian Tinggi kalau mereka-mereka yang mengambil SPM semuanya membuat sastera sahaja? Tidak ada minat dalam matematik dan sains.

Anjakan ini kita lihat di Rusia. Pihak Rusia menghantar, ke angkasa lepas bagi anak muda Rusia untuk belajar matematik dan sains. Untuk itu, pihak Rusia amat kuat dalam bidang *the basic research* ini. Sekarang ini semua negara maju ada pusat dia. Pusat pejabat dia di Rusia untuk melihat apa kemajuan pelajar R&D sana dan bawa ke negara masing-masing. Begitu juga bila dihantar, maka semangat baru anak muda pihak Rusia, Amerika takut. Sebab itu Presiden Kennedy mengumumkan untuk menghantar rakyat mereka ke bulan. Untuk itu sekarang, selepas itu bila Neil Armstrong menjejak kaki ke bulan, bangkit semula anak muda Amerika untuk mengejar ilmu.

Untuk itulah mengatakan, dunia mengiktiraf Amerika itu kuat dan kukuh kerana sumber yang mereka bina. Anak muda mereka untuk menambat hati mereka belajar ilmu matematik dan sains itu dan mengemudikan kekuatan Amerika dalam bidang ekonomi sehingga sekarang. Insyallah Tuan Yang di-Pertua, niat ini nanti, lima juta rakyat Malaysia 20 tahun akan datang, 30 tahun akan datang, wawasan Perdana Menteri kita akan membawa satu anjakan yang baru untuk kita membina Malaysia seterusnya cemerlang dan terbilang nanti 50 tahun akan datang.

Terakhir sedikit tentang kos sains yang dibuat oleh tokoh-tokoh universiti daripada USM, UKM, UTM, RM5 juta dan kita juga telah menubuhkan satu Yayasan Angkasawan dapat sedikit sumbangan daripada Telekom, Tenaga Nasional dan lain-lain lagi untuk perhiasan angkasawan ini untuk angkasawan kita nanti pergi ke sekolah-sekolah Insyallah pada bulan Januari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya sedang berbincang dengan Menteri Pelajaran, melancarkan program angkasawan ini kedua-duanya dengan Dr. Faiz pergi ke sekolah-sekolah untuk mengukuhkan minat, teruskan minat mereka mempelajari ilmu matematik dan sains. Untuk masyarakat Tionghoa pula, kita juga dapat tawaran dengan negara China. Orang Tionghoa dan angkasawan China datang ke Malaysia, akan turun bersama dengan angkasawan kita Sheikh Mudzaffar, akan pergi pula ke sekolah-sekolah Tionghoa dan saya sudah mendapat beberapa awalan daripada korporat-korporat Tionghoa untuk kita juga bawa program ini ke sekolah-sekolah Tionghoa dan kita akan juga bawa ke sekolah-sekolah masyarakat kita orang Tamil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Chua Kim Chuan. Selepas itu Dato' Dr. Norraesah.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan menteri menyatakan program ini begitu semangat bagi remaja-

remaja negara kita. Saya ingin tahu bilakah kerajaan akan menghantar angkasawan yang kedua dan anggaran kos yang akan dibelanjakan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mod. Jarjis: Terima kasih. Kita baru-baru ini diberikan kejutan. Saya pun susah hati juga dapat panggilan telefon pukul 3.00 pagi. Kerana Dr. Faiz bila pulang makan malam dengan rakannya, ada cubaan merompak rakan yang beliau pulang tetapi memanglah bila kawannya terancam, dia cuba menahan, melindungi daripada terbinasa rakannya. Tangan sebelah kirinya cedera.

▪ **1110**

Alhamdulillah saya ingin maklumkan pihak doktor di Gleneagles telah menyatakan bahawa *recovery* atau pemulihannya amat baik sekali dan lebih baik daripada apa yang dijangkakan dan beliau sudah keluar daripada Gleneagles semalam dan akan terus pergi buat fisioterapi. Untuk itu, pihak doktor telah maklumkan saya insya-Allah bagi masa dalam dua tiga bulan akan pulih kembali tangan belah kirinya dan kita akan menghantar beliau kembali ke Moscow menjalani latihan kerana pihak Rusia telah menawarkan satu slot kekosongan yang ada daripada pihak Rusia untuk menghantar pada tahun 2010, 2011. Kalau dahulu penghantarannya ialah berupa *offset*. Kali ini penghantarannya, kerajaan bersetuju seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hantar melalui pembiayaan kita sendiri tapi kalau kita bandingkan ini, kosnya belum diputuskan dan insya-Allah kita akan rundingkan dengan pihak Rusia kerana masanya masih ada.

Slot kita tahun 2010, 2011 dan juga baru-baru ini usaha kita hendak meneruskan supaya anak muda lima juta itu terus kita pupuk semangatnya jangan luntur, untuk itu kita ada tawaran kapal Soyuz yang membawa Sheikh pulang itu kita beli dan kita sedang berbincang dengan pihak Rusia dan mungkin kita buat secara kerajaan dan swasta melalui satu anak syarikat kerajaan di bawah MOSTI, ATSB yang mungkin yang mampu itu kita kenakan bayaran tapi anak-anak muda melalui *sponsorship*, kita tak kenakan bayaran.

Saya sedang berbincang dengan Menteri Pelancongan yang datang daripada luar negara pun hendak menengok juga itu dan kita bukan hanya melihat kapal Soyuz itu sahaja, kita buat juga dari segi menggunakan teknologi sedikit supaya seperti juga kalau orang belajar naik kapal terbang tak perlu naik kapal terbang. Dia ada simulator. Untuk itu kita gunakan teknologi simulator. ATSB akan bekerjasama dengan satu syarikat teknologi tempatan terkenal Sapura untuk buat sedikit *simulation*. So, naik ke dalam itu bergegarlah sedikit. Nampak dia naik ke atas, rasa tekanan G sedikit, nampak bumi untuk menaikkan minat anak muda. Yang mampu, yang luar negara kita kenakan bayaran. Anak-anak sekolah kita tak kenakan bayaran. Ia melalui *sponsorship* pihak-pihak kumpulan korporat. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan saya ialah kita nampak seumpama untuk menarik perhatian anak muda yang 5 juta ini ialah melalui

angkasawan, melalui Soyuz. Adakah ini bermakna kita akan berterusan untuk menampung minat itu untuk memastikan minat ini berterusan kita akan terus membelanjakan pembelian barangan peperangan ataupun barangan *defense*. Nampaknya macam itu atau mungkin saya silap.

Yang kedua, adakah tarikan kepada *astronaut* Muszafar itu lebih kepada *is it* adakah ia tarikan *the look* ataupun *the book*. *The book* itu ilmu. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang baik. Yang pertama dahulu penghantaran itu dibiayai melalui *offset*. Maknanya kalau kita hantar kita terikat untuk menggunakan senjata pihak Rusia. Ini pihak kerajaan tak mahu terikat begitu. Maknanya dari segi penghantarannya pembiayaan mungkin dua alternatif. Belum diputuskan. Mungkin *offset*, mungkin kita bayar. Itu kerajaan akan putuskan tapi saya nampak mirip kepada kita bayar sendiri, kita tak mahu terikat dengan pembelian senjata. Ini kerajaan belum putuskan kepada mana-mana kaedah. Namun demikian, pandangan Yang Berhormat itu benar tidak mahu nanti bila kita memutuskan untuk menghantar angkasawan kita melalui pelancar Rusia kita tidak mahu terikat dengan pembelian senjata. Benar, pandangan Yang Berhormat itu baik sekali.

Yang kedua dengan semangat itu saya nampak semangat tapi dari segi *the book and the look* itu ada juga kebenarannya tapi tak semestinya itu semua. Macam di Rusia sebagai contoh Yang Berhormat, mereka pula buat satu unjuran statistik, kita menang di kalangan pihak Rusia, yang paling popular *cosmonaut* kita. Itu kerana *the look* sudah tentu.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu hasil kajian saintifik yang dibuat di ISS sebab Dr. Sheikh Muszafar juga dikatakan membawa tisu untuk dibuat kajian dan adakah ia masih boleh diguna pakai untuk dibuat kajian setelah sampai ke bumi dan apa sebenarnya hasil daripada kajian tersebut.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, benar saintis kita daripada kumpulan universiti kita seperti UKM, USM dengan UM. Mereka bila kembali kita susah hati juga kerana masa *re-entry* itu bukan *re-entry* yang biasa. Dipanggil abnormal sedikit dipanggil *ballistic re-entry*. Takut sampel-sampel itu rosak tapi alhamdulillah sampel-sampel yang kita terima bila kapal Soyuz pulang ke bumi alhamdulillah dengan baik. Mereka sekarang sedang mengendalikan eksperimen ini, mengkaji keputusan-keputusan ini dengan pihak Eropah dan juga rakan-rakan mereka di Jepun. Sama-samalah kita tunggu nanti saya akan minta pihak saintis mengemukakan hasil-hasil mereka ini nanti biar akan diumumkan kepada orang ramai.

Yang terakhir tentang *the look* tadi Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tahu Sheikh Muszafar telah mengumumkan yang beliau akan mendirikan rumah tangga tidak lama lagi di mana akan bertunang pada tahun depan dan kahwin mungkin tak lama selepas itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara merakamkan penghargaan di atas kehadiran menteri datang sendiri untuk menjawab soalan pagi ini dan sekali

gus mengalu-alukan kehadiran Menteri Pengajian Tinggi. Terima kasih. Silakan Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

11. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, apakah rasionalnya memberikan peruntukan untuk perayaan 50 tahun kemerdekaan kepada Ahli Parlimen Pembangkang sehingga menyebabkan parti-parti komponen Barisan Nasional terpaksa 'meminta sedekah' pula dengan mereka untuk menjalankan program.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jemaah menteri telah bersetuju agar semua kawasan Parlimen di seluruh negara diberikan peruntukan untuk melaksanakan program Semarak Merdeka sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan. Program itu bertujuan untuk meningkatkan patriotisme dan menanam semangat cintakan negara di kalangan rakyat jelata tanpa mengira fahaman politik. program sambutan 50 tahun kemerdekaan di setiap kawasan Parlimen juga merupakan landasan yang sesuai untuk mendekati rakyat dengan wakil rakyat masing-masing dan ianya telah berjaya dilaksanakan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah tindakan memberi peluru kepada pembangkang di saat-saat dekat dengan pilihan raya merupakan tindakan yang bijak dan tidakkah program yang dianjurkan oleh pembangkang itu untuk meraih sokongan rakyat dan merupakan tindakan yang merugikan kerajaan.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang isu ini saya pun rasa pagi ini saya menyedari perasaan semua Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tentang isu ini dan saya juga sedar, suka tak suka saya akan jadi sasaran tembakan pada pagi ini. Ini satu keputusan yang diambil oleh jemaah menteri iaitu pada tahun kemerdekaan ke 50 tahun ini, satu tarikh yang suci di mana kita harap merangkumi semua rakyat jelata di negara kita. Sebab itu Kabinet melonggarkan sedikit tentang peraturan untuk peruntukan yang diberikan. Biasanya kita tak bagi peruntukan kepada pihak pembangkang tapi tahun ini ada lain sedikit tetapi kelonggaran ini diikat dengan syarat yang mana ia tertakluk kepada beberapa panduan dan syarat seperti yang terkandung dalam buku kecil sambutan 50 tahun kemerdekaan yang telah dikepilkan bersama surat daripada Yang Berhormat Menteri KeKKWa dan pengisian yang termaktub di dalam buku kecil secara ringkasnya adalah seperti berikut. Mereka tidak boleh buat bermaharajalela. Mesti mengikut panduan dalam buku kecil ini. Saya akan sebut secara ringkas isian buku ini, iaitu:

■1120

- (i) mereka mesti melakukan beberapa gotong-royong dan meletakkan papan tanda kemerdekaan;
- (ii) gerakan 50 bendera Malaysia oleh putera-puteri kawasan Parlimen; dan
- (iii) pengisian secara persembahan:
 - (a) menaikkan bendera;

- (b) ucapan Ahli Yang Berhormat terhadap erti kemerdekaan;
- (c) menyampaikan sumbangan dan penghargaan kepada tokoh-
- (c) tokoh kemerdekaan kawasan setempat;
- (d) menekankan nilai-nilai murni di dalam kempen membaca dan
- (d) Budi Bahasa Budaya Kita; dan
- (e) persembahan kesenian tradisi.

Ini penting, dalam persembahan ini mereka mesti perlu ada satu persembahan di antara 30 sehingga 40 minit. Di dalam persembahan ini ia mesti merangkumi satu persembahan bertemakan *Malaysiaku Gemilang* dan dipastikan pelbagai kaum mengambil bahagian dalam acara ini.

Kedua, nyanyian beramai-ramai lagu *Jalur Gemilang* dan *Malaysiaku Gemilang*. Sketsa kemerdekaan Budi Bahasa Budaya Kita, kempen membaca dan semarakkan seni budaya, melibatkan artis-artis tempatan. Aktiviti ini diterajui oleh kumpulan kesenian tempatan dan barisan artis setempat yang bermuafakat dari pelbagai kaum dan kategori dan akhirnya pembacaan puisi patriotik.

Walau bagaimanapun malangnya pihak pembangkang tidak bolehlah diharapkan. Satu kesimpulan saya dapat daripada ini ialah, susahlah kita hendak menyuruh ketam berjalan dengan betul. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya hendak ucapkan terima kasih kepada pihak Timbalan Menteri, kita sedarlah bahawasanya kita beri dia orang itu *weapon* tetapi dalam apa syarat sekalipun yang kita beri kepada pembangkang yang kita tahu tidak ramai Ahli Parlimen adalah pembangkang. Adakah pihak kementerian selepas menyediakan garis panduan dan lain-lain yang seperti dibaca oleh Timbalan Menteri tadi - pegawai-pegawai daripada kementerian di negeri mahupun keseluruhan membuat pemantauan ke atas program yang dibiayai oleh kerajaan yang menjurus kepada perayaan 50 tahun kemerdekaan atau sebaliknya?

Dato' Wong Kam Hoong: Dalam kes ini tadi saya ada jawab, kesimpulan saya dalam bahasa Inggeris, '*milk was already spilt*'. Kita sudah curah susu dan tidak boleh kita buat apa tetapi ini satu pengajaran kepada kita. Sekalipun kita tidak boleh berharap kepada pihak pembangkang. Niat kerajaan, niat BN adalah niat yang baik tetapi mereka menyelewengkan peruntukan ini sebab itu saya pun rasa tidak bolehlah diharap dan kali ini mungkin merugikan niat baik kerajaan. Sekali lagilah saya berkata kepada Yang Berhormat, burung gagak itu jika dimandikan dengan susu tidak akan menjadi putih. Sekian, terima kasih.

12. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Pelajaran menyatakan, jumlah sekolah yang menjalankan sistem dua sesi pagi dan petang di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun 2007 sebanyak 1,644 buah sekolah di seluruh negara yang masih menjalankan sistem dua sesi. Daripada jumlah tersebut sebanyak 873 buah adalah sekolah rendah dan 771 buah adalah sekolah menengah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Haji Kamarudin dan selepas itu Tuan Khoo Soo Seng.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kementerian pernah menjalankan kajian keberkesanan prestasi akademik pelajar sekolah satu sesi berbanding sekolah dua sesi. Jika ada, apakah statistik terkini perbezaan prestasi bagi kedua-dua jenis sekolah tersebut?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua saya perlu jelaskan di Dewan yang mulia ini, dua sesi ada dua maknanya. Pertama, dua sesi bermakna sekolah mempunyai satu sidang maknanya sebelah pagi atau sebelah petang sahaja, tidak ada dua sesi maknanya sesi petang dan juga sesi pagi. Lagi satu ialah satu sesi bermakna melanjutkan masa. Walaupun satu sidang tetapi melanjutkan masa sampai 4.30. Jadi kalau itu maksudnya maka Kementerian Pelajaran masih belum melaksanakan dua sesi dengan melanjutkan tempoh masa sehingga 4.30 petang.

Walaupun projek perintis telah pun dijalankan dan beberapa sekolah di negeri Terengganu pun telah dijalankan secara perintis. Walau bagaimanapun masih belum ada keputusan dan masih dikaji sama ada ia boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah yang lain. Kalau Yang Berhormat maksudkan bahawa satu sesi hanya satu sidang maka dengan adanya satu sidang maknanya ibu bapa tidak perlu hantar anak pada waktu petang jadi hanya sebelah pagi sahaja. Jadi dari segi *performance* akademik, tidak ada kajian yang dijalankan. Walau bagaimanapun dari segi kemudahan memang lebih baik mempunyai satu sidang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Khoo Soo Seng.

Tuan Khoo Soo Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah bilangan bilik darjah bagi sekolah-sekolah sedia ada ataupun menambah bilangan sekolah supaya sistem sekolah harian boleh dilaksanakan demi memanfaatkan putera-puteri negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan banyak-banyak terima kasih memang ini adalah satu usaha untuk ke arah - di mana sekolah-sekolah di negara kita ini hanya mempunyai satu sesi, satu sidang sahaja. Oleh sebab itu, untuk mencapai kepada tahap yang saya sebutkan ini memerlukan masa sedikit dan juga memerlukan bantuan kewangan untuk melaksanakan, untuk menambahkan bilangan bilik darjah supaya sekolah-sekolah yang masih menjalankan dua sesi itu dapat menjalankan dengan satu sesi.

Rancangan Malaysia Kesembilan memang banyak program yang telah ditetapkan untuk membina lebih banyak sekolah lagi untuk mengisi keperluan di kawasan-kawasan yang masih

menghadapi kekurangan sekolah. Jadi itu telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dan kita berharap pada satu hari nanti di sekolah-sekolah yang terdapat di negara kita ini boleh menjalankan satu sesi sahaja. Terima kasih.

13. **Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, agar kementerian dapat membuat penyemakan semula atau penambahbaikan kurikulum di IPTA selaras dengan kehendak pasaran tenaga kerja terkini agar tiada lagi lambakan pengangguran graduan di IPTA atau IPTS.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, kurikulum di universiti dikaji dari semasa ke semasa. Kalau dulu lima tahun sekali sekarang ini lebih kerap daripada lima tahun dan ia digubal mengambil kira pandangan daripada semua pihak khususnya majikan dan juga pihak kerajaan. Kurikulum terkini yang telah diubahsuai meliputi bidang ICT, bidang perakaunan, bidang kejuruteraan dan bidang undang-undang dan proses ini merupakan proses berterusan. Dalam pengamatan kami apabila berbincang dengan majikan, ada dua perkara yang penting.

Kurikulum yang pertama ialah kemahiran teknikal ataupun penguasaan ilmu dalam bidang masing-masing. Kedua ialah kemahiran insaniah ataupun *soft skills* termasuklah sahsiah ataupun peribadi personaliti yang dimiliki oleh pelajar. Oleh yang demikian kurikulum baru ini banyak memberi penekanan daripada dengan izin, *critical thinking*, penguasaan bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, kemahiran berkomunikasi.

■1130

Ini penting untuk memastikan seseorang graduan itu mampu mendapat pekerjaan. Apa yang berlaku sejak pertengahan tahun 90-an, dua fenomena. Yang pertama ialah peningkatan dalam bilangan IPT, IPTS.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kalau dulu cuma dua tiga universiti, tidak ada IPTS. Sepuluh tahun yang lalu kita buka peluang lebih luas. Hari ini sudah ada 20 IPTA, IPTS, kolej universiti dan universiti swasta sudah lebih 30 buah. Jadi, ini fenomena pertama. Pertambahan dalam bilangan universiti dan peluang-peluang untuk belajar bertambah. Yang kedua, keadaan ekonomi kita sudah berubah bermula dengan krisis ekonomi 1998-1999, selepas itu peristiwa 11 September, maka dengan itu ekonomi negara kita kalau sebelum 1997 berkembang pada kadar 9.5% setahun, akhir-akhir ini berkembang pada kadar kira-kira 6% setahun.

Jadi, dua fenomena ini telah menyebabkan beberapa siswazah menghadapi masalah dan saingan di tempat kerja semakin sengit. Peluang pekerjaan ini daripada tiga sumber. Yang pertama daripada kerajaan, yang kedua daripada swasta. Swasta ini ada daripada syarikat multinasional dan syarikat perindustrian tempatan termasuk IKS. Yang ketiga ialah kerja sendiri.

Pada hari ini, dalam kurikulum selain daripada memberi penekanan kepada bahasa dan juga pembinaan sahsiah, kita juga telah memperkenalkan sebagai satu subjek *compulsory*, Keusahawanan yang mula diperkenalkan semester yang lalu. Ini ialah untuk memastikan para graduan kita mampu untuk bersaing di dunia pekerjaan. Walau apa pun, mustahil di mana-mana negara untuk kerajaan menjamin setiap yang keluar universiti itu mendapat pekerjaan. Tidak ada sebuah negara pun di dunia yang mampu untuk menjamin peluang pekerjaan untuk semua. Oleh demikian, para siswazah di Malaysia hendaklah membina kekuatan diri, membina keterampilan diri dan mampu bersaing di pasaran apabila mereka keluar daripada universiti dan kerajaan akan sentiasa memperbaiki kurikulum dengan mengadakan perbincangan, perundingan dengan pihak swasta dan juga pihak-pihak lain yang berkenaan. Terima kasih.

Datuk Yaakob b. Haji Mohammad: [*Bangun*]

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan tamatkan masa pertanyaan selepas selesai pertanyaan nombor 15. Datuk Armani kemudian Puan Wan Hazani dan Puan Siw Chun. Beri peluang pada tiga-tiga wanita dulu.

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat menteri kerana memberi jawapan yang begitu baik sekali. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk membuat satu pengkhususan pengajian yang mengambil kira permintaan sumber manusia dalam pelbagai sektor mengikut keperluan semasa agar dapat mengurangkan lambakan pengangguran graduan lepasan IPTA atau IPTS ini. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Sebelum sesuatu kursus diperkenalkan, kita merujuk kepada pasaran, keperluan ataupun permintaan di pasaran dan kita ada jawatankuasa di kementerian saya bersama EPU untuk melihat kepada keperluan negara dan kerajaan sudah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menyelaraskan program-program pengajian di universiti dan juga di kolej-kolej. Jawatankuasa ini telah pun bermesyuarat sekali dan mesyuarat kedua akan diadakan dalam sedikit masa lagi. Tujuannya ialah untuk menyelaraskan keperluan industri, majikan dan kerajaan dengan *output* pengeluaran daripada universiti dan kolej-kolej yang lain dan pihak Unit Perancang Ekonomi juga membuat ramalan ataupun *forecast* tentang keperluan dalam bidang-bidang tertentu dan kerajaan sedaya upaya cuba memastikan bahawa pengeluaran daripada universiti memenuhi apa yang diperlukan oleh pihak majikan.

Dalam sektor tertentu, kita ada kekurangan tenaga kerja umpamanya sektor dengan izin, *low skill employment*. Itu sebabnya kita mengimport begitu ramai tenaga buruh daripada luar negara yang menjadi masalahnya, kerja-kerja ini tidak memberi pendapatan yang lumayan bagi graduan kita. Yang keduanya ialah ada bidang-bidang ini kurang diminati oleh graduan kita. Oleh itu, kerajaan akan terus berusaha bagi memastikan bahawa graduan kita yang dikeluarkan relevan

kepada keperluan pasaran. Yang ketiga, kita akan terus berusaha untuk cuba mengurangkan pergantungan dan bukan nak hapuskan pergantungan kepada pekerja asing tapi mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja daripada luar negara.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian memberi peruntukan yang secukupnya untuk IPTA menjalankan kursus-kursus dengan lebih efektif dan lebih menepati keperluan industri seperti menyediakan teknologi dan kemudahan terkini. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Peruntukan yang disediakan oleh kerajaan, sememangnya tak mencukupi kalau nak lihat kepada keperluan tetapi kita rasa memadai tahun depan umpamanya disediakan peruntukan lebih RM6 bilion untuk semua IPT di negara kita, 20 universiti dan peruntukan pembangunan di bawah RMK-9 ialah lebih RM18.4 bilion. Ini ialah untuk membina infrastruktur dan juga untuk membolehkan kursus-kursus tertentu yang diperlukan oleh pasaran dapat disediakan oleh pihak universiti. Jadi, dari segi peruntukan, ia bukan merupakan satu halangan yang besar. Yang penting hari ini ialah harus ada satu perbincangan yang lebih rapi antara pihak universiti dengan pihak industri, pihak majikan, pihak kerajaan supaya keluaran daripada universiti itu yang pertamanya menepati keperluan pasaran. Yang kedua, bilangan yang dikeluarkan itu adalah merujuk kepada keperluan sebenar pasaran. Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah benar apabila IPT tempatan tidak berada dalam carta THES iaitu *Times Higher Education Supplementation*, bermakna IPT kita tidak setanding luar negara dan pelajar-pelajar kita juga tidak berdaya saing dan tenaga profesional kita tidak dapat menembusi pasaran global yang menyebabkan berlakunya pengangguran di kalangan graduan-graduan kita dan apakah kesan penarafan status kepada kualiti dan juga reputasi IPTA dan IPTS negara kita. Apakah pula fungsi Agensi Kelayakan Malaysia ataupun MQA yang telah ditubuhkan pada 1 November yang lalu.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan Agensi Kelayakan Malaysia..

Tuan Yang di-Pertua: Dia ada serampang tiga mata, tiga pertanyaan.

Dato' Mustapa Mohamed: ..Tiga mata, tiga soalan. MQA merupakan badan kesinambungan kepada Lembaga Akreditasi Negara. Tujuannya ialah untuk menjamin kualiti kesemua program kursus di universiti termasuk universiti awam dan swasta. Mula berfungsi 1 November untuk menjamin, memastikan kualitinya adalah setaraf dengan apa yang ditetapkan oleh kerajaan. Berkaitan dengan reputasi universiti kita, walaupun tidak tersenarai dalam 200 tertinggi, kita ada lebih 35,000 universiti di dunia, lima universiti tersenarai dalam 500, 35,000 di seluruh dunia. Kita cuma berada dalam *Top 500*, lima universiti kita. Ini bukan bermakna bahawa universiti kita tak guna, umpamanya UiTM tidak tersenarai kerana ada kriteria tapi kita tahu dalam

negara kita dan di luar negara, ramai graduan UiTM yang berjaya termasuklah menembusi pasaran luar negara sebagai profesional.

Ramai tokoh-tokoh ternama dalam negara kita graduan UiTM. UIA atau Universiti Islam Antarabangsa, merupakan sebuah universiti ternama di banyak negara membangun. Di Afrika, di Timur Tengah, di Maldives dan lain-lain. Jadi, dua universiti tak tersenarai dalam ranking tetapi ini bukan bermakna bahawa mereka teruk. Universiti kita berkualiti tetapi belum lagi *world class*. Itu maksudnya, belum *world class*. Jadi, yang saya nak buat sekarang ini selaku menteri ialah untuk meningkatkan kualiti supaya ia *world class*. Ini bukan bermakna para graduan kita tak mampu menembusi pasaran global. Kalau kita pergi rata-rata di Singapura, di Hong Kong, di China, di Timur Tengah kebanyakan yang bekerja rakyat Malaysia bekerja sebagai profesional di luar negara merupakan graduan universiti tempatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

14. **Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada Skim Pesakit Bayar Penuh (PBP) yang dijalankan di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya sejak Ogos 2006 dapat berkhidmat di hospital kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Gooi Hoe Hin. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan Skim Pesakit Bayar Penuh atau PBP pada bulan Ogos 2007 di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya bagi membolehkan pakar perubatan mendapatkan pendapatan tambahan dan seterusnya mengekalkan mereka dalam perkhidmatan awam.

▪ 1140

Sehingga bulan Oktober 2007, seramai 53 pakar perubatan adalah terlibat dalam perkhidmatan Skim PBP di Hospital Selayang manakala 30 pakar perubatan adalah terlibat dalam perkhidmatan Skim PBP di Hospital Putrajaya. Pelaksanaan Skim PBP masih lagi di peringkat awal dan kementerian masih memantau kemajuan skim tersebut. Dengan demikian kesan penuh mengenai pelaksanaan skim ini masih tidak menyeluruh bagi Kementerian Kesihatan untuk menjalankan kajian keberkesanan Skim PBP. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Gooi Hoe Hin. Kemudian Tuan Ir. Hiang A Li, Puan Mumtaz.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah kepada kementerian kerana senantiasa prihatin dan mengambil pelbagai usaha dalam memastikan *patient* perubatan diberi layanan saksama berbanding.... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Namun sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju terdapat masalah struktur dari segi *scale* gaji yang mana profesion perubatan masih tidak diberi gaji yang lebih baik dan sempurna terutamanya berbanding dengan perkhidmatan PTD. *Scale* gaji PTD hanya dari M41 dan M44.

Empat *scale* sahaja sementara bagi profesion perubatan *scale* nya U41 hingga U54, sepuluh *scale*. Kita semua tahu nak jadi doktor

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan, Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Yang Berhormat.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan memang bersetuju bahawa *scale* gaji untuk doktor adalah rendah kalau dibandingkan dengan profesion-profesion dalam upahan perkhidmatan awam, tetapi kita kena ambil maklum bahawa doktor-doktor kita adalah diupah mengikut garis panduan JPA. Apabila kita kata doktor naik gaji, profesion yang lain juga akan menuntut kenaikan gaji mereka. Walau bagaimanapun, Menteri Kesihatan telah mengambil tindakan untuk menuntut gaji yang lebih tinggi untuk doktor-doktor kita dan sekarang Kabinet sedang mempertimbangkan bahawa kita akan naikkan tangga gaji doktor yang baru masuk ke perkhidmatan dari *scale* U41 kepada U44. Ini adalah satu langkah supaya kita dapat meningkatkan gaji doktor kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan amalan ini adalah satu amalan yang nampak baik dan berkesan, adakah sekiranya ia berkesan, adakah kerajaan berhasrat untuk melanjutkan skim-skim ini kepada hospital-hospital lain yang di bandar-bandar utama seperti di Johor Bahru, Pulau Pinang, Melaka, Seremban dan juga di Kuantan. Itulah soalnya. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah satu skim perintis di mana kita akan meneliti dengan sedalam-dalamnya sama ada skim pesakit bayar penuh ini adalah baik untuk rakyat jelata dan juga untuk mengurangkan beban kos kerajaan dari segi penjagaan kesihatan, tetapi yang pentingnya adalah kalau kita hendak laksanakan skim ini kita mesti memastikan skim tidak akan menjejaskan perkhidmatan penjagaan untuk rakyat jelata. Ini adalah teras, *the most basic principle* yang kita akan amalkan. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adakah terdapat perbezaan bayaran di antara warganegara Malaysia dan warga asing dalam Skim Pesakit Bayar Penuh kerana kita bimbang ia akan dimonopoli oleh warga asing kerana kebanyakan hospital yang disebut ini berada di pusat-pusat bandar.

Yang kedua, adakah kemudahan ini juga terpakai dan bagaimanakah ia di pakai kepada penjawat awam. Ketiganya, adakah peningkatan gaji dibuat kepada kakitangan sokongan iaitu seperti jururawat terlatih dalam usaha menyokong Skim Pesakit Bayar Penuh ini. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan pesakit asing mereka pada masa yang akan datang juga boleh pergi untuk menyertai Skim Pesakit Bayar Penuh ini. Ini adalah kerana kita hendak mempromosikan juga pelancongan kesihatan kita supaya lebih ramai lagi pesakit dari luar negara boleh datang ke negara kita. Pada masa yang sama, kita kena lihat juga dari segi apabila industri pelancongan kesihatan ini berkembang ini bermakna kita akan

tarik lebih ramai lagi doktor-doktor yang berkewarganegaraan Malaysia balik ke tanah air untuk berkhidmat dan ini adalah kebbaikannya. Berkaitan dengan bayaran atau *remuneration* kepada jururawat kita, pada masa sekarang mereka tidak dapat menyertai skim ini lagi, tetapi untuk masa yang akan datang kita akan mempertimbangkan penyertaan mereka juga. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

15. **Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah peranan yang dimainkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam pembangunan rumah PPR yang boleh disifatkan sebagai “rumah penyayang” kerana ia melambangkan sikap penyayang kerajaan terhadap golongan yang memerlukannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bangunan PPR di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan. Peranan DBKL adalah dari segi pengisian PPR yang telah siap dan menguruskan PPR supaya ia selesa untuk didiami. DBKL menerima secara berperingkat sejumlah 32,762 unit PPR selewat-lewat pada Mac 2008. Bagi tujuan untuk memastikan pembangunan unit-unit PPR ini dapat didiami dengan selesa dan selamat di mana ia dapat mencerminkan konsep kediaman penyayang yang disediakan oleh kerajaan.

DBKL sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus PPR telah dan akan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) memastikan pembangunan PPR ini diurus dan diselenggarakan dengan sempurna. Bagi tujuan ini, DBKL telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara berterusan dan memperuntukkan bajet yang bersesuaian bagi tujuan ini;
- (ii) bagi tujuan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu yang mengamalkan kehidupan yang harmoni di antara penghuni PPR. DBKL juga telah menggalakkan masyarakat PPR melaksanakan pelbagai aktiviti khasnya masyarakat setempat seperti aktiviti gotong-royong, pembangunan insan, kursus, seminar dan sebagainya termasuk memandu dan membekalkan keperluan logistik kemudahan makanan dan minuman; dan
- (iii) DBKL juga berusaha untuk mempertingkatkan penyediaan kemudahan mengikut kawasan pembangunan PPR. Ini bertujuan untuk memberi kemudahan ruang-ruang yang lebih selesa dan sempurna kepada masyarakat PPR bagi tujuan menjalankan pelbagai aktiviti masyarakat setempat. Bagi tujuan ini DBKL bercadang untuk menambahkan kemudahan sedia ada di tapak-tapak yang bersesuaian di sekitar

kawasan PPR. Antara kemudahan yang akan disediakan oleh DBKL adalah seperti penyediaan dewan masyarakat, dewan untuk aktiviti sukan, padang-padang permainan, penyediaan gerai untuk masjid dan surau.

Langkah yang diambil oleh DBKL secara keseluruhannya bertujuan untuk menambah sikap kecintaan pada penghuni PPR di samping dapat mewujudkan masyarakat warga kota yang dapat hidup dalam persekitaran yang selesa dan selamat.

▪ **1150**

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Soalan tambahan saya ialah berapakah peruntukan setahun yang diperuntukkan oleh DBKL dalam menyelenggarakan dan memantau kegiatan PPR?

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya jumlah PPR di Kuala Lumpur adalah lebih daripada 60,000 termasuk PPR - MTEN iaitu 30,000 lebih rumah awam yang dibina oleh DBKL. Mengikut maklumat yang saya ada, kos penyelenggaraan DBKL bagi tahun 2008, jumlahnya ialah RM43.3 juta. Butiran iaitu kerja-kerja awam RM18.3 juta, mekanikal RM2 juta, *electrical* RM10.4 juta, penyelenggaraan lif RM6.8 juta dan gantian RM5.8 juta. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah beliau bersedia nak jawab soalan 16? Tidak apalah, saya beri pertanyaan nombor 16, Puan Loga Chitra.

16. **Puan GK Loga Chitra** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi isu rakyat Malaysia yang tidak mempunyai surat beranak dan kad pengenalan walaupun dilahirkan di Malaysia.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar terdapat segelintir penduduk di negara ini yang masih menghadapi masalah untuk mendapatkan dokumen seperti Sijil Kelahiran dan kad pengenalan walaupun mereka dilahirkan di negara ini. Kebanyakannya menetap di kawasan pedalaman negeri Sarawak dan Sabah. Menyedari masalah itu, pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mewujudkan pasukan unit bergerak di kedua-dua negeri tersebut sebagai salah satu usaha yang berkesan;
- (ii) mewujudkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, pejabat-pejabat daerah dan ketua-ketua masyarakat bagi mengenal pasti serta menyedarkan orang-orang tempatan yang tidak mempunyai dokumen;

- (iii) salah satu usaha jangka masa panjang yang diambil ialah dengan membuka kaunter-kaunter JPN, hospital kerajaan di setiap ibu negeri;
- (iv) bagi mereka yang memiliki sijil kelahiran tetapi taraf kewarganegaraan belum ditentukan, masalah tersebut boleh diselesaikan melalui permohonan pengesahan taraf kewarganegaraan yang boleh dipohon di Pejabat Pendaftaran Negara di seluruh negara; dan
- (v) mengadakan lawatan serta majlis dialog antara pihak kementerian dengan pemimpin masyarakat, Ahli-ahli Parlimen, DUN, residen, pegawai daerah dan pegawai dari Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Loga Chitra, Puan Siw Chun dan Tuan Maijol Mahap, ketiga-tiga mewakili kebanyakan kaum-kaum yang terlibat dalam isu ini.

Puan G. K Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dokumen sijil kelahiran dan kad pengenalan adalah satu dokumen yang amat penting bagi setiap rakyat Malaysia dalam urusan harian. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan pernah membuat bancian ataupun *survey* dengan izin, mengenai bilangan penduduk yang lahir di Malaysia tetapi tidak memiliki dokumen surat kelahiran atau kad pengenalan dan jika ya, bilakah bancian itu dijalankan dan lokasi bancian? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut bahawa penduduk di kawasan pedalaman kerana yang banyak mereka tidak mohon sijil kelahiran atau MyKad. Jadi kementerian saya pun telah mewujudkan *mobile unite* atau pasukan bergerak masuk ke kawasan pedalaman untuk menerima permohonan daripada mereka dan memberi kesedaran kepada mereka mengenai kepentingan sijil-sijil yang tadi saya sebut. Mengenai bancian, oleh sebab kawasan pedalaman tadi adalah sukar untuk kita membuat bancian secara teliti. Walau bagaimanapun kita telah ambil langkah-langkah yang wajib. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan dari rakyat Malaysia keturunan India. Sekarang pertanyaan dari rakyat Malaysia keturunan Siam.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin menyatakan di sini bahawa golongan yang dimaksudkan adalah ramai yang menyebabkan mereka tidak dapat masuk belajar di sekolah kerajaan. Apakah punca yang menyebabkan bayi-bayi yang dilahirkan dalam negara kita ini di mana salah seorang daripada ibu bapa mereka ini adalah warganegara dan bolehkah kerajaan wujudkan kempen pendaftaran semula golongan-golongan tersebut. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, walaupun anak atau bayi itu yang dilahirkan di Malaysia, oleh sebab dokumen yang tidak mencukupi atau maklumat dia yang tidak cukup oleh itu permohonan sijil kelahiran memang ambil masa untuk siasatan. Apabila telah ditentukan atau bila

telah dapat bukti yang konkrit barulah sijil kelahiran itu akan dikeluarkan kepada anak yang dilahirkan di negara ini. Ini bermakna kategori ini boleh mohon di bawah peruntukan Perkara 30(1), Perlembagaan Persekutuan. Jadi bermakna kelahiran seseorang itu mempunyai kefahaman atau perakuan-perakuan dari segi undang-undang jadi mereka boleh mohon di bawah peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan dari rakyat Malaysia keturunan KadazanDusun.

Tuan Majid bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu bolehkah seseorang itu memohon sijil beranak lewat dengan hanya menggunakan surat akuan bersumpah dengan mengatakan bahawa dia adalah keturunan tempatan dan dilahirkan di Malaysia. Kalau boleh *then* sesiapa pun boleh membuat surat akuan dan itu membahayakan kepada keselamatan negara kita.

Yang kedua, sedar kah kementerian bahawa kalau JPN di Sabah mengadakan pendaftaran sijil kelahiran lewat, ia perlu melibatkan seorang majistret kerana ia diperlukan di bawah Ordinan Kelahiran dan Kematian di Sabah. Kalau tidak sijil lahir itu nanti tidak akan sah. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat juga di negeri Sabah dan Sarawak ada kes-kes di mana mereka memohon sijil kelahiran yang katakan anak-anak mereka dilahirkan di negara kita, sebenarnya tidak betul. Anak-anak yang dilahirkan sebenarnya adalah di negara asal mereka atau negeri asing. Jadi kita kena berhati-hati apabila kita terima sesuatu permohonan, kita kena memeriksa dan siasat dahulu secara teliti.

■1200

Dokumen yang boleh dikemukakan kita boleh terima seperti apa yang disebutkan surat perakuan atau surat sumpah, tetapi kita kena periksa juga. Pada masa yang sama, kita juga meminta pihak pemohon mengemukakan lebih banyak maklumat kepada Jabatan Pendaftaran Negara, supaya JPN boleh tentukan sama ada sijil itu boleh dikeluarkan atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita cuba supaya jangan ada kesangsian di kalangan rakyat berketurunan atau suku kaum yang mana sekalipun.

Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2008, dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh huraikan sekarang.

12.03 tgh.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Buat permulaan saya ingin sampaikan salam takzim Yang Berhormat Senator Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri Kewangan Kedua yang tidak dapat membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2008 ini. Beliau terpaksa berada di Bali, Indonesia menghadiri mesyuarat antarabangsa yang sedang bersidang sekarang. Oleh itu saya telah diminta untuk membuat pembentangan di Dewan yang mulia ini mewakili Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Dan perlembagaan memberi hak kepada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya dapat memenuhi amanah untuk membentangkan bajet negara bagi tahun 2008 di Dewan yang mulia ini, selepas ia dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 7 September 2007 yang lalu.

Sesungguhnya tahun 2007 ini merupakan tahun yang amat besar ertinya kepada kita semua, kerana kita sama-sama menyambut ulang tahun ke 50 kemerdekaan negara. Bajet 2008 adalah bajet pertama, dalam kita melangkah ke fasa 50 tahun seterusnya, sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Dalam tempoh 50 tahun yang lepas, negara telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang membanggakan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang pada kadar purata 63% setahun. Pertumbuhan ini dicapai dalam suasana inflasi yang rendah dan guna tenaga penuh. Pertumbuhan ekonomi juga dijangka terus mantap pada kadar 6% bagi tahun 2007 keseluruhannya.

Asas ekonomi bertambah teguh dengan petunjuk-petunjuk ekonomi utama terkini dijangka terus memberangsangkan. Bursa Saham Malaysia telah mencatat paras tertinggi 1,427.77 mata pada 5 Disember 2007 dan dijangka terus kukuh. Ini menunjukkan tahap keyakinan pelabur tempatan dan luar negara terus meningkat. Rizab antarabangsa juga bertambah kukuh. Sehingga

15 November 2007, rizab antarabangsa mencapai paras USD101.2 bilion dan mampu membiayai 8.9 bulan import tertanggung ataupun sebanyak 7.4 kali hutang jangka pendek luar negara.

Kadar inflasi pula terkawal pada paras 1.9%, bagi tempoh Januari hingga Oktober 2007. Pada November 2007 harga komoditi utama kekal tinggi. Harga kelapa sawit berada pada RM2,988 se tan dan getah RM10.92 per kilogram. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh membolehkan rakyat terus meningkat kualiti hidup yang tinggi. Pendapatan per kapita juga telah meningkat daripada RM20,840 tahun 2006 kepada RM22,345 pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2008 merupakan tahun ketiga pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan yang berteraskan Misi Nasional. Bajet 2008 yang bertemakan "Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran", mencerminkan hasrat kerajaan untuk memastikan kekayaan negara terus berkembang dan dinikmati oleh semua rakyat. Bajet ini akan memberi tumpuan kepada tiga strategi utama:

- (i) mempertingkatkan daya saing negara;
- (ii) memperkasakan pembangunan modal insan; dan
- (iii) menjamin kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti pelaburan swasta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan semakin rancak, dan kadar pertumbuhan sebanyak 7% pada tahun 2006 berbanding dengan kadar 1.2% setahun sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

Bahkan pertumbuhan pelaburan swasta telah berkembang sebanyak 11.4% dalam tempoh sembilan bulan tahun ini. Satu langkah penting untuk menggalakkan pertumbuhan pelaburan swasta dalam memastikan cukai korporat terus kompetitif, untuk menjadikan pentadbiran cukai korporat lebih cekap dan mudah, kerajaan akan melaksanakan Sistem Cukai *Single Tier* berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008. Maknanya di bawah Sistem Cukai *Single Tier*, keuntungan hanya dikenakan cukai di peringkat syarikat, manakala dividen yang diterima dikecualikan daripada cukai.

Tempoh peralihan bagi sistem baru ini ialah enam tahun untuk memastikan kelicinan pelaksanaan. Di samping itu, bagi meningkatkan lagi daya saing negara dan mempercepatkan pertumbuhan pelaburan swasta, kerajaan mencadangkan kadar cukai korporat terus dikurangkan daripada 26% pada tahun 2008 kepada 25% pada tahun 2009.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam, termasuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH). Pasukan ini menumpukan pada aspek yang dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam, serta menambah baik daya saing negara. Dalam enam bulan pertama penubuhan PEMUDAH, beberapa penambahbaikan telah pun dilaksanakan dan di antaranya:

- (i) memendekkan tempoh pembayaran balik cukai pendapatan dari enam bulan ke 14 hingga 30 hari sahaja bagi penghantaran menerusi Sistem *e-filing*;
- (ii) meluluskan pendaftaran perniagaan baru dengan serta-merta berbanding tiga hari sebelum ini;
- (iii) mempercepatkan tempoh kelulusan laporan penilaian impak alam sekitar daripada tiga bulan kepada lima minggu; dan
- (iv) menggabungkan 16 borang kastam kepada 4 borang berkuat kuasa 1 Januari 2008.

Untuk menggalakkan dan memudahkan kemasukan pekerja asing berkemahiran, Jabatan Imigresen akan memendekkan tempoh memproses permit kerja, daripada 14 hari sebelum ini kepada tujuh hari. Satu kategori visa baru bagi ahli perniagaan dan profesional asing, yang mempunyai tempoh sah lebih panjang juga akan diperkenalkan. Proses mendapatkan pas lawatan profesional bagi pekerja berpengetahuan akan dipercepatkan, dengan membolehkan permohonan dibuat di pejabat kedutaan dan konsulat Malaysia di luar negara.

Di samping itu, kerajaan bersetuju supaya pekerja berkemahiran tinggi warga negara China dan India dibenarkan memohon *multiple entry visa* dari mana-mana tempat mereka bermastautin atau bekerja. Sebagai permulaan, kemudahan ini akan diperkenalkan di pusat kewangan antarabangsa seperti New York, London, Hong Kong dan Singapura. Semua langkah ini akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Tadbir urus korporat yang baik merupakan asas keyakinan pelabur terhadap pasaran modal negara. Ke arah ini kerajaan akan menubuhkan Lembaga Pengawasan Perakaunan Syarikat Awam di bawah kawal selia Suruhanjaya Sekuriti (SC), untuk mengawasi juruaudit syarikat awam, ke arah meningkatkan mutu dan kesahihan pengauditan. Selain itu, kod tadbir urus korporat telah dipinda, untuk meningkatkan kualiti lembaga pengarah syarikat awam tersenarai. Untuk meningkatkan tadbir urus jawatankuasa audit, pengarah eksekutif tidak dibenarkan menganggotainya.

Di samping itu penubuhan fungsi audit dalaman yang efektif, diwajibkan bagi semua syarikat tersenarai. Bagi syarikat-syarikat pengantara yang menunjukkan tadbir urus yang tinggi, SC akan memberi status, laluan hijau.

▪ **1210**

Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kualiti syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Untuk itu, pengecualian duti setem telah diberi ke atas surat cara penggabungan dan pengambilalihan (M&A) syarikat tersenarai yang diluluskan oleh SC sehingga 31 Disember 2007. Bagi menggalakkan lebih banyak syarikat tersenarai melaksanakan M&A, pengecualian ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2010. Kerajaan juga mencadangkan pengecualian duti setem

diberi ke atas semua surat cara bagi penggabungan syarikat vendor Petronas yang dilaksanakan sebelum 31 Disember 2010.

Bagi menggalakkan industri pengurusan pelaburan, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan:

- (i) Syarikat pengurusan dana dan syarikat pengurusan REITs dibenarkan mempunyai pegangan asing sehingga 70%, dengan syarat pegangan bumiputera tidak kurang daripada 30%; dan
- (ii) SC akan memudahkan proses pelesenan serta segala urusan di antara pemohon dengan jabatan kerajaan yang lain bagi mempercepatkan proses penubuhan operasi syarikat pengurusan dana di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan objektif *Malaysia International Islamic Financial Centre* (MIFC) untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat kewangan Islam antarabangsa, kerajaan akan memperkenalkan beberapa langkah, seperti berikut:

- (i) membenarkan syarikat pengurusan dana Islam dimiliki sehingga 100% oleh pegangan asing;
- (ii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan menyalurkan dana sebanyak RM7 bilion untuk diuruskan oleh syarikat pengurusan dana Islam;
- (iii) membenarkan keseluruhan aset yang diuruskan oleh syarikat pengurusan dana Islam dilaburkan di luar negara;
- (iv) memberi pengecualian cukai pendapatan kepada syarikat pengurusan dana ke atas semua pendapatan fi berkaitan aktiviti pengurusan dana Islam yang diterima sehingga tahun taksiran 2016; dan
- (v) memberi pengecualian cukai pendapatan kepada juru perunding bukan pemastautin yang mempunyai kepakaran dalam kewangan Islam.

Bagi meneruskan usaha menggalakkan aliran masuk pelaburan dari Timur Tengah ke Malaysia, tiga lesen baru broker saham akan ditawarkan kepada syarikat terkemuka yang boleh menarik dana dan menjadi perantara bagi aliran perniagaan dan urus niaga dari Timur Tengah.

Untuk menggalakkan sektor pembinaan hartanah, terutamanya perumahan, kerajaan mencadangkan pengecualian 50% duti setem diberi ke atas surat cara pindah milik bagi sebuah rumah yang tidak melebihi RM250,000 seunit. Langkah ini akan mengurangkan kos pembelian sebuah rumah sehingga RM2,000.

Sebanyak 6.5 bilion ringgit diperuntukkan bagi sektor pertanian. Antara program yang akan dilaksanakan ialah meningkatkan pengeluaran padi, menggalakkan penanaman florikultur, herba dan rempah ratus. Bagi sub sektor perikanan, peruntukan disediakan untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan dan pengeluaran produk industri perikanan serta membangunkan industri

akuakultur di bawah 39 projek berimpak tinggi. Peruntukan juga disediakan untuk pembangunan industri ternakan haiwan.

Program Tahun Melawat Malaysia 2007 telah berjaya menarik lebih ramai pelancong. Sehingga September, seramai 15.6 juta pelancong telah melawat Malaysia berbanding dengan 12.9 juta pelancong dalam tempoh yang sama 2006. Untuk meningkatkan lagi daya tarikan negara sebagai destinasi pelancongan utama, kerajaan memperuntukkan RM858 juta ringgit bagi pelaksanaan pelbagai program pelancongan. Peruntukan sebanyak RM22 juta disediakan untuk meningkatkan aktiviti *homestay* bagi 47 buah kampung terpilih. Di samping itu, pembangunan projek ekopelancongan akan dilaksanakan untuk menjana pendapatan penduduk luar bandar dan masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, modal insan berkualiti adalah antara faktor terpenting dalam memastikan Malaysia mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju. Oleh itu, aspek kualiti pendidikan dan latihan terus diberi penekanan. Sejumlah RM30 bilion disediakan bagi Kementerian Pelajaran. Peruntukan ini turut merangkumi pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, termasuk Program Sekolah Cemerlang, memartabatkan profesion keguruan dan merapatkan jurang pendidikan di antara bandar dan luar bandar. Untuk meningkatkan lagi kualiti dan prestasi sekolah, 60 buah sekolah kluster akan diwujudkan dalam tahun 2008. Peruntukan berjumlah RM500 ribu akan diberi bagi setiap sekolah kluster untuk tujuan aktiviti ko-kurikulum, latihan dan pembelian peralatan pembelajaran.

Kerajaan komited melaksanakan langkah progresif untuk meningkatkan akses dan mengurangkan kos pendidikan. Pada tahun lalu, kerajaan telah mengumumkan pemansuhan yuran peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Sebagai tambahan, yuran peperiksaan bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia juga akan dimansuhkan. Dengan itu, yang tinggal hanya yuran tahunan sekolah rendah dan menengah dan mulai tahun 2008, yuran sekolah ini juga turut dimansuhkan.

Di samping itu bermula sesi persekolahan tahun hadapan, Skim Pinjaman Buku Teks akan diperluaskan kepada semua pelajar tanpa mengira pendapatan isi rumah dan bilangan anak yang layak. Peluasan skim ini akan memberi manfaat kepada 5.7 juta pelajar berbanding 4.5 juta pelajar pada masa ini. Dengan langkah-langkah ini, pendidikan di negara ini adalah 100% percuma.

Bagi memastikan bahawa setiap pelajar mendapat peluang untuk melibatkan diri di dalam aktiviti kokurikulum beruniform, kerajaan akan memberi sepasang pakaian seragam percuma bagi satu kegiatan kepada pelajar sekolah daripada keluarga yang berpendapatan isi rumah seribu ringgit sebulan dan ke bawah.

Untuk mengiktiraf peranan penting guru dan memartabatkan profesion keguruan, kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) meningkatkan elaun guru pendidikan khas daripada RM100 kepada RM250 ringgit sebulan;
- (ii) menaikkan kadar elaun guru ganti berkelulusan ijazah daripada RM85 kepada RM150 sehari; dan
- (iii) menyediakan elaun sebanyak RM60 ringgit sejam bagi lepasan ijazah dan RM50 ringgit sejam bagi lepasan diploma kepada guru yang mengajar bahasa Cina dan Tamil di sekolah kebangsaan.

Bagi menghargai usaha badan amanah dan pertubuhan amal yang membiayai dan mengurus dengan baik sebilangan sekolah rendah dan menengah, kerajaan mencadangkan sekolah-sekolah ini diberikan pengecualian cukai pendapatan. Pengecualian ini akan memberi manfaat, khususnya kepada sekolah Cina dan Tamil serta sekolah agama.

Sebanyak RM12 bilion diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai projek dan program di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, antaranya:

- (i) meningkatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan di empat buah Universiti Penyelidikan;
- (ii) meningkatkan peruntukan kepada Universiti Teknologi MARA bagi mencapai sasaran 200,000 mahasiswa menjelang tahun 2010;
- (iii) menaik taraf serta memperluaskan Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Darul Iman dan Universiti Pertahanan;
- (iv) menjenamakan semula kolej komuniti melalui penyediaan kursus di peringkat diploma, menubuhkan kolej komuniti baru dan menggiatkan kolaborasi dengan syarikat swasta; dan
- (v) meningkatkan jumlah pelajar Ijazah Pertama yang ditaja oleh JPA di universiti tempatan daripada 5,000 setahun kepada 10,000 orang pelajar mulai 2008.

Berkuat kuasa mulai semester pertama sesi 2007, kerajaan telah meningkatkan elaun sara hidup pelajar di semua peringkat pengajian tinggi tempatan termasuk kursus persediaan dan kursus bahasa. Peningkatan elaun tersebut adalah di antara 23% sehingga 84% yang memanfaatkan lebih 90,000 orang pelajar. Di samping itu kerajaan juga telah meningkatkan elaun sara hidup pelajar di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kanada sehingga 97% iaitu hampir dua kali ganda berkuat kuasa September 2007.

Sejumlah RM2 bilion ringgit telah diperuntukkan kepada pelbagai agensi latihan kerajaan untuk meningkatkan bilangan dan kualiti pekerja terlatih selaras dengan keperluan pasaran. Daripada jumlah tersebut, RM480 juta diperuntukkan untuk program latihan Giat MARA dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) serta latihan kemahiran di Institut Kemahiran Belia Negara.

Bagi meningkatkan kapasiti institusi latihan, RM550 juta diperuntukkan untuk menaik taraf politeknik dan kolej komuniti. Sejumlah RM750 juta pula diperuntukkan untuk membina sebuah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di Taiping dan sebuah ILP di Marang.

■1220

Peruntukan ini juga akan digunakan untuk menaik taraf ILP dan ADTEC di seluruh negara dan untuk membina 8 buah MRSM, 4 buah IKM dan 28 Pusat Giat MARA. Dengan izin.... [*Minum air*]. Kuat sangat Tuan Yang di-Pertua. Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001, akan dipinda untuk memperluaskan skop Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) bagi membolehkan majikan:

- (i) mendapat bantuan kewangan bagi melatih pekerjaannya sehingga ke peringkat Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah. Terutamanya dalam bidang teknologi baru dan tinggi;
- (ii) mendapat bantuan kewangan bagi melatih pekerja walaupun majikan itu mempunyai tunggakan levi ataupun tunggakan faedah atas levi; dan
- (iii) menyediakan peluang latihan amali di peringkat premis mereka kepada pelajar universiti atau pelatih institusi latihan.

Bagi menampung kekurangan pekerja mahir dalam sektor pembinaan, penggunaan Tabung Lembaga Kemajuan Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) akan dipertingkatkan. CIDB akan melatih seramai 50,000 pekerja dalam sektor pembinaan dalam 2008, dengan kos jumlah RM100 juta.

Untuk mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan pembangunan dan pengkomersialan, RM230 juta diperuntukkan untuk dana Sains dan RM300 juta untuk dana teckno. Selain itu, RM546 juta disediakan bagi Program R&D di Institusi Penyelidikan.

Untuk memudah dan mempercepatkan pengeluaran dana R&D pertanian, sejumlah RM300 juta dipindahkan daripada baki syiling dana sains dan techno kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Bagi menggalakkan lebih banyak aktiviti pengkomersialan serta usaha, serta untuk memberi insentif lebih baik kepada penyelidik, kadar pembayaran royalti kepada penyelidik ditingkatkan daripada 50% kepada 80% dan baki 20% kepada Institut Penyelidikan.

Selaras dengan usaha mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan dan merapatkan jurang digital, satu sasaran utama kerajaan adalah untuk mencapai kadar penembusan jalur lebar, 50% daripada isi rumah menjelang 2010 berbanding dengan hanya 12% pada masa ini. Untuk mencapai hasrat ini, kerajaan mencadangkan:

- (i) menyedia kemudahan rangkaian sambungan terakhir, diberi elaun pelaburan 100% ke atas perbelanjaan modal infrastruktur bagi perkhidmatan jalur lebar sehingga 31 Disember 2010;

- (ii) pengecualian duti import dan cukai jualan diberikan ke atas peralatan jalur lebar dan peralatan pencapaian pengguna; dan
- (iii) potongan cukai diberi kepada majikan yang menyediakan manfaat komputer baru dan pembayaran pelanggan jalur lebar bagi kakitangan. Manfaat yang diterima oleh kakitangan juga diberi pengecualian cukai.

Kerajaan akan mempergiatkan lagi program pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana bagi membantu golongan berpendapatan rendah menikmati taraf hidup yang lebih selesa. Bagi tahun ini sejumlah RM381 juta disediakan bagi melaksanakan perumahan rakyat kos rendah. Dari jumlah tersebut RM191 juta diperuntukkan bagi Program Perumahan Rakyat (PPR), di sewa dan RM190 juta bagi PPR bersepadu. Pada masa ini 12,000 unit PPR di sewa dan 25,000 unit PPR bersepadu sedang dalam peringkat pelaksanaan. Kerajaan amat prihatin ke atas kesukaran golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti petani dan pengusaha kecil mendapatkan pinjaman bank untuk membiayai pembelian rumah kos rendah dan sederhana. Ini termasuk mereka yang mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjaman perumahan tetapi tidak dapat menyediakan bukti pendapatan mereka.

Dengan itu kerajaan akan menyediakan dana sebagai jaminan kepada bank. Untuk memberi pinjaman perumahan kepada golongan ini. Sebagai permulaan, RM50 juta telah disediakan sebagai jaminan kepada Bank Simpanan Nasional dan Bank Islam Berhad berkuat kuasa 1 Januari 2008. Untuk meringankan beban pembeli rumah, kerajaan akan membenarkan pencarum KWSP mengeluarkan baki dalam akaun dua setiap bulan untuk tujuan membantu pembayaran ansuran pinjaman perumahan setiap bulan. Setiap pencarum dibenarkan menggunakan kemudahan ini untuk membiayai pinjaman sebuah rumah berkuat kuasa 1 Januari 2008.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan Koridor Ekonomi terus dipergiatkan. Bermula dengan Wilayah Pembangunan Iskandar dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara, kerajaan telah melancarkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada Oktober 2007 dan Koridor Sabah dan Sarawak akan dilancarkan dalam masa terdekat. Kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada usaha membangunkan negeri Sabah dan Sarawak. Sejumlah RM4 bilion disediakan masing-masing untuk negeri Sabah dan Sarawak untuk melaksanakan pelbagai projek bagi meningkatkan kualiti hidup di Sabah dan Sarawak. Ini termasuk pembinaan dan menaik taraf di dalam jalan, jambatan, perkhidmatan, kesihatan luar bandar, kemudahan hospital, pendidikan, perumahan kos rendah, bekalan elektrik, air dan pembetulan serta menaik taraf jalan dan rel kereta api.

Bagi mempergiatkan aktiviti pelancongan di Sabah dan Sarawak, sejumlah RM200 juta disediakan di bawah Tabung Infrastruktur Pelancongan yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Keutamaan akan diberi kepada projek pelancongan yang memanfaatkan kekayaan semula jadi Sabah dan Sarawak. Kerajaan komited untuk menghapuskan kemiskinan

tegar menjelang 2010. selaras dengan ini, sejumlah RM214 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.

Di samping itu, sejumlah RM117 juta diperuntukkan bagi melaksanakan Program Pengurangan Kemiskinan dan Program Lonjakan Mega. Program ini adalah pembangunan bersepadu untuk menjana pendapatan penduduk di kawasan kurang maju dan terpencil. Langkah akan terus diambil untuk mengatasi kemiskinan bandar. Bagi tujuan ini kemudahan sedia ada di kawasan bandar akan ditambah untuk menyediakan latihan bagi pelajar yang tercicir, untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan khususnya mereka yang tidak tamat persekolahan di peringkat PMR dan SPM.

Dalam konteks ini, kerajaan akan menyediakan peruntukan sejumlah RM30 juta untuk NGO mengadakan program latihan yang bersesuaian bagi golongan pelajar tercicir, serta memperluaskan program Kolej Komuniti dan Giat MARA ke kawasan bandar. Pelbagai program akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup di luar bandar. Pada tahun 2008, sebanyak RM680 juta akan disediakan untuk pembinaan jalan luar bandar dan jalan kampung. Sebanyak RM462 juta untuk projek bekalan air dan elektrik luar bandar, RM70 juta untuk kemudahan sosial dan RM15 juta bagi pendidikan ICT di luar bandar.

Selain itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia memperuntukkan RM45 juta bagi melaksanakan projek *school.net* untuk menyediakan perkhidmatan *internet* di sekolah-sekolah. Kerajaan komited meningkatkan taraf kehidupan masyarakat Orang Asli. Sekarang ini RM170 juta diperuntukkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk melaksanakan pelbagai program dan projek. Sejumlah RM50 juta daripada peruntukan tersebut disediakan bagi Program Bantuan Rumah dan Kemudahan Sosial di kawasan penempatan Orang Asli.

Untuk Belia dan Sukan, sejumlah RM984 juta diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan, termasuk Program Rakan Muda. Untuk mempromosikan sukan di kalangan rakyat, sejumlah RM217 juta disediakan untuk membiayai projek berkaitan dengan sukan. Ini termasuk menaik taraf dan menyelenggarakan kompleks dan kemudahan sukan. Sebagai tambahan untuk menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat, kerajaan mencadangkan pelepasan cukai individu sehingga RM300 setahun diberi ke atas pembelian ke atas sukan dan senaman.

Untuk Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kerajaan memperuntukkan RM782 juta kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Antara program dan projek yang akan dilaksanakan merangkumi Program Membangunkan Kapasiti dan Kemahiran Kaum Wanita khususnya ibu tunggal, serta usaha mengimarah NUR. Kerajaan akan menggalakkan kaum ibu untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di rumah, bagi membolehkan ramai wanita menyertai pasaran kerja. Untuk tujuan ini, kerajaan akan menyediakan

peruntukan permulaan sebanyak RM10 juta bagi membolehkan NGO memberi latihan kepada suri rumah mengenai kaedah penjagaan bayi dan kanak-kanak.

▪ **1230**

Kerajaan akan memperluaskan program pendidikan pra sekolah dengan membina 280 buah tadika baru di seluruh negara dengan peruntukan RM105 juta.

Pada tahun 2008, tiga pusat anak permata negara akan beroperasi menjadikan jumlah keseluruhan 15 pusat bagi membantu dan memudah cara proses pendidikan awam. Untuk mengeratkan lagi hubungan kasih sayang antara suami dan isteri, serta menjamin kesejahteraan keluarga, kerajaan mencadangkan pengecualian duti setem sepenuhnya diberi ke atas pindah milik harta daripada suami kepada isteri. Dalam keadaan ini di mana isteri juga hendak memindahkan hartanah kepada suami, pengecualian ini juga akan terpakai.

Untuk membantu golongan pesara meningkatkan pulangan daripada simpanan mereka, bon bernilai RM2 bilion akan diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia untuk dilanggan oleh warga emas yang berumur 55 tahun dan ke atas yang tidak mempunyai pekerjaan tetap. Kadar maksimum bon yang boleh dilanggan adalah RM55 ribu seorang dan tempoh matang selama tiga tahun dan kadar pulangan 5%. Penerbitan bon ini adalah lanjutan kepada bon-bon yang pernah diterbitkan bernilai RM3.5 bilion. Bagi mengurangkan beban kewangan warga emas yang miskin dan berkeperluan, kerajaan akan menaikkan kadar bantuan mereka dari RM200 sebulan, kepada RM300 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2008. Kerajaan juga akan membantu NGO dalam menyediakan tempat tinggal bagi warga emas dengan memperuntukkan geran sepadan sejumlah RM25 juta.

Untuk membantu masyarakat OKU, kerajaan akan menaikkan kadar elaun bulanan pekerja OKU kepada RM300, daripada RM200. Di samping itu, kerajaan akan memberi bantuan khas sebanyak RM300 sebulan kepada penjaga OKU yang terlantar dan pesakit yang menghidap penyakit kronik. Potongan cukai kepada majikan ke atas kos pengubahsuaian tempat kerja bagi pekerja OKU juga dibenarkan untuk menggalakkan sektor swasta mengambil lebih ramai pekerja OKU.

Sejumlah RM13 bilion diperuntukkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan hospital untuk memperoleh bekalan ubat dan menyediakan kemudahan peralatan kesihatan. Di samping itu peruntukan sebanyak RM76 juta juga disediakan untuk memperkukuhkan kawalan penyakit berjangkit perkhidmatan di Unit Rawatan Rapi, perkhidmatan dialisis di hospital kerajaan.

Untuk mengatasi kekurangan jururawat, kerajaan akan melatih lebih ramai lagi jururawat di pusat latihan swasta.

Untuk menggalakkan sektor swasta melabur dalam kemudahan makmal bertaraf antarabangsa bagi tujuan menguji peralatan perubatan, kerajaan mencadangkan galakan taraf perintis 100% atau elaun cukai pelaburan sebanyak 60% selama lima tahun, diberi kepada syarikat

yang melabur dalam aktiviti berkenaan. Kerajaan sedar bahawa sektor swasta telah berjaya melaksanakan dengan berkesan beberapa projek CSR, *cooperate social responsibility* untuk meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah. Dengan itu kerajaan ingin menyokong usaha ini dengan menubuhkan satu dana CSR berjumlah RM50 juta untuk membiayai bersama projek CSR yang wajar diberi bantuan pembiayaan kerajaan.

Ini termasuk membaik pulih rumah usang milik golongan miskin dan mewujudkan peluang pekerjaan. Kerajaan menghargai usaha syarikat swasta yang kerap menyediakan kemudahan awam untuk memberi faedah besar kepada masyarakat setempat seperti pembinaan jejantas dan taman permainan. Dengan itu, kerajaan bercadang agar potongan cukai diberikan ke atas perbelanjaan bagi pelaburan sedemikian, sungguhpun kemudahan ini juga memberi faedah sampingan kepada syarikat berkenaan.

Sejumlah RM6 bilion di peruntukan kepada Polis Diraja Malaysia, PDRM, kerajaan juga akan meningkatkan pengawasan polis terutamanya di kawasan yang berisiko tinggi yang berlakunya jenayah. Di samping itu Pegawai Penyiasat dan Penolong Pegawai Penyiasat akan dibekalkan dengan tambahan 2000 unit kereta nasional dan 1600 buah komputer. Manakala 1900 buah motosikal disediakan untuk meningkatkan aktiviti pengawasan dan rondaan polis.

Unit Bergerak Forensik PDRM juga akan ditubuhkan di setiap kontinjen polis. Lebih banyak CCTV yang akan dihubungkan ke pusat kawalan polis akan dipasang. Bagi menyokong sektor swasta mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan mereka terutamanya di premis kilang, elaun modal dipercepatkan yang boleh dituntut dalam tempoh satu tahun akan diberikan ke atas pembelian alat kawalan dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk terus menggalakkan penggunaan tenaga secara cekap dan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui, kerajaan mencadangkan beberapa penambahbaikan ketara dari segi insentif cukai yang disediakan termasuk elaun cukai pelaburan ke atas perbelanjaan untuk penjimatan tenaga dan penjanaan sendiri tenaga boleh diperbaharui.

Untuk meningkatkan tahap prestasi perkhidmatan awam, sebagai permulaan Ketua Setiausaha semua kementerian dan ketua perkhidmatan akan ditawarkan Skim Kontrak selama tiga tahun dengan ganjaran berasaskan KPI. Skim ini akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Dengan strategi dan program yang telah saya bentangkan, kerajaan mencadangkan sejumlah RM176.9 bilion diperuntukkan bagi Bajet 2008, iaitu 10.9% lebih tinggi berbanding peruntukan tahun 2007.

Daripada jumlah ini, RM128.8 bilion adalah bagi Peruntukan Mengurus manakala RM48.1 bilion disediakan bagi Peruntukan Pembangunan.

Bawah Peruntukan Mengurus RM64 bilion atau 49.6% adalah bagi pemberian dan kenaikan bayaran tetap. RM36.2 bilion untuk emolumen, RM25.5 bilion bagi Perkhidmatan dan Bekalan RM2.1 bilion untuk pembelian aset dan RM1.13 bilion untuk perbelanjaan lain.

Bagi Peruntukan Pembangunan bahagian terbesar RM20.6 bilion ialah untuk sektor ekonomi yang terdiri daripada sektor pertanian, perindustrian dan infrastruktur. Sejumlah RM15.6 bilion diperuntukkan kepada sektor sosial iaitu pendidikan, kesihatan dan perumahan. Sektor keselamatan menerima RM7 bilion, sementara pentadbiran RM20.9 bilion, serta Simpanan Luar Jangka sebanyak RM2 bilion.

Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan telah dapat dikurangkan dengan ketara daripada 5.5% pada tahun 2000, kepada 3.3% pada tahun 2006. Pada tahun 2007, defisit dijangka terus dikurangkan kepada 3.2%. Kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan diunjurkan lebih baik dengan defisit dikurangkan lagi kepada paras 3.1% pada tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, persekitaran ekonomi dunia dan serantau dijangka lebih mencabar dan tidak menentu. Walaupun demikian, dengan dasar dan strategi Bajet 2008, kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi negara akan terus kukuh dan kadar peningkatan 6.6% setahun, pada tahun 2008. Pertumbuhan ini didorong oleh pelaburan dan penggunaan swasta serta penggunaan awam. Pelaburan swasta dijangka berkembang 9.5%, manakala penggunaan swasta pada kadar 7.9%.

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang 8.6%, dipacu oleh aktiviti pelancongan, pengangkutan, kewangan dan perbankan, hartanah, pendidikan, kesihatan serta ICT.

Pemulihan permintaan bagi keluaran elektrik dan elektronik dijangka dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan sektor pembuatan bagi kadar 3.8%. Sektor pembinaan termasuk pembangunan hartanah akan berkembang lebih cergas pada kadar 6.3%, berikutan peningkatan aktiviti kejuruteraan awam, hasil pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sektor pertanian dijangka meningkat 3.5%, berikutan penekanan yang diberi kepada pengkomersialan sektor perladangan dan ternakan.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita harus bersyukur dengan pencapaian pembangunan negara. Usaha gigih dan permuafakatan pemimpin serta rakyat, Malaysia telah berjaya melangkah jauh, mencapai pembangunan pesat dan holistik dalam tempoh lima dekad.

Dengan landasan kukuh yang telah kita bina, kita yakin dapat mencipta kejayaan lebih besar ke arah mencapai Misi Nasional. Apabila Malaysia mencapai Wawasan 2020 dan menjadi sebuah negara maju, ianya akan merupakan satu lagi detik gemilang dalam sejarah pembangunan negara. Marilah kita berdoa agar sentiasa diberi petunjuk dan hidayat oleh Allah S.W.T dalam terus membina negara dan bersama menikmati kemakmuran di tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Minta seorang lagi ahli kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad, Tuan Khoo, Puan Hajah Wan Hazani, Tuan Majjol Mahap, Puan GK Loga Chitra, Tuan Ahmad Hussin, Puan Hajah Sharifah Azizah, Tuan M. Munusamy, mengikut giliran yang saya sebutkan tadi.

12.42 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat yang bangun tadi hantar nota-nota kepada saya? Yang Berhormat bercadang ambil masa berapa lama? Supaya yang lain boleh rancangan ucapan mereka.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Selepas rehat saya sambung 20 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, khususnya Perdana Menteri kerana Belanjawan 2008 yang berasaskan kepada tema 'Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran' sudah cukup jelas menunjukkan hasrat kerajaan agar kekayaan yang diperoleh itu diagih secara adil. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Seperti mana yang saya sebutkan sebelum ini kerana meneruskan dasar pertumbuhan dengan pengagihan, *growth with equity*. Bagi saya, ini adalah cukup penting sebenarnya kerana apabila negara kaya-raya, maka rakyat juga akan menerima hidup yang berkualiti.

Dengan kata lain bahawa tidak ada makna jika sekiranya pertumbuhan negara kita meningkat, tetapi rakyat tidak dapat menikmati kekayaan tersebut. Seperti mana yang pernah saya sebutkan iaitu bahawa, walaupun ada teori yang mengatakan, peranan kerajaan hanyalah untuk menggalakkan pertumbuhan dan pengagihan akan berlaku secara automatik. Ia tidak akan berlaku sebenarnya jika sekiranya kerajaan sendiri tidak berperanan untuk melakukan pengagihan tersebut.

Yang ketiga, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana bagi saya inilah kali pertama sebenarnya belanjawan ini dapat mengubah minda rakyat, bahawa bajet bukan

bermakna bonus semata-mata. Apa yang lebih penting ialah bajet ini adalah untuk dinikmati oleh semua golongan masyarakat dan bukan untuk satu golongan masyarakat sahaja. Inilah yang saya ingin nyatakan betapa kerajaan ini adalah kerajaan yang prihatin, iaitu temanya, 'Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran' benar-benar dilaksanakan dalam Belanjawan 2008 ini.

Oleh itu saya yakin bahawa pendekatan Perdana Menteri ini meletakkan kita pada landasan yang betul sebenarnya. Iaitu seperti mana yang kita dengar tadi ia berasaskan kepada tiga perkara yang penting, iaitu untuk meningkatkan budaya saing. Yang kedua ialah untuk memastikan pembangunan modal insan itu dipertingkatkan kerana inilah kunci kejayaan kepada kejayaan sesebuah negara. Yang ketiga ialah menikmati kesejahteraan.

Saya yakin, dengan adanya ketiga-tiga unsur ini akan memastikan kejayaan Belanjawan 2008 ini. Semoga rakyat kita ini menikmati kemakmuran, limpahan dan kualiti hidup hasil daripada kejayaan yang dicapai.

Oleh kerana itulah Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada mukadimah itu, maka saya ingin menyentuh perkara pertama yang terlalu penting, yang diberi keutamaan dalam belanjawan ini ialah soal untuk membasmi kemiskinan. Saya yakin bahawa hasrat kerajaan untuk membasmi, menurunkan kadar kemiskinan daripada 5.6% kepada 3% dan menghapuskan kemiskinan tegar pada 2010 akan tercapai, dan terlaksana dengan strategi-strategi yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan 2008.

Tuan Yang di-Pertua: Apa sebab agaknya kemiskinan wujud dalam masyarakat. Apa sebab agaknya, biasa sesiapa sahaja yang memerintah mengalami masalah. Sebab apa kemiskinan wujud, khususnya dalam masyarakat Malaysia?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, dari sudut pandangan Islam itu sendiri, cukup jelas menyatakan bahawa kemiskinan itu wujud kerana inilah fitrah manusia yang dicipta oleh Allah S.W.T. Sebab itulah Allah memberikan akal fikiran, usaha, tenaga dan sebagainya. Untuk manusia itu mengubah nasib dirinya, kerana kalau Allah hendak mewujudkan masyarakat yang kaya keseluruhannya memang boleh, tetapi itulah sebenarnya kita sebagai manusia ini diberikan akal fikiran, tenaga supaya kita berusaha, berdaya saing dan sebagai untuk mengubah nasib kita. Terbukti, jika kita melakukannya dengan bijaksana, kita berjaya mengatasi kemiskinan.

Berbalik kepada apa yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua, memang kemiskinan ini kita mesti berusaha untuk menghapuskannya. Walaupun ada yang mengatakan bahawa kita ini adalah seperti kufur nikmat sebab kemiskinan itu tidak boleh dihapuskan, hanya Allah sahaja yang boleh menghapuskan kemiskinan. Makna menghapuskan itu bukan maksudnya kita melawan kudrat Allah. Menghapuskan itu maksudnya ialah kita berusaha sebenarnya dengan penuh

kegigihan, dengan usaha kita, dengan perpaduan kita, dengan kepandaian kita, kebijaksanaan kita untuk mengurangkan kadar kemiskinan tersebut.

Sebab itulah apabila kita menyebut soal menghapuskan kemiskinan, bukan kita mahu melawan kudrat Allah, tetapi kita yakin bahawa di negara kita ini khususnya kita berjaya kalau daripada dulu 60% kemiskinan di negara kita sebelum kita merdeka. Sekarang sudah turun kepada 5.6% dan sebab itulah kita yakin dengan perancangan-perancangan yang dilakukan oleh kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan berbagai-bagai dasar lagi. Maka, saya yakin usaha kerajaan ini akan berjaya Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itulah sebenarnya kemiskinan....

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya mohon laluan, diizinkan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sila.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita bercakap tentang membasmi kemiskinan dalam erti kata konteks Malaysia ialah membasmi kemiskinan tegar. Apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi kenapa adanya kemiskinan daripada, dengan izin, '*time in memoriam*'.

Daripada terminologi ekonomi, kemiskinan adalah satu elemen yang dinamik. Hari ini kita kaya, besok kita boleh miskin. Sebab ianya dalam kehidupan ini bertukar-tukar dan lumrah hidup. Kalau kita senang hari ini, besok mungkin kita akan miskin oleh kerana akan terjadi sesuatu yang akan memiskinkan kita. Pembasmian kemiskinan yang tegar mungkin kita jalankan, tetapi kemiskinan relatif itu tetap akan wujud. Apa pandangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad?

■1250

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, terima kasih. Sebab itu kalau kita melihat kepada apa yang berlaku dalam masyarakat, kadang-kadang kita pun tidak sedar tiba-tiba jiran yang berdekatan dengan rumah kita jatuh miskin, ini disebut sebagai kemiskinan *instant* ataupun kemiskinan segera. Berpunca daripada keluarga itu yang bergantung kepada orang yang mencari nafkah tiba-tiba meninggal dunia kerana sakit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pernah bertemu dengan seorang insan yang tiba-tiba jatuh miskin sebab diceraikan oleh suaminya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Benar, Tuan Yang di-Pertua. Sama ada diceraikan oleh suami, kematian suami kerana sakit, kematian ibu bapa oleh kerana kemalangan jalan raya menyebabkan mereka itu jatuh miskin secara segera. Sebab itulah kita mengatakan bahawa kemiskinan sentiasa wujud dan kadang-kadang bertambah bergantung sejauh mana kita menyelesaikan, membasmi kemiskinan tersebut.

Sebab itulah saya menyebut tadi memang bahawa apa yang disebut oleh kerajaan pada 2010 ialah untuk menghapuskan kemiskinan tegar sebenarnya. Jika kemiskinan relatif ini memang terlalu rumit untuk kita menghapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut soal kemiskinan inilah, maka saya bersetuju bahawa selain daripada apa yang sudah dilakukan oleh kerajaan terlalu banyak sebenarnya kalau kita nak sebut satu persatu. Maka berhadapan dengan isu kemiskinan segera ini yang tidak semena-mena datang.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu skim pemberian tanah kepada golongan miskin ini untuk dijadikan sebagai usaha mereka terlibat dalam bidang pertanian, tetapi mestilah tanah itu untuk pertanian dan mestilah dikhususkan kepada mereka yang mempunyai kategori tertentu. Seperti kemiskinan *instant* ini ataupun mereka yang masih banyak tanggungan anak-anak yang bersekolah, yang perlukan supaya mereka ini diberikan satu ruang untuk meningkatkan hasil pendapatan keluarga tersebut.

Kita tahu bahawa ada golongan warga emas yang miskin, tetapi kebanyakan daripada mereka ini sudah tidak mampu lagi bekerja, tinggal seorang diri di rumah dan tinggal di rumah yang sudah pun mendapat bantuan PPRT dan juga bantuan daripada kebajikan setiap bulan. Maka mereka ini boleh kita kecualikan, yang saya maksudkan pemberian tanah ini dikhususkan kepada mereka yang berkeluarga, yang sumber pendapatannya adalah terlalu rendah ataupun mempunyai jumlah anak yang begitu ramai dan mereka ini perlu diberikan keutamaan.

Bercakap dengan soal kemiskinan ini juga Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar tadi disebut tentang kemiskinan di bandar. Kemiskinan di bandar inilah yang sering dikaitkan dengan kemiskinan relatif.

Jikalau kita melihat satu daripada masalah kemiskinan di bandar ini ialah kalau kita merujuk kepada penduduk-penduduk setinggan. Kebanyakan daripada mereka ini hidup di dalam keadaan kemiskinan, sebab itulah wujud apa yang dikatakan kawasan-kawasan setinggan ini. Tidak dinafikan ada orang yang mengambil peluang daripada kemurahan hati kerajaan apabila membantu setinggan ini, tetapi majoriti daripada mereka adalah yang *genuine*, dengan izin, iaitu yang menghadapi kesusahan hidup akibat daripada perbelanjaan kos, kehidupan yang cukup tinggi di kawasan bandar ini.

Satu daripada cara untuk menyelesaikan ini dan ini kita bersetuju apabila disebut tentang perumahan rakyat yang dicadangkan oleh kerajaan. Satu daripada usaha kerajaan selain daripada memberi bantuan supaya mereka ini terlibat dalam bidang usahawan perniagaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya belanjawan ini juga mengutamakan soal pembinaan rumah-rumah rakyat yang lebih banyak sebenarnya untuk golongan setinggan ini, supaya mereka ini mendapat kualiti hidup sesuai dengan pertumbuhan ekonomi yang kita peroleh dan yang kita capai.

Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut tentang kemiskinan di bandar ini, selain daripada setinggan timbul satu isu yang kadang-kadang kita terlepas pandang untuk memberikan perhatian terutamanya peminta-peminta sedekah ini. Boleh dikatakan di kawasan-kawasan bandar besar

Kuala Lumpur, Johor Bahru masih wujud peminta-peminta sedekah ini. Maka saya mengharapkan bahawa perlu dibuat satu pemantauan terhadap golongan ini, sama ada mereka ini benar-benar golongan miskin yang *genuine* ataupun hanya merupakan satu sindiket yang terlibat untuk mengeksploitasikan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi di negara kita ini, untuk mengeksploitasi orang ramai yang Malaysia ini boleh dianggap begitu pemurah Tuan Yang di-Pertua.

Kita hairan sebagai contohnya di bandar-bandar Kuala Lumpur ini, kita akan bertemu dengan ibu-ibu tua yang membawa bayi meminta sedekah. Kita pun hairan bila dia beranak, bolehkah 60 tahun beranak lagi? Jikalau ini kita mungkin merasakan mereka terlibat sebagai satu sindiket. Namun ada juga yang kita merasakan bahawa mereka ini mungkin sebagai peminta sedekah yang sebenarnya, yang memang kesempitan hidup dan terpaksa duduk di kaki jalan untuk mendapatkan simpati daripada orang ramai.

Jika tidak Tuan Yang di-Pertua, ini memberikan satu gambaran yang buruk kepada kita dalam usaha untuk kita membasmi kemiskinan ini. Oleh sebab itulah...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat kata tadi, boleh juga pengemis ini merupakan satu cara keusahawanan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: *[Gangguan sistem pembesar suara] ...As an enterprise?*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang itu saya kurang setuju Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan soal berdaya saing ini sebagai satu daripada elemen penting di dalam Belanjawan 2008. Sebab peminta sedekah ini tidak menggambarkan ciri-ciri berdaya saing sebenarnya, ini mengambil jalan mudah, simpati.

Sekiranya mereka ini balik ke kampung, saya rasa banyak peluang dengan harga getah yang meningkat, harga kelapa yang naik, orang kampung sekarang ini mewah sebab itu dia tidak peduli tunjuk perasaan, Tuan Yang di-Pertua. Saya nak masuk ke Parlimen ini tersekat di Hospital Kuala Lumpur begitu lama, kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna ada pengemis tulen dan ada pengemis yang sebenarnya usahawan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang itu dua-dua saya tidak setuju. Pengemis tulen yang dimaksudkan usahawan ini pun sebenarnya bagi saya tidak wajar wujud di negara kita. Sebab di negara kita ini banyak peluang dan ruang sebenarnya.

Saya rasa mereka ini mengambil jalan mudah Tuan Yang di-Pertua, yang sindiket itu satu hallah. Kadang-kadang yang kita hairan dan mendukacitakan, bila kita tengah makan ni Tuan Yang di-Pertua, masa itulah dia datang bawa buku, bawa macam-macam minta kita sains. Sebenarnya ini satu kaedah yang kadang-kadang ada orang bagi tu kerana seperti terpaksa, mungkin kita tidak hairanlah RM1.00, tetapi sebenarnya bagi saya tidak wajar kita beri kerana menggalakkan mereka supaya mencari jalan mudah, itu bukan usahawan sebenarnya.

Saya tidak bersetuju, sebab itu saya katakan kalau susah tidak mampu, balik ke kampung sekurang-kurangnya boleh menangkap ikan, jadi nelayan dan macam-macam lagi yang boleh dilakukan di kampung-kampung sebenarnya. Sekurang-kurangnya boleh tanam ubi untuk makan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya pohon laluan. Sememangnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa itu tidak merupakan satu keusahawanan, tetapi sememangnya memang terjadi dan terdapat sindiket-sindiket yang menjadikan aktiviti mengemis ini sebagai satu keusahawanan. Sebab di tempat saya tinggal di Taman Tun Doktor Ismail, tiap-tiap malam ada satu van yang membawa mereka ini yang dinamakan pengemis, di antara mereka adalah yang buta dan mereka ini memang dipohon untuk meminta daripada kita. Bukan pengemis itu menjadi usahawan, tetapi ketua-ketua sindiket itu menjadikan pengemisan itu sebagai keusahawanan pada mereka.

Ini adalah satu realiti dan mungkinkah ini juga satu tindakan yang harus diambil oleh kerajaan untuk membasmi keusahawanan yang tidak berguna ini, yang *abuse* mempergunakan ketidakupayaan dan kemiskinan orang lain untuk meningkatkan rezeki mereka.

Saya rasa mungkin Yang Berhormat dapat memberikan beberapa cadangan bagaimana kita nak menghapuskan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh jawab apabila Yang Berhormat sambung semula ucapan selepas Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan bersidang semula pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dr. Mohd. Puad untuk menyambung ucapan.

2.33 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut soal kemiskinan dan berbangkit perkara yang berhubung kait dengan kemiskinan, iaitu wujudnya golongan peminta sedekah dan setinggalan. Fenomena ini berpunca daripada kurangnya budaya penguatkuasaan di negara kita.

Oleh sebab itulah, saya ingin mencadangkan supaya belanjawan negara ini juga mengambil kira soal memperkuatkan budaya penguatkuasaan di negara kita ini. Kerana kita dapati dan kita mesti akui bahawa penguatkuasaan di negara kita ini masih lemah dan tidak berkesan. Sebab itulah barangkali, kita melihat berlaku peristiwa ataupun kejadian yang sentiasa berulang dari satu masa ke satu masa. Kita akan melihat peristiwa seperti nyawa akan terkorban, kita akan

melihat tiada perubahan yang berlaku, hasil negara tidak bertambah ataupun rakyat terus tidak berdisiplin akibat daripada budaya penguatkuasaan yang lemah ini.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Dan apabila terjadi sesuatu peristiwa, kita akan mula menuding jari antara satu pihak dengan satu pihak, dan kita menjerit di sana sini. Sedangkan peristiwa itu sudah pun berlaku sebelum ini. Silakan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Saya amat tertariklah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan penguatkuasaan, yang mana kita tahu bahawa kita dapat melihat baru-baru ini seperti Majlis Peguam yang mengadakan satu perarakan. Yang mana peguam-peguam ini adalah daripada golongan yang profesional, yang mengetahui undang-undang negara kita tetapi apabila mereka melanggar undang-undang negara kita, mereka hanya ditangkap, dibawa dan diberi jaminan.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, patutkah Majlis Peguam mengambil tindakan kepada mereka ini yang dikatakan peguam yang tahu undang-undang negara kita, tetapi melanggar undang-undang negara kita? Kita minta kerajaan kita pada hari ini mengenakan tindakan yang setegas-tegasnya, kerana mereka ini adalah daripada golongan profesional. Mereka ini adalah daripada ahli-ahli peguam yang tahu undang-undang negara kita.

Bagaimanakah contoh peguam-peguam ini yang dikatakan profesional, yang membela nasib rakyat melanggar undang-undang sedangkan kita sebagai sebuah negara majmuk yang memberi kebebasan kepada semua, tetapi kita tidak mengambil tindakan tegas. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang peguam-peguam yang ditangkap ini, tindakan kepada mereka? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju iaitu bahawa sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang dan peraturan perlu dikenakan tindakan. Sebab itu penguatkuasaan itu adalah penting. Sebenarnya di negara kita ini, kita mempunyai *sufficient law* dengan izin. Undang-undang sudah cukup sebenarnya, tetapi yang berbangkit ialah soal penguatkuasaan. Dalam isu *Bar Council* ini saya memang bersetuju iaitu, bahawa tindakan perlu diambil oleh *Bar Council* sendiri. Sebab dia sendiri yang membuat keputusan iaitu tidak mahu meneruskan perarakan tersebut, tetapi ada ahli-ahlinya yang meneruskan perhimpunan haram tersebut. Seolah-olah mereka ingin mencabar.

Oleh itu, sebagai satu pertubuhan yang tahu dan faham tentang undang-undang, maka *Bar Council* kena mengambil tindakan kepada ahlinya tetapi apa yang berlaku, kita lihat mereka cuba mempertahankan ahli-ahlinya yang terlibat dengan perhimpunan haram tersebut. Inilah masalahnya iaitu akhirnya budaya penguatkuasaan itu tidak dapat dilaksanakan, kerana ada orang yang tahu undang-undang, tetapi mereka cuba melanggar undang-undang itu.

Dalam kes budaya penguatkuasaan ini, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa akibat daripada kelemahan penguatkuasaan yang tidak berkesan ini, akan menyebabkan kita mengalami banyak kerugian sebenarnya. Satu daripada contoh-contoh yang saya boleh tunjukkan ialah kalau kita melihat kes tanah runtuh yang berulang. Kemalangan bas ekspres yang sentiasa berulang. Bila kita bising, semua orang buka mata. Kemudian kita senyap balik, kemudian berlaku balik. Feri terbakar baru-baru ini di Mersing. Baru orang buka mata, rupa-rupanya feri itu pun tidak ada permit, tidak ada lesen tetapi selepas itu, apakah penguatkuasaan diteruskan? Kita lihat baru-baru ini, orang Palestin membolos sekuriti kita di KLIA. Boleh dia naik kapal terbang sampai ke Singapura. Macam mana dia boleh terbolos sebegitu rupa? Banyak lagi contoh...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Yang Berhormat, minta laluan sedikit.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: ..Seperti pencemaran alam sekitar, sungai dan sebagainya. Jadi budaya penguatkuasaan untuk kita..

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Yang Berhormat, minta laluan sedikit.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: ..Mengutip cukai Tuan Yang di-Pertua, dan saya ambil contoh lagi tentang saman trafik. Kita baca Laporan Audit Negara, RM42.2 bilion yang masih belum dikutip oleh pihak polis iaitu saman trafik ini. Terlalu banyak sebenarnya, kerana budaya penguatkuasaan ini bagi saya tidak berkesan dan ini perlu diberikan perhatian.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sila.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pasal saman trafik dan penguatkuasaan yang Yang Berhormat sentuh itu amat penting sekali. Pada hari ini kita terbaca iaitu ada sindiket yang digelar atau menggelar mereka ini 'sindiket stiker kebal', *immunity stickers*, dengan izin dan dengan adanya operasi sindiket ini, dia buat *immunity stickers*, stiker kebal ini untuk digunakan oleh ahli-ahli mereka dengan nama-nama atau nombor-nombor kod sudah tentu dan bila mereka lalu, mana juga sekatan jalan, pemeriksaan penguatkuasaan oleh polis dan JPJ, siapa yang ada stiker ini boleh lalu begitu sahaja.

■1440

Kononnya beberapa orang anggota penguatkuasaan daripada agensi-agensi tertentu terlibat hinggalah ke mahkamah. Jadi ini sangat penting kerana sekiranya penguatkuasaan dapat dicerobohi oleh rasuah seperti ini, nilai nyawa kita di atas jalan raya semakin tiada. Saya takut kalau penguatkuasaan lemah kerana wang ringgit lebih bernilai daripada nyawa, saya takut hendak naik apa-apa kenderaan atas jalan raya. Seperti mana Yang Berhormat yang sebelum ini mencelah juga pasal peguam, saya ingin hendak sentuh dengan izin, '*the law blind*', tapi *the law is still very important. The law is important not the lawyers*, dengan izin. Kita kena *uphold the law*. Kena tegakkan sebaik-baiknya kerana tanpa undang-undang ini, negara tak dapat ditadbir langsung. Sekian, apa pandangan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itulah kesan daripada lemahnya budaya penguatkuasaan ini, antaranya orang tidak gerun dengan undang-undang.

Yang kedua, mentaliti kita tak akan berubah iaitu kita akan terus mengamalkan perbuatan yang sama, dan yang paling berat lagi ialah pegawai-pegawai kita akan dituduh mudah dirasuhi, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bila gunakan stiker yang ada imuniti ini, maka orang akan mengatakan bahawa pegawai-pegawai kita ini mudah dirasuhi kerana lemahnya budaya penguatkuasaan. Sebab itulah saya setuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, belanjawan kita ini menekankan soal pembangunan insan sebenarnya, iaitu apabila tidak ada kekuatan dalaman maka budaya penguatkuasaan kita ini tidak berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ada yang membangkitkan soal Ahli-ahli Parlimen kita ini mengenai logo itu. Itu juga dianggap sebagai satu imuniti. Itu sebenarnya kadang-kadang ada orang yang dipihak penguatkuasaan ini menggunakan budi bicara, tetapi itu tidak bermakna kita boleh melanggar undang-undang seperti kerana dengan ada lambang Ahli Parlimen kita boleh bawa laju ataupun potong ikut sebelah kiri, sebab ini membahayakan. Maksudnya kita juga kena bertanggungjawab.

Jadi sebab itulah budaya penguatkuasaan ini adalah amat penting dan saya melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menjayakan misi nasionalnya, iaitu selain mewujudkan Institut Integriti Malaysia beliau mewujudkan apa yang disebut sebagai PEMUDAH, satu jawatankuasa untuk memastikan bahawa memudahkan urusan perniagaan di negara kita ini. Jangan lagi banyak birokrasi dan sebagainya. Maka dalam isu budaya penguatkuasaan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa juga untuk mengukuhkan budaya penguatkuasaan ini. Satu jawatankuasa mungkin namanya jawatankuasa penguatkuasaan yang bertujuan untuk melaksanakan budaya penguatkuasaan, memantau penguatkuasaan di setiap kementerian, agensi, jabatan kerajaan dan sebagainya supaya ia lebih efektif dan berkesan.

Dalam hal ini saya ingin mencadangkan juga supaya pegawai-pegawai tinggi kerajaan diminta turun ke bawah untuk memantau, turun padang ikut serta dalam tindakan-tindakan penguatkuasaan ini, supaya apabila pegawai tinggi sendiri turun melihat apa yang berlaku di bawah, maka penguatkuasaan ini akan menjadi satu budaya di kalangan pegawai-pegawai yang lain, dan mereka melaksanakan apa yang sudah pun termaktub dalam peraturan akta dan undang-undang yang sudah ada di negara kita. Jadi oleh kerana itulah bagi saya apabila budaya penguatkuasaan ini menjadi amalan, maka tidak timbul isu seperti mana yang kita bangkitkan di peringkat awal tadi iaitu soal kewujudan setinggan, peminta sedekah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu kemiskinan ini saya ingin menyentuh satu aspek yang juga disebut begitu jelas dalam Belanjawan 2008 ini, iaitu tentang isu perumahan. Bagi saya

menambah rumah rakyat ataupun rumah kos rendah sebenarnya adalah cukup penting dalam usaha kita untuk mewujudkan dan melaksanakan apa yang kita sebut tadi, iaitu pertumbuhan dengan pengagihan *growth with equity* ini, kerana perumahan adalah satu cara yang cukup berkesan dari segi jangka panjang untuk memastikan golongan miskin ini kita berikan kualiti hidup yang cukup bermakna, supaya nanti jangan kita hendak bersaing dengan China dari segi KDNK angka pertumbuhan 6%, 7%, sekarang ini sudah 12% di China. Maka kita hendak mengatasi tapi dalam masa yang sama tidak ada kualiti hidup terutamanya dari segi memiliki rumah kos rendah ataupun rumah mampu milik dan sebagainya.

Jadi oleh kerana itu saya menyokong penuh usaha kerajaan menambahkan peruntukan kepada projek perumahan rakyat ini, sebab kalau kita ambil contoh dalam Rancangan Malaysia Ketujuh Tuan Yang di-Pertua, hanya 20.7% sahaja yang dapat dibina iaitu rumah kos rendah dan sederhana, iaitu hanya dapat membina 72,582 rumah kos rendah dan sederhana berbanding sasaran sebanyak 350,000 rumah murah ataupun kos rendah ataupun sederhana ini, dan ini adalah satu angka yang mendukacitakan. Oleh kerana itulah saya berharap bahawa Belanjawan 2008 ini mampu menyediakan rumah yang lebih banyak, khususnya untuk golongan yang berpendapatan RM2,500 ke bawah supaya mereka ini mampu memiliki rumah.

Cuma masalah yang timbul di sini ialah, kadang-kadang rumah yang dibina oleh pemaju ini tidak berkualiti. Rumah kos rendah yang tidak berkualiti kerana dibina daripada bahan-bahan yang tidak berkualiti dan ini sering kita lihat dalam media, TV dan sebagainya, yang memaparkan kes-kes rumah terbenkakai ataupun rumah-rumah kos rendah yang tidak berkualiti, kerana pemaju mengambil kesempatan iaitu membina rumah-rumah murah ini dengan bahan-bahan yang tidak berkualiti, kerana ingin mencari untung yang lebih.

Jadi saya berharap kerajaan membuat keputusan iaitu rumah kos rendah atau sederhana ini mestilah ditetapkan tiga bilik, seperti mana yang kita lihat rumah mesra rakyat yang dibina oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) tiga bilik. Saya amat bersetuju dengan rumah mesra rakyat ini, sebab memang kualitinya terjaga dan memuaskan hati kepada mereka yang memohon untuk mendapatkan rumah mesra rakyat ini, dan kita harus mengambil tindakan kepada pemaju yang membina perumahan yang diberikan syarat 30% untuk membina rumah murah, tapi mereka tidak memenuhi syarat tersebut dan ada kes-kes kita melihat pemaju apabila memohon tanah kerajaan negeri untuk membina projek komersial, mereka diberikan syarat untuk sama-sama membina perumahan rakyat.

Maka dibuat dahulu pusat komersial ini, tapi bila sudah siap pusat komersialnya akhirnya tanah yang sepatutnya dibina perumahan rakyat ini dipulangkan kepada kerajaan negeri dengan alasan dia kata dia tidak mampu. Sebenarnya dia merasakan dia tidak akan mendapat sebarang keuntungan daripada pembinaan rumah rakyat itu. Maka sebab itulah dia mendapat untung kerana dapat membina pusat komersialnya, kemudian tanah yang sepatutnya dibina perumahan rakyat

sebagai *social obligation*, dengan izin, itu dibiarkan dan tidak dilaksanakan dan kita harus mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju seperti ini.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua dalam melaksanakan perumahan rakyat ini supaya lebih banyak rumah yang dapat dibina untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah. Saya lebih suka jika sekiranya kerajaan menumpukan peranan ini kepada Syarikat Perumahan Negara, dan saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana di bawah Belanjawan 2008 ini antaranya ialah SPNB akan diberi peranan untuk membina 6,000 unit di bawah Program Pemulihan Rumah Terbengkalai, kemudian 36,000 unit Program Perumahan Mampu Milik dan 4,000 unit di bawah Program Rumah Mesra Rakyat.

■1450

Ini cukup baik sebenarnya dan saya lebih suka sekiranya peranan ini diberikan kepada SPNB, Syarikat Perumahan Negara Berhad supaya mereka menerima peruntukan yang lebih banyak untuk membina rumah rakyat, rumah kos rendah, rumah mesra rakyat, rumah mampu milik dan sebagainya kerana ini adalah cukup penting untuk melaksanakan apa yang saya sebut tadi iaitu pertumbuhan dengan pengagihan iaitu, kita maju tetapi kualiti hidup rakyat terpelihara. Ini yang dikatakan kesejahteraan rakyat sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya menyokong usaha kerajaan iaitu mempermudah peranan KWSP iaitu mereka boleh menggunakan simpanan akaun kedua ini untuk membeli rumah. Ini akan menyebabkan RM9.6 bilion akan digunakan jika sekiranya mereka menggunakan Akaun II ini oleh si pencarum untuk membeli rumah ataupun rumah kedua. Saya fikir kita mesti mengalu-alukan keputusan kerajaan yang mana membenarkan KWSP melonggarkan sedikit syaratnya iaitu pencarum boleh menggunakan Akaun II untuk membeli rumah ataupun membayar ansuran rumah ataupun rumah kedua.

Kita tahu Tuan Yang di-Pertua bahawa KWSP ini mempunyai aset sebanyak RM290 bilion. Kalau digunakan sebanyak RM9.6 bilion sahaja untuk tujuan membantu pencarum membeli rumah bagi saya adalah satu jumlah yang kecil sebenarnya. Kalau kita melihat pendapatan pada 2006 ialah sebanyak RM13.3 bilion. Jadi oleh sebab itu saya fikir wajar apa yang diputuskan oleh kerajaan untuk membenarkan pencarum membeli rumah menggunakan Akaun II ini.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa di dalam kita mengalu-alukan keputusan ini, maka KWSP mesti menyediakan satu mekanisme yang komprehensif di dalam memberi kebenaran kepada si pencarum mengeluarkan wang dalam Akaun II untuk membeli rumah.

Sekurang-kurangnya diwujudkan satu unit khas untuk memantau supaya ianya tidak disalahgunakan sebab sekarang ini KWSP semakin fleksibel, boleh mengeluarkan duit beli komputer, boleh mengeluarkan duit untuk beli motor anak, boleh mengeluarkan duit untuk kahwin anak, untuk tujuan pelaburan juga dibenarkan Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, mekanisme khas ini penting

sebenarnya. Sekurang-kurangnya KWSP mesti bekerjasama dengan bank sebab Tuan Yang di-Pertua sekarang ini wang yang dikeluarkan itu dimasukkan dalam *personal account* si pencarum.

Saya rasa lebih sesuai dibayar terus kepada bank ini bukannya dimasukkan kepada *personal account* sebab takut nanti dia tidak bayar kepada bank untuk membayar rumah yang dibeli itu. Ini akan membimbangkan kita sebab kita bimbang satu hari nanti akhirnya si pencarum ini akan menjadi miskin kerana mereka menyalahgunakan kemudahan yang ada ini. Kalau saya merujuk kepada satu statistik Tuan Yang di-Pertua sehingga Disember 2006, caruman terkumpul ialah sebanyak RM224 bilion. Ini bermakna purata pencarum yang berumur 55 tahun hanya ada RM114,000 dan setiap bulan mereka hanya ada RM475 kalau dikeluarkan daripada caruman tersebut sehingga mereka berumur 75 tahun, RM475.

Ini menyebabkan kita lihat ada di kalangan pencarum ini mencari kerja lain, jadi pengawal dan sebagainya apabila mereka sudah bersara sebab tidak cukup wang caruman mereka itu sebab sudah banyak dikeluarkan sebelum daripada ini. Sedangkan jangka hayat kita sekarang ini sudah meningkat kepada 75 tahun. Jadi oleh sebab itulah saya berharap jangan ada nanti maksudnya mereka ini menjadi miskin kerana dipermudahkan untuk mengeluarkan wang caruman mereka daripada KWSP ini. Ini saya harap dipantau dengan apa yang telah dilonggarkan oleh pihak kerajaan iaitu membenarkan si pencarum menggunakan Akaun II ini untuk membayar ansuran perumahannya.

Saya harap ini menjadi perhatian kepada kita supaya hari tua si pencarum ini tidak menjadi satu yang merugikan mereka apabila mereka menyalahgunakan wang caruman mereka di dalam KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya ingin mencadangkan supaya KWSP ini mewujudkan satu unit untuk membantu si pencarum untuk merancang sebelum mereka bersara lagi wang caruman mereka ini. Sebab ini yang tidak ada sebenarnya dan berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan, hanya 36% daripada si pencarum ini sebenarnya merancang wang caruman mereka. Yang lain itu dia main keluar sahaja iaitu mereka suka-suka hati keluaran duit mereka itu dan akhirnya tengok duit sudah tidak banyak bila mereka bersara nanti Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itulah berdasarkan kepada aset yang begitu banyak kepada KWSP ini, saya ingin mengharap bahawa KWSP ini akan memberikan dividen yang tinggi kepada si pencarum. Kalau kita lihat pada tahun 2006, dividen yang diberikan hanya sebanyak 5.15% sahaja. Oleh itu, saya berharap untuk dividen yang akan datang ini diberikan dividen yang tinggi seperti pelaburan-pelaburan yang lain sebab KWSP ini bagi saya adalah banyak aset dia dan untungnya pun banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak beralih sedikit kepada isu pelajaran sebab pelajaran juga adalah merupakan pembangunan modal insan seperti mana yang disebut oleh

Perdana Menteri adalah cukup penting sebenarnya untuk kita keluar daripada garis kemiskinan hidup. Seperti mana yang sering saya sebut bahawa pendidikan adalah penting kerana dia adalah jawapan kepada usaha kita untuk keluar daripada garis kemiskinan hidup ataupun putaran ganas kemiskinan ini. Ia adalah pelaburan yang utama, sebab itulah saya ingin menyatakan rasa terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM4.6 bilion untuk pendidikan ataupun pelajaran ini kerana modal insan ini adalah cukup penting sebenarnya.

RM4.6 bilion ini seperti mana yang disebut oleh Perdana Menteri tujuannya ialah untuk mengimbangi kemudahan pendidikan, persekolahan sama ada di bandar ataupun luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Kita tahu bahawa di Sabah dan di Sarawak sebagai contohnya masih lagi ada anak-anak yang pergi ke sekolah menggunakan sampan, yang tidak ada kemudahan seperti alat pelampung ataupun peralatan-peralatan lain yang sesuai supaya mereka ini terselamat jika berlaku kemalangan. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua berdasarkan kepada apa yang kita lihat di TV contohnya, di Sarawak ada satu tempat itu mereka hendak pergi ke sekolah menyeberangi sungai, naik perahu tidak menggunakan pelampung.

Alasan yang diberikan ialah subsidi pelampung untuk pelajar sekolah ini tidak mencukupi. Saya rasa ini harus menjadi perhatian sebab itulah saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana RM4.6 bilion ini tujuannya ialah untuk mengimbangi. Tidak berlaku apa yang dikatakan antara dua darjat di bandar dan di luar bandar tentang kemudahan pendidikan ataupun persekolahan ini.

Oleh sebab itulah saya berharap bahawa kerajaan dalam menyediakan kemudahan pendidikan dan pelajaran ini, maka dia mestilah merata sebenarnya kerana ini sesuai dengan apa yang ada di dalam tema belanjawan ini iaitu "Membangun bersama untuk menikmati kemakmuran bersama ini".

■1500

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itulah saya menyokong penuh usaha kerajaan apabila baru-baru ini dilancarkan untuk membina MRSM Felda yang berharga RM109 juta ini dan saya fikir bahawa apa yang dilakukan oleh Felda ini mestilah juga diikuti oleh badan-badan lain seperti KWSP, Petronas, TNB. Yang kaya-kaya ini, yang banyak duit ini iaitu mesti mengikut apa yang dilakukan oleh Felda iaitu membina sekolah-sekolah berasrama penuh supaya ini membantu kerajaan sebenarnya dalam menyediakan modal insan iaitu menyediakan anak-anak kita yang berpelajaran. Mereka inilah sebenarnya yang akan membantu keluarga mereka untuk keluar daripada garis kemiskinan hidup ini. Ini bagi saya adalah satu contoh yang baik iaitu keuntungan yang mereka peroleh itu diagihkan semula dan mesti dinikmati oleh semua pihak, semua kaum.

Maka tidak timbullah masalah jika ada pihak yang mengatakan bahawa di negara kita ini pengagihan adalah tidak adil iaitu orang miskin terus miskin, orang kaya terus kaya dan ini

sebenarnya satu bukti bahawa kerajaan tidak pernah mendiskriminasikan mana-mana golongan. Kita agak terbuka iaitu bahawa siapa saja mesti menikmati kemudahan ini, mesti menikmati apa juga pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan ini tanpa ada sekatan ataupun pilih kasih dari segi pengagihan.

Oleh kerana itulah Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa dalam soal untuk kita menyediakan tenaga kerja yang lebih baik di negara kita ini, maka kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi mestilah membanyakkan lebih banyak kolej-kolej komuniti sebab yang menjadi isu sekarang ini dalam soal pekerjaan ini ialah soal kemahiran. Kita berharap dengan lebih banyak wujudnya kolej-kolej komuniti ini, maka membantu kerajaan menyediakan tenaga-tenaga mahir dan tenaga mahir inilah yang lebih mudah sebenarnya untuk masuk ke pasaran kerja. Sebab itulah kita tidak setuju apabila konsep Kolej Komuniti ini disalah ertikan iaitu mesti ada kampus, mesti ada padang, mesti ada stadium, mesti bangunan cantik dan sebagainya sebab ini berlawanan dengan konsep kolej komuniti yang sebenarnya kalau kita merujuk kepada kolej komuniti yang ada di Australia, di Amerika.

Maka kolej komuniti ini sebenarnya tujuannya lebih kepada menyediakan tenaga yang ada kemahiran, yang cukup latihan kemahiran. Bukan setakat nak dapatkan *degree* dalam bidang-bidang tertentu. Sebab itulah akhirnya kadang-kadang kita melihat Tuan Yang di-Pertua, graduan kita ini tidak boleh masuk ke alam pekerjaan. Maknanya susah nak dapat kerja sebab mereka tidak ada kemahiran dalam bidang-bidang tertentu terutamanya dalam bidang teknikal. Oleh kerana itulah, bagi saya ini cukup penting sebenarnya untuk memenuhi hasrat kerajaan dalam soal pembangunan insan.

Ini akan dapat membantu sebenarnya menyelesaikan masalah kebergantungan kita kepada pendatang-pendatang tanpa izin ataupun pekerja-pekerja warga asing ini sebab kalau kita merujuk kepada data yang diberikan, 25% daripada tenaga kerja di negara kita ini adalah warga asing. Ini amat membimbangkan kita sebenarnya. Kita dah banyak bercakap soal PATI ini, pendatang tanpa izin. Kita dah bercakap banyak tentang pekerja-pekerja yang menguasai pasaran kerja di tempat kita sehinggakan orang tempatan pun tak nak kerja lagi.

Bukan kerana mereka tidak mahu bekerja tetapi dikuasai oleh pendatang tanpa izin ini. Kalau kita mengambil contoh berdasarkan laporan yang dikemukakan iaitu 10,000 warga asing ini bekerja sebagai atendan pam minyak di petrol stesen di negara kita. Ada 10,000 sebenarnya sedangkan tidak dibenarkan mereka ini bekerja dalam sektor yang disebutkan itu dan ini saya harap bahawa mesti ada tindakan yang lebih tegas daripada kerajaan. Oleh kerana itulah saya mengharapkan bahawa, saya bersetuju dengan cadangan kita hapuskan agen-agen pekerja asing ini. Agen-agen pekerja asing ini dihapuskan dan tugas mereka ini diambil alih oleh JTK iaitu Jabatan Tenaga Kerja. Biar Jabatan Tenaga Kerja yang mengambil alih tugas agen ini sebab agen, dia akan bawa orang masuk berdasarkan kepada permintaan majikan. Majikan minta 100,

dia bawa 200, dia bawa 300. Sebab itulah akhirnya kita terkejut ramai pekerja terkandas di lapangan terbang dan sebagainya.

Tak ada orang ambil sebab puncanya ialah agen membawa pekerja asing ini melebihi daripada yang diperlukan sebab mereka mencari untung Tuan Yang di-Pertua. Satu orang dia untung dua tiga ribu. Jadi, lebih baik bawa dua tiga ratus maka untung lebih sedangkan yang diminta oleh majikan ialah mungkin 50 orang sahaja.

Jadi, ini adalah eksploitasi sebenarnya dan yang lebih berat ialah imej negara kita tercemar dengan tindakan agen-agen seperti ini. Saya mengharapkan bahawa dalam usaha kita untuk membangunkan negara kita ini supaya rakyat kita yang mendapat *priority* untuk bekerja di negaranya sendiri. Maka kita mesti mengambil tindakan yang tegas iaitu dasar kita ini supaya PATI ini dikurangkan mengikut jumlah tertentu dan tidak dibenarkan bekerja di bidang-bidang tertentu tapi sampai sekarang kita lihat belum ada tindakan.

Macam saya Tuan Yang di-Pertua, duduk di hotel di Midvalley, kalau pergi pada *food court* dekat Midvalley itu boleh katakan saya rasa 90% yang bekerja di restoran *food court* itu adalah warganegara asing khususnya Bangladesh dan juga Indonesia. Ini sebenarnya tidak baik sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi kalau mereka ini bekerja tidak ada disiplin, tidak mesra sebab dia dah jadi geng sama dia. Maka kita ini pula jadi macam hamba dia.

Jadi sebab itulah tindakan tegas perlu diambil sebenarnya. Oleh itu saya rasa kerajaan harus melakukan sistem pemutihan ini yang pernah dilakukan sebelumnya. Dikembalikan sistem pemutihan ini untuk mengurangkan pekerja asing di negara kita ini dan kalau boleh kita utamakan ibu-ibu tunggal, OKU untuk bekerja di tempat-tempat yang sekarang ini banyak dikuasai oleh pendatang-pendatang asing ini.

Jika kita tidak bertindak daripada sekarang, maka kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini. Saya rasa yang paling efektif untuk dilakukan ialah sistem agen ini mesti dihapuskan dan diambil alih oleh JTK ini iaitu Jabatan Tenaga Kerja. Jadi, dia buat itu berasaskan kepada keperluan majikan dan dia boleh memantau betul atau tak betul majikan itu perlukan ...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Mencelah sikit Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: ...50, 100 orang atau sebenarnya.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat tentang pendatang asing yang bekerja di *food courts* yang disebut tadi, Midvalley dan sebagainya.

Saya dapati yang mereka PATI ini, pendatang asing ini tak mempunyai etika dan tidak mempunyai tanggungjawab mengenai kebersihan, mengenai servis yang terbaik untuk pelanggan termasuk pada sesiapa sajalah. Pengalaman sendiri yang saya pernah tengok, saya dapati mereka daripada luarlah, PATI ini, jadi ada yang masa nak *servicing* itu dia pegang tempat yang tak

patut dipegang, dia korek hidung, dan ada satu ketika saya tengok jatuh barang makan, ayam kah, *chicken rice* jatuh ke lantai, tangan dia bersarung tapi dia ambil saja balik, kotor juga.

Jadi saya rasa pihak kerajaan harus mengambil kepentingan yang lebih serius lagi tentang memaksa PBT ataupun agensi kerajaan yang tertentu untuk mengawasi ini supaya memastikan siapa yang bekerja baiknya daripada luar ataupun pada orang kita sendiri, hendaklah pastikan servis dan kebersihan itu tinggi.

■1510

Oleh kerana mereka ini daripada mana-mana negara asing, saya rasa perasaan patriotisme perasaan sayangkan negara, sayangkan bangsa dan sebagainya tidak ada di situ. Mereka datang kerana hendak hiduplah, kerana perlu hendak cari makan itu sahaja. Ada yang hendak bagi lebih daripada itu.

Jadi kalau pihak kerajaan mengambil serius mereka kiralah, apa pandangan Yang Berhormat kiralah PATI ini diharamkan daripada bekerja sektor-sektor servis industri yang sebegini. Di beri peluang ini untuk rakyat-rakyat kita dan mengisikan peluang ini dan servis sektor ini diperkaya, diperkasakan dari segi *training*, dari segi apa jualah yang sepatutnya dapat memartabatkan sektor ini. Maka saya rasa dengan sendiri nilai hidup kita di *service industry*, *food court* dan sebagainya, akan jadi lebih tinggi dan mungkin *market forces* tauke-tauke dan siapa sahaja, majikan-majikan tertentu ini akan akur kepada nilai dan ketinggian servis yang kita perlu dan sekali gus melambangkan ketamadunan dan mentaliti kelas pertama yang kita hendak buktikan dalam sumber manusia di negara kita.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang setuju iaitu bahawa pekerja asing ini hanya dibenarkan dalam bidang-bidang tertentu iaitu seperti pembinaan ataupun pembantu rumah. Yang lain-lain itu tidak perlu diberi ruang kepada mereka dan satu cari lagi ialah barangkali saya setuju dengan pandangan seorang tokoh pakar ekonomi iaitu bahawa kita mesti memulakan penggunaan teknologi sebenar untuk menyelesaikan isu pendatang tanpa izin ini. Kalau tidak kita akan masih berterusan meminta pekerja-pekerja asing ini datang ke negara kita untuk bekerja di tempat kita dan akhirnya kita tidak menyelesaikan masalah kita. Maka penggunaan teknologi moden ini terutamanya di ladang-ladang perlu dipertingkatkan untuk kita mengurangkan masalah kebanjiran pendatang tanpa izin ini. Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat, minta laluan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada katakan sistem pemutihan ini. Kita tahu sistem pemutihan yang telah dijalankan oleh kerajaan terutama dalam balik kampung berhari raya. Berduyun-duyun, berkapal-kapal hantar balik. Pasti kah bahawa yang balik ini tetap balik dan tidak datang lagi? Apa yang kita lihat yang balik ini bukan balik terus balik tetapi balik semula ke tempat kita ini membawa teman-teman sampai tiga, empat orang. Sebab itulah pendatang tanpa izin ini bertambah.

Jadi pada pandangan Yang Berhormat apakah silapnya oleh pemutihan yang dibuat ini pada saya tidak berjaya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Ya, sebab itu saya ingin mencadangkan supaya pendatang, pekerja asing ini pertama kita ambil DNA dia, cap jari dia supaya kita ada rekod tersebut. Jadi sebab mereka masalahnya Tuan Yang di-Pertua, ialah mereka mudah buat pasport dan ubah nama dalam pasport tersebut sebab dia tidak bin dan sebagainya dan dia banyak sindiket. Kita punya Mykad pun dia boleh tipu.

Jadi bila dia keluar dengan nama lain, dia masuk dengan nama lain dalam pasport barunya. Jadi kita tidak dapat kesan. Jadi oleh kerana itulah, kita mengharapkan bahawa kita gunakan sistem iaitu cap jari dia dan DNA dia di ambil sebab masalah kita di negara kita jenayah yang berlaku di negara kita sekarang ini terutamanya pecah rumah ini banyak dilakukan oleh pendatang tanpa izin ini. Kita bermasalah sebab mereka banyak ruang atau tempat untuk masuk ke negara kita ini tanpa melalui pusat-pusat *entry* yang sah.

Mereka boleh masuk ikut kita punya pengairan dan sebagainya. Sebab itulah bila ada maklumat yang lebih terperinci tentang mereka maka memudahkan kita mengatasi masalah ini. Kadang-kadang kita ini ada juga sifat berlembutnya Tuan Yang di-Pertua iaitu bila rakyat berdemokrasi membantah tindakan kita, maka kita berlembut balik. Maka ini juga satu punca kadang-kadang menyebabkan kita ini terpaksa memikirkan tindakan-tindakan yang kita ambil. Jadi oleh kerana itu bahawa saya berharap kali ini kita tegaslah dalam mengatasi masalah ini sebab di kampung-kampung dah menjadi tidak selamat sekarang ini. Terpaksa diwujudkan pusat-pusat kawalan di kampung-kampung sebab rumah-rumah di kampung menjadi mangsa pecah rumah dan sebagainya. Bukan lagi di bandar sahaja di kampung pun sebab mereka juga melakukan jenayah-jenayah ini di kampung-kampung sebab apatah lagi sekarang ini harga kelapa sawit mahal. Jadi siapa yang dia tahu ada kebun kelapa sawit memang jadi mangsa Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak pilih kasih dah sekarang, orang di kampung pun dirompak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kualiti hidup ini, saya fikir satu isu yang kita tidak boleh terlepas pandang ialah soal kemudahan kesihatan. Kalau kita merujuk kepada negara India 2/3 daripada penduduknya tidak mempunyai akses terhadap kemudahan kesihatan. Kekurangan hospital, kekurangan doktor dan kekurangan kemudahan apatah lagi hidup dalam kemiskinan ini. Jadi di negara kita juga oleh kerana sekarang ini sebab itu saya setuju apa yang sebut oleh Timbalan Menteri tadi membentangkan belanjawan ini soal gaya hidup sihat ini. Maka satu daripada isu yang penting yang harus kita beri perhatian sekarang ini ialah tentang dana bantuan kesihatan ini sebab kos perubatan yang semakin meningkat semakin tinggi menyebabkan kita sekarang ini berhadapan dengan banyak permintaan daripada rakyat supaya kerajaan menyediakan tabung kesihatan yang lebih besar sebenarnya.

Saya mengambil contoh MAF, *Medical Assistance Fund*, kita ada RM25 juta sekarang ini. Ini satu bukti kerajaan adalah cukup prihatin untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah yang tidak mampu menampung kos perubatan yang tinggi. Kita setuju supaya bantuan ini diberikan kepada mereka yang menggunakan kemudahan hospital kerajaan bukan hospital swasta. Kalau swasta itu dia kena cari sendirilah sebab swasta Tuan Yang di-Pertua, maksudnya memang kosnya lagi mahal sepertimana disebut oleh Menteri Kesihatan baru-baru ini.

Bila membangkitkan tentang kos yang dikenakan oleh hospital swasta yang cukup tinggi. Saya pernah ada satu kes Tuan Yang di-Pertua. Anak buah, suaminya meninggal belum buat *operation* pun, belum buat *operation* Tuan Yang di-Pertua RM25 ribu bayaran dan jenazahnya tidak boleh dikeluarkan dulu selagi belum bayar. Jadi saya terpaksa merayu, saya kata biar kita *settle* kemudian sebab ketika itu saya tidak tahu kos sebenarnya. Saya ingatkan RM2, RM3 ribu. Mula-mula saya hendak bagi kredit kad saya tengok RM25 ribu memanglah tidak cukup kredit kad saya Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana ketika itu saya Setiausaha politik saya keluarkan pula kad Setiausaha Politik saya kata saya jamin dululah untuk mengeluarkan jenazah. Rupa-rupanya selepas itu Tuan Yang di-Pertua setelah jenazah dibenarkan keluar, saya pula yang di saman kerana saya dianggap adalah penjamin. Begitu sekali Tuan Yang di-Pertua, dan inilah saya katakan bahawa saya cukup bersetuju dengan usaha kerajaan supaya pengagihan berlaku, kualiti hidup terjamin. Maka tabung kesihatan ini perlu diutamakan dan RM25 juta ini bagi saya mestilah ditambah dari masa ke semasa.

Kita berterima kasih kepada kerajaan dan apabila Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewujudkan satu tabung di bawah yayasan kebajikan bermula dengan RM5 juta. Ini juga satu perkembangan yang baik sebenarnya sebab kita memang mahukan rakyat kita ini tidak kira kaum mendapat kemudahan bantuan perubatan ini.

■1520

Maka tidak timbullah nanti ada tujuan bahawa orang itu diketepikan, orang ini diketepikan. Seperti mana yang berlaku di India, 2/3 daripada penduduknya tidak ada kemudahan perubatan seperti ini dan kita mesti mengambil tindakan yang proaktif ini supaya dengan kos perubatan yang semakin meningkat, maka kerajaan sudah mengambil tindakan yang proaktif. Saya berharap tabung-tabung seperti ini juga harus diutamakan oleh mana-mana pihak supaya membantu kerajaan sebenarnya. Kerajaan sendiri menyediakan RM25 juta ini bagi saya satu perkara yang baik. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sebarang usaha supaya antara yang kita boleh lakukan lagi ialah seperti mana sahabat saya bangkitkan tadi ialah menderma organ. Menderma organ ini juga Tuan Yang di-Pertua, kalau saya melihat pada statistik, di negara kita sekarang ini kita memerlukan buah pinggang sebanyak 1,200 buah pinggang, jantung – 450 buah, hati – 200 buah, kornea – 700.

Baru-baru ini kita melihat dalam kes Tee Hui Yee menunggu lama untuk bantuan organ ini dan alhamdulillah, dia sekarang ini sudah pun sihat setelah kesnya ini disiarkan dalam media, maka ada penderma. Sebab itulah kita berharap kerajaan memberi insentif Tuan Yang di-Pertua kepada sesiapa sahaja yang menderma organ ini diberikan insentif sebenarnya, ini menggalakkan rakyat untuk menderma organ. Kalau saya bagi statistik, sekarang ini orang Cina yang telah mendaftar diri menderma organ 99 orang, India – 53 orang, Melayu – 8 orang, lain-lain – 15 orang.

Orang Melayu mungkin..., tapi sebenarnya sudah ada keluar fatwa untuk menderma organ dan saya fikir wajarlah Ahli-ahli Parlimen seperti kita ini sama-sama untuk mendaftar diri untuk menderma organ kerana organ-organ yang diperlukan

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, silakan.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa pihak Kementerian Kesihatan perlu mengambil tindakan yang lebih serius dalam soal derma organ ini. Salah satu langkah, apabila pesakit itu pergi mendaftar di hospital untuk membuat pemeriksaan doktor, doktor ataupun jururawat itu perlu bertanya nak derma organ, di situ dah mula kempen dah.

Organ apa yang hendak didermakan, daftar di situ, bagi dia borang supaya dengan cara berkempen begini ataupun memberi tawaran, bersetuju derma organ, okey ubatnya murah, potong harga ubatnya, potong rawatannya. Jadi ini merupakan satu langkah yang secara serius untuk menambahkan lagi penderma-penderma organ ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, masalah yang timbul ialah ramai orang tidak faham pun apa sebenarnya derma organ ini, organ mana yang diperlukan. Saya ambil sedikit contoh Tuan Yang di-Pertua, bahawa organ-organ yang boleh didermakan ialah buah pinggang, jantung, hati, paru-paru dan pankreas. Dari segi tisu yang boleh didermakan ialah mata, tulang, kulit dan injap jantung, tapi ramai yang tidak tahu organ mana, organ lain kita tidak perlukan, organ ini sahaja yang perlu didermakan.

Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat dan sebab itulah saya pernah menyebut bahawa doktor itu sendiri perlu menjadi orang yang pertama terlibat menderma organ ini. Saya nak maklumkan kepada orang Islam bahawa dari segi fatwa dah lama dah keluar fatwa disebut iaitu bahawa organ ini boleh didermakan, tidak ada masalah sebenarnya. Walaupun didermakan organ kita sebagai orang Islam kepada bukan Islam. Tidak ada masalah dari segi fatwa sebenarnya. Oleh sebab itulah saya harap kita mengambil insentif untuk mendermakan organ. Organ ini pun diambil bila dah mati Tuan Yang di-Pertua, bukan masa hidup dia ambil organ kita. Jadi tak usah bimbanglah sebenarnya, bila dah mati, doktor pastikan, baru diambil.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap dalam soal kesihatan ini maka kita mestilah memberikan kualiti perkhidmatan yang baik. Saya harap bahawa tidak timbul soal-soal *negligence* ini, iaitu tersalah potong dan sebagainya. Baru-baru ini kita melihat seorang kanak-kanak disalah beri ubat dan akhirnya terpaksa dipotong tangannya. Kes-kes seperti ini amat mendukacitakan sebenarnya walaupun kalau saya lihat kepada soalan saya dinyatakan bahawa hanya satu dua kes yang dibawa ke mahkamah, tapi kita berharap ia tidak menjadi-jadi dan akan menghilangkan keyakinan kita kepada kemampuan perubatan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyentuh sedikit tentang *global warming* ini. *Global warming* ini Tuan Yang di-Pertua adalah satu isu yang cukup penting di dalam pembangunan kita ini terutamanya apabila kita mesti mengutamakan pembangunan rendah karbon ini sebab ini menjadi satu isu yang besar. Sebab kalau di Johor baru-baru ini kita kerugian sebanyak RM40 juta sebenarnya kesan daripada banjir yang berlaku. Banyak harta benda yang rosak, banyak rumah yang rosak, jalan yang rosak terpaksa di baik pulih semula dan ini menyebabkan kita kerugian hampir RM40 juta.

Kalau saya melihatkan kepada statistik pertanian, kalau berlaku apa yang berlaku seperti berlaku sebelum ini, 20% sahaja yang terlibat. Maka kita akan kerugian sebanyak RM300 juta setahun akibat daripada perubahan iklim yang sedang berlaku di negara kita sekarang ini. Kita harus memberi perhatian kepada isu-isu seperti ini. Kita tidak boleh berkompromi dengan soal isu-isu iaitu seperti pembalakan haram, pencemaran air, pencemaran sungai dan sebagainya.

Kita harus memberikan perhatian bahawa ini adalah cukup penting sebenarnya. Pemanasan global menyebabkan kita lihat sekarang ini, di negara kita ini sendiri sebenarnya kita amat bimbang. Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua setiap hari terpaksa SMS, telefon, apa berlaku di Batu Pahat sekarang? Ribut, banjir, semua ini membimbangkan kita Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya setiap hari, setiap masa malam kalau di Kuala Lumpur ini pun saya tengok semalam hujan sepanjang hari, apatah lagi di tempat saya. Kita harus memberikan perhatian terutamanya pembangunan rendah karbon ini, kita tidak boleh sewenang-wenangnya membenarkan pembangunan kita ini dirakusi oleh mereka yang hanya memikirkan keuntungan sahaja tanpa memikirkan tentang perubahan *climate* yang boleh mengancam negara kita sendiri.

Oleh sebab itulah, saya berharap bahawa kerajaan dari segi penguatkuasaannya juga, berbalik kepada soal penguatkuasaan memastikan iaitu bahawa di negara kita ini, isu-isu pencemaran dan sebagainya tidak dibiarkan yang akan membawa kesan yang lebih mendalam kepada negara kita. Sebab itu saya mempersoalkan apabila pakar-pakar mengatakan dia kata gempa bumi yang berlaku baru-baru ini, ada pakar saya lupa bidang dia, dia kata tidak perlu dibimbangi. Ia bukan soal begitu Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah saya mengatakan pasak bumi kita, Banjaran Titiwangsa ini. Kalau sekiranya pasak kita ini lemah akibat daripada pembinaan terowong 44.5km untuk menghantar air daripada Pahang ke Selangor. Dalam keadaan

kekerapan gempa bumi yang berlaku di Sumatera, maka pasak bumi kita akan semakin lemah. Ini membahayakan negara kita sebab gempa bumi itu berlaku di bukit tinggi di mana terletaknya Banjaran Titiwangsa yang menjadi pasak bumi kita.

Oleh sebab itulah saya kata bahawa kita kena ambil serius iaitu kaji betul-betul sesuai atau tidak sesuai, perlu atau tidak perlu. Apakah tidak ada alternatif lain untuk kita menghantar air ke Selangor ini? Kita tahu Selangor memerlukan air, kalau susah sangat ambil air daripada Johor, daripada kita hantar air ke Singapura yang tidak pun berterima kasih dengan kita. Kadang-kadang dia pula yang mengancam kita termasuklah dia menuntut Pulau Batu Putih, South Ledge dan juga Middle Rock ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak menyentuh sedikit tentang sukan. Saya sekarang ini sudah semakin bimbang iaitu mampu kah atau tidak mampu negara kita memperoleh 64 pingat emas ini.

■1530

Kalau kita tengok menembak *target* empat, sekarang baru dapat dua, permainan menembak pun sudah habis. Dalam bidang-bidang yang tertentu yang kita harapkan dapat pingat emas tidak dapat pingat emas pun. Ada yang sudah pulang awal seperti bola sepak yang selalu kita sebut di Dewan ini dan yang mereka tidak setuju dengan kritikan kita, dan sudah terbukti sekarang ini memang betul pun bola sepak tidak meningkat juga.

Jadi, kita kecewa dengan apa yang berlaku ini. Kita juga bimbang, dan saya berharap ini tidak akan berlaku bila melihat Singapura sekarang ini sudah dapat 30 pingat emas tetapi kita baru 24 pingat emas. Kita tambah pingat makin dia tambah pingat. Singapura ini saya sensitif, Tuan Yang di-Pertua sebab saya berjiran dengan Singapura. Negara kecil dapat 30 pingat emas, kita baru 24 pingat emas. Itu pun termasuk olahraga. Kita memang mengharap banyak pingat dalam olahraga.

Jadi, apa sebenarnya yang berlaku kepada pembangunan sukan di negara kita? Sukan ini penting kerana sukan juga menjadi alat untuk menyatupadukan rakyat kita yang berbilang kaum ini. Maksudnya patriotisme, semangat kenegaraan, cinta kepada negara paling mudah di bangun melalui kejayaan sukan. Oleh sebab itu apabila kita melihat ahli sukan kita walau daripada apa kaum sekali pun dapat pingat emas kita suka, kita sokong, kita gembira. Sukan ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang dapat menghilangkan tension untuk kita dan dapat membina semangat kenegaraan, tetapi kalau kita memandang ringan kepada bidang sukan ia adalah amat merugikan.

Oleh sebab itu saya harap Menteri Belia dan Sukan ini diberi kuasa yang lebih. Baru-baru ini bila Persatuan Sepak Takraw yang boleh dapat pingat emas tarik diri sesuka hati dia kerana bola, maka kita kehilangan peluang dapat pingat emas. Saya tidak tahu sama ada *valid* atau tidak *valid*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, alasan yang dikemukakan oleh persatuan berkenaan untuk menarik diri. Apa yang kita baca dalam media ialah "*Menteri dukacita persatuan itu menarik diri*". Ini bermakna menteri itu tidak ada kuasa untuk menghalang persatuan itu menarik diri.

Kalau semua persatuan menarik diri daripada menyertai sukan di Korat itu mungkin kerana takut kalah ataupun lebih baik kalah sebelum bertanding; tarik diri cara mudah maka akhirnya dia memamatkan masa depan sukan kita. Apatah lagi kita baca ISTAF mengancam untuk menggantung Malaysia daripada menyertai sukan ataupun acara sepak takraw untuk dua musim kejohanan Sukan SEA. Rasanya untuk enam tahun akan datang Malaysia tidak akan terlibat dalam pertandingan sepak takraw kalau itu diputuskan. Oleh sebab itulah saya kata bahawa menteri mesti ada kuasa. Ini ada pula atlet kita ambil keputusan tarik diri atas alasan cedera yang sebenarnya boleh bertanding tetapi tarik diri.

Oleh kerana itu saya fikir dalam apa hal pun krisis persatuan dan sebagainya; menteri mesti juga ada kuasa supaya mereka ini tidak mempolitikkan persatuan-persatuan sukan ini yang akhirnya masa depan sukan ini terancam. Kita cukup dukacita. Vietnam naik mendadak meninggalkan kita jauh. Dia selepas Thailand. Thailand tidak usah cakaplah, kita memang tidak boleh kejar. Oleh sebab dia tuan rumah, dia tambah semua permainan termasuklah permainan guli pun dia masukkan dalam acara tersebut dan sebab itulah dia boleh tambah pingat emas. Vietnam itu, Vietnam meninggalkan kita jauh juga dalam pungutan pingat emas ini. Saya fikir bahawa mesti ada punca kejayaan tersebut sebab dia bukan tuan rumah. Dia negara yang berperang begitu lama tetapi akhirnya dua tiga kejohanan yang lepas, dalam bola sepak tidak usah cakaplah kita memang sudah tertinggal dengan Vietnam ini. Oleh sebab itu saya harap perkara ini diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit mengenai *Malaysia Airline System* (MAS) ini. Kita dukacita sebenarnya, MAS dengan AirAsia ini macam tidak boleh hendak berbaik-baik. Persaingan itu kadang-kadang menjadi tidak sihat. Kita tahu bahawa MAS tidak bersetuju AirAsia mendapat pendaratan di Singapura. Ini CEO dia sendiri, Dato' Seri Idris Jala mengatakan mengganggu *business turnaround* yang mereka rancang. Walaupun dia kata bahawa MAS ini untung, tetapi untungnya lebih kepada jual aset; jual bangunan, jual kapal terbang, kemudahan *business class* di tempat-tempat tertentu. Bukan keuntungan dari segi *operating* tetapi lebih kepada penjualan aset dan lain-lain. Termasuklah melakukan MSS dan sebagainya.

Oleh kerana itu MAS seperti tidak bersetuju dengan bantuan yang diberikan kepada AirAsia untuk mendapatkan hak di Singapura. Ada yang mengatakan bahawa AirAsia sudah menjadi "*blue-eyes boy*" kepada kerajaan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa perlulah ada satu tindakan untuk merapatkan hubungan antara AirAsia dengan MAS. Saya mengambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, MAS ada kemudahan *maintenance, repair and overhaul* (MRO) untuk pesawat-pesawat kapal terbang.

Soalnya kenapa pesawat-pesawat AirAsia ini menggunakan *facility* MRO, dengan izin, di Singapura dan juga di Australia tetapi tidak menggunakan *facility* MRO yang ada pada MAS? Alangkah baiknya AirAsia ini menggunakan *facility* tersebut daripada menghantar ke Singapura

dan Australia. Ini yang kita katakan bahawa kadang-kadang kita boleh menerima kenyataan seolah-olah AirAsia ini menjadi "*blue-eyed boy*" sebab AirAsia bila mendapat hak pendaratan di Changi, Singapura. Singapura akan mendapat hak pendaratan untuk *Tiger Air* iaitu anak syarikat kepada *Singapore Airlines* iaitu syarikat tambang murah untuk mendarat di tempat kita. Maksudnya *Singapore Airlines* mendapat dua kelebihan iaitu SIA dan *Tiger Air* sedangkan AirAsia bukan anak syarikat MAS. Maka tidak semena-mena maksudnya *Singapore Airlines* mendapat kelebihan akibat daripada AirAsia mendarat di Changi.

Jadi sebab itulah saya harap ada satu usaha untuk mewujudkan satu kerjasama. Saya lihat Dato' Seri Idris Jala menawarkan diri supaya MAS dengan AirAsia bekerjasama dan saya harap AirAsia menyambut baik saranan daripada MAS untuk bekerjasama ini. MAS mengatakan bahawa benarkanlah kemudahan MROnya untuk pesawat-pesawat AirAsia. Jadi, apa salahnya diberikan pertimbangan. Saya harap kerajaan memberikan perhatian kepada isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang rasuah dan ini adalah cukup penting untuk saya sentuh. Saya menyokong penuh cadangan oleh Ketua Audit Negara untuk mewujudkan satu badan yang dipanggil sebagai Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan. Indeks ini akan diwujudkan di semua kementerian untuk memantau soal-soal yang melibatkan pengurusan dana kerajaan - wang kerajaan supaya tidak berlaku pembaziran dan sesiapa sahaja yang ingin naik pangkat akan dirujuk kepada indeks ini. Ia supaya pegawai-pegawai kita ini akan melakukan tugas mereka dengan penuh amanah. Saya fikir ini adalah satu cara yang baik hasil daripada pengalaman kita kepada isu yang berbangkit sebelum ini iaitu soal pembaziran dana awam ini. Seperti beli skru yang berharga RM40 beli dengan harga lebih kurang RM200.

Saya harap bahawa sesiapa sahaja yang didapati bersalah maka pegawai berkenaan mesti bayar balik wang yang terlibat itu kepada kerajaan. Ini satu tindakan yang saya rasa perlu diberi perhatian. Begitu pun untuk keadilan, maka saya mengharapkan juga kerajaan menyenaraihitamkan pembekal-pembekal ini supaya jangan hanya satu pihak sahaja yang dikenakan tindakan tetapi satu pihak lain terlepas.

■1540

Sebab bagi saya pembekal-pembekal ini juga bertanggungjawab. Merekalah yang meletakkan harga yang tinggi kerana ini menggunakan sistem runding terus. Maka diletakkan harga sebab runding macam itu sahaja – letak RM400 dan mungkin ada habuan untuk orang lain, maka syarikat ini juga tidak boleh dilepaskan. Dia perlu disenaraihitamkan dalam usaha kita untuk menghapuskan rasuah di negara kita ini. Saya harap masanya perkara ini diberikan perhatian dan sebab itulah saya menyokong usaha yang dilakukan oleh kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mahu menghapuskan gejala rasuah di negara kita, sebab ini satu daripada punca yang akan menggagalkan usaha kita untuk memajukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya hendak menyentuh tentang keamanan di negara kita ini. Saya harap bahawa kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap *bloggers* kita ini. Kita sudah sebut banyak kali. Kita sudah bangkitkan banyak kali tetapi mereka masih dengan cara mereka menimbulkan cerita yang bukan-bukan. Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, memanglah walaupun saya ini anti *bloggers* tertentu tetapi saya baca ini bukan apa, kerana hendak tahu sebenarnya apa yang mereka cakap.

Kalau orang yang tidak ada pertimbangan, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh percaya sahaja segala apa yang dibangkitkan dalam *bloggers* ini. Sebab itulah saya rasa bahawa apakah tidak ada satu cara untuk kita mewajibkan *bloggers* ini mesti didaftarkan di negara kita. Apakah tidak ada cara? Ada *bloggers* yang menghubungi saya, Tuan Yang di-Pertua, sebab oleh kerana saya ikut Tan Sri ini buat laporan polis, dia telefon saya, dia kata, "Apa kamu boleh buat? Kami bukan daftar di sini, kami di tempat lain." Maksudnya Tuan Yang di-Pertua, dia cakap besar sebenarnya.

Saya terpaksa beritahu mereka bahawa kita kena bertanggungjawab. Saya beritahu, kalau sekiranya saya buat rumah, saya sewakan pada orang, kemudian orang itu sewakan rumah itu untuk pelacuran, takkan saya kata saya tidak bertanggungjawab. Itu orang lain yang buat walaupun rumah saya yang disewa. Saya kata saya mesti bertanggungjawab, maka saya halau mereka keluar. Jangan lagi sewa rumah saya. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya ada melihat *bloggers* yang bertanggungjawab walaupun mereka mengkritik kerajaan.

Saya ambil contoh seperti Kudaranggi ataupun satu lagi bekas bos NST dahulu, Kadir Jasin. Dia bagi amaran, mana-mana *bloggers* yang menggunakan perkataan-perkataan yang karut, mencarut dan sebagainya, tidak akan dikeluarkan dan tidak mengeluarkan identiti mereka atau sekurang-kurangnya menggunakan nama samaran yang sesuai akan disiarkan.

Maksudnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia bertanggungjawab, dia masih boleh menghalang – *chit chat* orang lain masuk dalam *internet* dia, *blog* dia, sebenarnya dia masih boleh melakukannya. Dia tidak boleh bagi alasan, dia kata itu bukan pandangan dia. Orang lain tulis masuk dalam *blog* dia. Sebab itulah sebenarnya saya harap kita mesti mengambil tindakan mewujudkan satu akta kerana mereka ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, boleh mengancam keselamatan negara kita.

Saya setuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai pendirian iaitu bahawa kita tidak perlu gunakan ISA seperti untuk kumpulan Hindraf ini. Guna mahkamah supaya kita dapat mendedahkan apa sebenarnya keburukan dan bahayanya perjuangan mereka ini sebab bila pergi mahkamah, maka perkara ini akan berbangkit dan terbongkar dan orang tahu. Sekarang ini ramai yang tidak tahu kalau dia tidak baca sebenarnya writ saman Hindraf ini dan ini menjadi-jadi, Tuan Yang di-Pertua.

Macam tadi saya hendak masuk ke Parlimen, saya sudah tersekat lama dekat Hospital Kuala Lumpur sebab ada *road block*. Saya tidak tahu kenapa, rupa-rupanya bila sampai dekat sini

rupanya ada hendak buat demonstrasi walaupun tidak dapat sokongan, tetapi menyusahkan orang ramai sebenarnya. Ada pula tadi itu yang cuba hendak masuk kereta saya, hendak tumpang masuk ke dalam Parlimen. Saya tidak bagi. Saya kata kalau hendak masuk kereta saya, boleh, tetapi saya bawa ke Bukit Amanlah, saya kata.

Rasanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak menggunakan mahkamah, tidak banyak yang boleh didedahkan tentang keburukan mereka ini. Sebab itulah kita mahukan keamanan sebenarnya. Keamanan juga adalah penting untuk kita menjayakan Misi Nasional kita ini iaitu usaha kita untuk membangunkan negara kita ini.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat berucap. Tentang undang-undang yang berkaitan dengan fitnah, undang-undang yang berkaitan dengan hasutan, undang-undang yang berkaitan dengan kederhakaan terhadap negara yang sering kali kita dengar dewasa ini. Saya rasa hukuman yang ada pada undang-undang berkenaan seperti yang ada dalam *Penal Code* atau Kanun Keseksaan, Undang-undang *Sedition* dan Undang-undang Fitnah itu, Defamation Act, juga Akta Multimedia dan Komunikasi dan sebagainya terlalu lemah, tidak berapa kuat hukumannya. Saya rasa macam *Sedition Act* ataupun Akta Fitnah dan sebagainya itu, hukuman jail dia hanya sampai dua tahun sahaja.

Jadi yang *bloggers* ataupun penghasut yang membuat fitnah dan hasutan membangkitkan perkara yang sensitif boleh mengucar-ngacirkan negara. Mereka tidak takut kalau undang-undang itu lemah. Sampai ke mahkamah pun dia rasa tidak kuat, tidak berat hukumannya, *they can face it*.

Saya rasa dan saya minta Yang Berhormat mengulas, apakah pandangan Yang Berhormat sekiranya undang-undang ini dikaji semula dan diperuntukkan hukuman yang lebih berat, peruntukkan dengan cara penguatkuasaan ataupun prosedur untuk agensi yang menguatkuasakan seperti polis dan sebagainya. Ini supaya lebih jelas, kuasa yang lebih mantap kepada mereka supaya dapat masalah yang timbul menerusi *blog* atau apa-apa dapat ditangani dengan mudah, berjaya dan berkesan tanpa menjejaskan keselamatan ataupun memberi kerisauan dan kekhawatiran kepada perasaan, minda, emosi majoriti lebih banyak daripada itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke Batu Pahat dan Muar dan dalam perjumpaan minum pagi, tertutup, memang dibangkitkan isu seperti ISA dan sebagainya. Saya bila mendengar jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya menghormati beliau. Memang ternyata itulah sifat beliau yang tidak terburu-buru, yang tidak emosional dan dia kata dia tahu, dia faham bahkan bukan dia tidak tahu pun apa orang kata pada dia dengan pelbagai tuduhan liar dan sebagainya. Itu pun dia kata tidak mempengaruhi pendiriannya iaitu bahawa mahkamah adalah tempat yang

paling sesuai, yang paling perlu untuk dia mengambil tindakan terhadap mereka yang memfitnah dan cuba mengucar-ngacirkan negara.

Di sini saya amat kagum dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya. Apabila beliau memberikan penjelasan dan di situlah saya sebenarnya melihat beliau memandang lebih jauh sebenarnya tentang masa depan negara ini dan saya yakin beliau komited terutamanya bila kita melihat Belanjawan 2008 ini yang tujuannya ialah untuk memberikan kualiti hidup kepada rakyat Malaysia ini tanpa mengira kaum dan sebagainya.

Oleh kerana itulah saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Idris tadi iaitu bahawa kita perlukan undang-undang yang lebih berat sebenarnya dari segi hukuman kepada mereka yang melanggar peraturan dan undang-undang negara ini.

■1550

Saya setuju jika sekiranya undang-undang yang ada sekarang ini terlalu ringan dari segi hukuman. Maka mestilah digubal balik supaya mereka yang melakukan jenayah ini, terutamanya mereka yang melanggar Akta hasutan ataupun *Seditious Act 1948* ini Tuan Yang di-Pertua, dikenakan hukuman yang berat sebenarnya. Sebab harga untuk kita mewujudkan 'perpecahan' di negara kita ini adalah terlalu tinggi sekiranya kita ikut emosi orang lain. Saya mengambil contoh bila Hindraf kata, "Dia tidak memusuhi orang Melayu, dia memusuhi UMNO," Sebenarnya ini adalah satu kenyataan yang berbahaya sebenarnya, cuba bermain politik, mengalihkan dari satu isu kepada satu isu. Dan kita tahu bahawa sebenarnya tidak ada keikhlasan langsung pada dirinya untuk memperjuangkan nasib orang India. Dan motifnya seperti mana yang sudah dibahaskan sebelum ini.

Oleh kerana itulah, bahawa kita tidak ada masa. Rakyat akan marah. Saya rasa rakyat akan marah bila tadi kena trafik jam yang teruk dekat Hospital Kuala Lumpur. Bukan jauh sangat, lagilah kita hendak masuk ke bandar dan sebagainya. Untuk keamanan, polis menjalankan tugas. Maka sebab itulah, tindakan perlu diambil dan yang memberi kesannya ialah kesan kepada orang ramai sebenarnya. Mereka yang hendak pergi bekerja, yang hendak pergi hospital, kalau sekiranya *emergency* dan sebagainya tadi, itu dekat dengan hospital. Orang hendak masuk hospital sudah tak boleh. Maka ini telah menyusahkan rakyat sebenarnya. Maka sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Belanjawan 2008 yang menyentuh segala aspek untuk menjamin supaya apa yang disebut menjadi tema kepada belanjawan ini iaitu "Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran" ini akan tercapai dan wujud keamanan, wujud perpaduan dan Malaysia akan terus menjadi negara yang berdaya saing untuk maju. Sebagai sebuah negara yang maju mengikut acuan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Khoo Soo Seng.

3.53 ptg.

Tuan Khoo Soo Seng: Tuan Yang di-Pertua, jutaan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2008, pada petang yang berbahagia di Dewan yang mulia ini. Ini julung kali saya terlibat dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini dan izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, pucuk pimpinan MCA di peringkat kebangsaan dan negeri kerana kepercayaan dan keyakinan mereka melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mewakili negeri Johor. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan rakan-rakan Ahli Dewan Negara kerana kerjasama dan bimbingan yang diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sekali lagi diberikan peruntukan belanja pengurus antara yang paling tinggi iaitu RM26 bilion. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mempunyai kesedaran bahawa kalau kita bercita-cita tinggi, merealisasikan Wawasan 2020 serta melahirkan generasi muda yang berketerampilan lagi berakhlak mulia, kita kena melakukannya melalui pelajaran. Saya juga mengucapkan tahniah kerana kenaikan gaji yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam termasuk guru. Sekali gaji naik, sekali semangat naik. Maka tahap semangat guru bergantung kepada kadar kenaikan gaji. Namun demikian, percayakah kalau saya kata terdapat dua pihak yang kecewa akibat sistem kenaikan gaji yang tidak sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua orang kawan dan mula berkhidmat sebagai guru terlatih di DG32 pada 1995. Kemudian pada 2005, cikgu A yang dinaikkan pangkat ke DG32 secara *time based* dan menerima gaji permulaan sebanyak RM1,932.85. Manakala guru 'B' yang menyahut seruan kerajaan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti pula, dilantik ke DG41 yang bermula hanya daripada RM1,710.60. RM200 lebih, kurang daripada kawannya yang tidak mengambil kursus universiti.

Kemudian pada tahun ini, semakkan gaji mengakibatkan guru 'A' yang bukan siswazah menikmati penyesuaian gaji sebanyak 25%. Gajinya sekarang RM2,612.68. Manakala guru siswazah B diberikan penyesuaian sebanyak RM15% sahaja dan mendapat RM2,148.10. Jurang perbezaan semakin besar. Jadi RM400. Maksudnya guru yang mempunyai ijazah mendapat RM400 kurang daripada kawannya yang tidak mengikuti kursus di universiti.

Selepas Julai tahun ini, guru 'A' pun lulus peperiksaan dan menjadi guru siswazah; yang belum menjadi siswazah sekarang menjadi cikgu siswazah. Sekali lagi beliau dinaikkan ke DG41. Iaitu *scale* gaji yang sama dengan guru 'B' yang menjadi guru siswazah sebelum guru 'A' itu. Kemudian gajinya bertambah daripada RM2,612.68 ke RM2,781.25. Sekarang guru 'B' yang menjadi guru siswazah kemudian dapat RM633.15 lebih banyak daripada guru 'B' yang menjadi guru siswazah dua tahun sebelumnya. Apakah logiknya? Mana keadilan?

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya senator yang baru dilantik mendapat gaji RM600 lebih daripada rakan-rakan dilantik sebelum saya, apakah *respond* Ahli-ahli Yang Berhormat? Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat akan biarkan begitu sahaja yang kata apa boleh saya buat? Itulah nasib. Dalam kes ini, yang menghadapi kerugian bukan satu *batch* guru siswazah sahaja. Bahkan guru-guru yang menjadi guru siswazah sebelum 2005, menghadapi kerugian yang lebih besar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, segala penyelarasan gaji harus dikaji dengan teliti implikasinya sebelum dilaksanakan dan segala ketidakadilan perlu ditangani segera demi keadilan kepada semua pihak. Sekiranya kajian semula penyelarasan gaji untuk mengatasi masalah tersebut amat rumit, sekurang-kurangnya golongan yang terlibat yang menghadapi kerugian yang tidak wajar itu bolehlah diberikan gaji secara khas untuk penyandang ataupun *personal to holder* dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggunakan kesempatan ini untuk memperdengarkan satu lagi isu yang telah dibawa ke perhatian saya oleh sekumpulan guru pelatih yang sedang mengikuti kursus KDPN mode LPBS iaitu Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah. Golongan guru pelatih itu berkedudukan di antara guru tidak terlatih dan guru terlatih. Oleh kerana dia sedang menjalani latihan, kerana mereka sedang mengikuti kursus untuk menjadi guru yang terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru tidak terlatih lazimnya dikenali sebagai GSTT ataupun Guru Sandaran Tidak Terlatih dan dibayar gaji dan elaun *scale* gaji yang setimpal.

■1600

Selain daripada itu, mereka juga berhak mendapat kenaikan gaji tahunan, menikmati faedah KWSP. Mereka juga berhak mendapat bonus pada akhir tahun sama seperti guru-guru terlatih sekiranya ada. Misalnya mereka yang mengikuti kursus tersebut pada tahun 2003 dan 2007, namun demikian, kumpulan yang diambil masuk pada tahun 2005 pula telah diberikan layanan yang jauh berbeza. Mereka tidak layak dibayar gaji dan elaun-elaun berkenaan, mereka juga tidak layak menikmati faedah KWSP dan tidak layak mendapat bonus akhir tahun.

Apa yang diberikan kepada mereka adalah elaun guru sandaran semata-mata. Saya ingin tegaskan bahawa elaun itu bukan gaji, elaun tiada kenaikan tahunan. Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah guru-guru pelatih menerima notis untuk mengikuti program latihan perguruan tersebut. Mereka mara masuk pintu maktab perguruan dengan penuh bersemangat, dengan perasaan yang suka hati dan harapan yang tinggi dan cita-cita yang tinggi untuk menjadi guru terlatih yang bertanggungjawab dan dedikasi.

Ia adalah untuk memberi sumbangan yang terbaik kepada masyarakat dan negara untuk mendidik putera puteri negara kita untuk menjadi insan yang akan memenuhi objektif-objektif falsafah pendidikan negara dan insan yang berdaya memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara apabila mereka dewasa kelak. Kini mereka berhadapan dengan satu

situasi yang kurang munasabah, kurang adil yang sukar difahami, yang menghampakan mereka yang memadamkan semangat mereka. Tegasnya yang tidak sepatutnya berlaku.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Kenapa kumpulan sebelum dan selepas mereka mendapat layanan yang lebih baik, kenapa kumpulan yang masuk program latihan yang serupa pada bulan Disember tahun 2005 dianiayai. Kenapakah kumpulan ini sahaja disegregasikan? Adakah ketidakselarasan itu begitu sukar untuk dibetulkan? Kumpulan guru yang mengikuti program latihan tersebut bukanlah ramai sangat. Jumlah wang yang terlibat pun bukanlah banyak. Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran, JPA dan juga Kementerian Kewangan untuk meninjau semula kesengsaraan guru-guru terlatih tersebut untuk mengambil langkah-langkah yang segera dan positif demi menjaga semangat guru-guru yang akan mendidik generasi muda dan harapan negara kita. Kalau guru-guru tersebut tidak dilayan secara adil, bagaimanakah mereka akan mengajar anak-anak kita keadilan. Kalau mereka tidak bersemangat. Bagaimana mereka akan menghidupkan semangat putera puteri negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih ke isu yang satu lagi. Saya dapati bahawa peruntukan emolumen guru lazimnya dibahagikan kepada sekolah menengah dan sekolah rendah di dalam anggaran perbelanjaan mengurus. Ingin saya mencadangkan bahawa tajuk peruntukan tersebut dipecahkan lagi. Bukan sahaja kepada sekolah menengah, dan rendah sahaja, bahkan mengikut aliran sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Saya membuat cadangan tersebut kerana kini sering berlaku kekosongan jawatan di sekolah-sekolah tertentu, tidak dibenarkan diisi, kerana peruntukan emolumen sudah habis dipakai. Kedudukan tersebut adalah tidak wajar dan tidak harus berlaku.

Bagaimanakah peruntukan boleh habis digunakan apabila masih ada kekosongan jawatan yang belum diisi? Ini berlaku oleh sebab walaupun ada kekosongan, di sekolah rendah aliran yang tertentu, sambil itu ada guru berlebihan di sekolah rendah aliran yang lain. Sekiranya peruntukan emolumen tersebut dibahagikan mengikut seperti yang saya cadangkan itu, sudah pasti kedudukan tidak wajar itu tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan hak keselamatan merupakan unsur yang amat penting dalam konteks hak asasi manusia. Hal keselamatan juga merupakan permintaan yang unggul oleh rakyat jelata daripada kerajaan yang dipilih mereka. Sesungguhnya keselamatan nyawa dan harta benda rakyat jelata harus menjadi agenda yang terutama dan perlu diberi perhatian oleh mana-mana kerajaan demokrasi.

Negeri Johor amnya, Bandar raya Johor Bahru khasnya pernah menjadi tempat yang terkenal dengan kes-kes ragut, rompak dan samun yang menakutkan. Saya gunakan perkataan pernah oleh sebab situasi dah berubah. Sekarang dah bertambah baik. Pada ketika itu tidak ada

orang yang bergurau, sesiapa yang tidak pernah disamun, diragut atau dirompak pasti bukan orang Johor Bahru. Itulah persepsi keadaan keselamatan pada ketika itu.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan kerana mengambil langkah-langkah yang cepat dan berkesan untuk membanteras kes-kes jenayah di Johor Bahru. Langkah-langkah berkesan yang diambil oleh kerajaan termasuklah menambah bilangan balai polis, dan menubuhkan lebih banyak daerah polis, menambah bilangan anggota polis, dan menambah bilangan kereta ronda. Sampai helikopter juga dihantar ke Johor Bahru.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ketua Polis Negeri Johor Datuk Hussin Ismail kerana komitmen dan usaha gigih beliau telah mendatangkan perubahan yang ketara dari segi tahap keselamatan negeri Johor khususnya di Bandar raya Johor Bahru. Namun demikian, rakyat jelata amnya dan para penduduk di Bandar raya Johor Bahru khasnya masih merasakan takut dan berwaspada akan kejadian kes-kes samun dan ragut. Satu tindakan oleh para penduduk Johor Bahru yang harus dipuji ialah mereka tidak bergantung semata-mata dengan polis ataupun kerajaan untuk memberi perlindungan kepada nyawa dan harta benda mereka.

Sebaliknya mereka masing-masing menubuhkan persatuan penduduk dan jadikan kawasan kediaman mereka komuniti berpagar dan berkawalan ataupun dalam bahasa Inggeris *gated and guarded community*. Malangnya usaha dan inisiatif para penduduk tersebut bukan sahaja tidak mendapat pujian dari pihak-pihak berkuasa, bahkan mereka menghadapi banyak syarat-syarat, peraturan-peraturan dan halangan-halangan.

Ahi-ahli Jawatankuasa Pertubuhan penduduk yang berkenaan yang berniat untuk menjamin keselamatan diri ahli mereka sambil memelihara keamanan ketenteraman kestabilan masyarakat itu menghadapi pelbagai cabaran.

- (i) untuk menasihatkan penduduk-penduduk di kawasan utk membayar yuran yang agak tinggi;
- (ii) menghadapi individu-individu yang tidak bersetuju atas konsep *gated and guarded* komuniti lalu membuat bantahan kepada pihak berkuasa tempatan yang berkenaan; dan
- (iii) untuk memenuhi syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan tempatan.

Saya difahamkan bahawa di sesetengah-komuniti berpagar dan berkawalan itu sukar mendapat kelulusan daripada kerajaan tempatan berkenaan. Seolah-olah pembinaan komuniti berpagar dan berkawalan itu mendatangkan masalah sosial atau masalah keselamatan dengan masyarakat setempat.

Hakikatnya, hampir semua kawasan yang mengamalkan komuniti berpagar dan berkawalan itu memperoleh sifar jenayah. Perbuatan pihak-pihak berkuasa tempatan yang tidak

begitu sama itu telah menyebabkan penduduk-penduduk yang terlibat mengamuk. Kerajaan tidak terdaya memberi perlindungan keselamatan kami dan tidak memberi kebenaran kepada kami untuk melindungi diri kami. Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan garis panduan untuk memudahkan penubuhan komuniti berpagar dan berkawalan itu.

■ 1610

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga petroleum dan masalah pencemaran merupakan masalah-masalah yang perlu ditangani segera oleh kerajaan. Saya tidak tahu sanggupkah kita memberi subsidi yang begitu besar untuk mengawal harga petrol apabila negara kita kelak menjadi pengimport bersih petroleum.

Wajar kah kita berusaha untuk mengurangkan bilangan kenderaan bermotor yang menggunakan jalan raya setiap hari demi mengurangkan keperluan petrol sambil mengurangkan tahap pencemaran udara dan bunyi? Mungkin sudah sampai masanya untuk kita kembali ke zaman menunggang basikal.

Saya bercadang bahawa di peringkat awalan kerajaan boleh berkehendakkan pemaju-pemaju projek perumahan yang baru untuk menyusun sistem jalan di taman-taman perumahan masing-masing dan menyediakan lorong-lorong basikal untuk menjadikan taman-taman perumahan baru itu mesra basikal dan menggalakkan penggunaan basikal sebagai alat pengangkutan jarak pendek.

Saya dapat idea ini oleh kerana saya dapati bahawa di banyak negara di Eropah basikal masih merupakan satu alat pengangkutan yang penting. Amalan tersebut pasti mendatangkan faedah-faedah yang berikut:

- (i) dapat mengurangkan penggunaan dan kebergantungan kepada petrol;
- (ii) mengurangkan tahap pencemaran udara dan pencemaran bunyi;
- (iii) menjadikan rakyat jelata lebih sihat kerana menunggang basikal merupakan satu aktiviti jasmani yang baik; dan
- (iv) mungkin boleh mengatasi masalah kesesakan jalan.

Sekiranya sistem tersebut didapati berkesan, ini kemudiannya boleh diperluaskan ke kawasan-kawasan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih atas peluang keemasan yang diberikan kepada saya. Saya sudahi dengan serangkap pantun.

Buah cempedak di luar pagar,

Ambil galah tolong jolokkan;

Saya orang tua baru belajar,

Kalau salah tolong tunjukkan.

Sekian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, tapi tidak sedap dengar “orang tua”, itu... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang hendak bangun?

Tuan Maijol bin Mahap: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Maijol Mahap. Mengikut Peraturan Mesyuarat, saya hanya boleh panggil kalau seorang Ahli Yang Berhormat itu berdiri. Terima kasih.

4.13 ptg.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk terus membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2008 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan rancangan kerajaan untuk melaksanakan pembangunan yang seimbang seluruh negara, menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2010 dan mendapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dengan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Hajah Wan Hazani, bersedia.

Tuan Maijol bin Mahap: Dalam hubungan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memperkenalkan pembangunan koridor di Sabah yang dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi. Saya berharap mekanisme dan perisian koridor ekonomi Sabah ini akan dapat memenuhi objektifnya, mencapai holistik dengan penglibatan agensi-agensi Kerajaan Negeri Sabah yang akan dikenal pasti dan juga oleh GLC-GLC nasional seperti Petronas dan sebagainya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana terus memberi penekanan kepada usaha membangunkan negeri Sabah.

Dalam tahun 2008 sebanyak RM4 bilion akan disediakan untuk melaksanakan beberapa projek bagi meningkatkan kualiti hidup di Sabah. Di antara projek utama ialah pembinaan jalan Kota Merudu iaitu di daerah saya sendiri, Ranau, jalan lingkaran Utara Sandakan, menaik taraf Kota Belud ke Lankun, perkhidmatan kesihatan luar bandar, kemudahan hospital, perumahan kos rendah dan elektrik, air serta menaik taraf jalan dan rel kereta api. Saya ingin bertanya kepada kementerian di sini ialah bilakah projek-projek tersebut akan mula dilaksanakan?

Saya juga bangga dengan penekanan yang diberikan oleh kerajaan dalam memajukan aktiviti-aktiviti pelancongan di Sabah dan Sarawak di mana sejumlah RM200 juta telah disediakan oleh kerajaan di bawah Tabung Infrastruktur Pelancongan yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Bhd untuk tujuan tersebut.

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peruntukan sejumlah RM800 juta untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup bumiputera termasuk KadazanDusun, Melayu, Bajau dan Murut di Sabah dan kaum Iban, Bidayuh, Melanau dan Melayu di Sarawak. Peruntukan tersebut adalah bagi golongan berpendapatan rendah termasuk program perumahan, latihan

kemahiran dan keusahawanan projek bekalan elektrik dan air, jalan kampung dan pendidikan pra sekolah. Saya harap dengan peruntukan-peruntukan dan program-program seperti itu, maka kemiskinan di Sabah akan dapat dikurangkan.

Mengikut statistik kerajaan jumlah isi rumah miskin di Sabah pada tahun 1999 dianggarkan kira-kira 80,100 di mana 24,000 isi rumah dikategorikan sebagai miskin tegar. Namun jumlah isi rumah miskin dan miskin tegar bertambah pada tahun 2004 masing-masing kepada 114,200 dan 32,400 isi rumah. Daripada jumlah ini bumiputera merupakan yang tertinggi dengan jumlah isi rumah miskin 110,400 berbanding Cina dengan hanya 2,200 isi rumah dan etnik lain 900 isi rumah.

Sabah ingin mencapai status negeri maju pada tahun 2015. Saya amat menyokong usaha Ketua Menteri Sabah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Musa Aman ke arah ini. Dengan bantuan Kuala Lumpur maka saya berharap dan yakin Sabah akan mencapai hasrat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Sabah memerlukan lebih banyak peruntukkan memandangkan lebih banyak pembangunan yang perlu dibuat di kawasan luar bandar. Pembangunan infrastruktur di luar bandar harus diperhebat lagi dan latihan kemahiran kepada penduduk-penduduk luar bandar dalam pertanian dan penternakan juga harus ditambah lagi. Untuk rekod, Sabah masih mempunyai lebih kurang 5,000 kilometer jalan luar bandar bertaraf jalan JKR negeri yang masih *gravel* dan perlu diturap. Ia memerlukan kira-kira berjumlah RM1 juta sekilometer untuk menurapnya.

Industri pelancongan di kawasan luar bandar juga terhambat dengan ketiadaan keperluan air bersih dan bekalan elektrik yang stabil. Saya ingin merayu kepada kerajaan untuk memberi peruntukan yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut sebelum 2020.

Dalam masa yang sama faktor lain yang boleh membantu usaha mengurangkan kemiskinan harus ditangani dengan baik. Iaitu faktor pendatang asing tanpa izin atau PATI di Sabah. Dua, tindakan harus dibuat secara agresif iaitu memastikan tidak ada PATI yang baru akan masuk ke Sabah dan yang kedua mengambil langkah-langkah penyelesaian terhadap PATI yang sudah berada di Sabah. Penyelesaian tidak semudah tangkap dan hantar kerana kerajaan harus memikirkan tentang rumah tahanan sementara yang tidak mencukupi dan keengganan negara asal menerima mereka kembali. Kerajaan harus mencari penyelesaian ini dengan segera, tapi saya yakin kalau kerajaan ikhlas dengan janjinya untuk menghantar mereka balik maka sudah tentu ia akan diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan sedikit tentang, mengenai dengan mahkamah. Khasnya Mahkamah Anak Negeri. Sistem kehakiman di negara ini telah memastikan bahawa undang-undang kita dapat ditadbirkan dan dikuatkuasakan dengan begitu berjaya.

▪ **1620**

Sebagaimana yang kita ketahui, di negeri Sabah kita mempunyai Mahkamah Anak Negeri selain daripada Mahkamah Sivil, Mahkamah Jenayah dan juga Mahkamah Syariah.

Mahkamah Anak Negeri ini telah wujud sebelum merdeka dan sehingga kini ia tetap menjadi sebahagian daripada sistem perundangan di Sabah. Ini adalah satu institusi kehakiman dan adat istiadat negeri Sabah. Bidang kuasa mahkamah ini adalah terhad kepada orang-orang anak negeri yang diiktiraf mengikut Ordinan Tafsiran Anak Negeri. Pada masa ini ramai orang-orang anak negeri dari Sabah menetap di Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah dianggarkan 30,000 orang anak negeri Sabah yang menetap di Lembah Klang.

Oleh itu saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar Mahkamah Anak Negeri ditubuhkan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui perwujudan Akta Parlimen, ini adalah perlu untuk menangani pelbagai gejala sosial yang berlaku dan mungkin berlaku di kalangan orang-orang Anak Negeri yang menetap di Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Hari Malaysia. Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura adalah bersatu untuk menubuhkan sebuah negara yang bernama Malaysia pada 16 September 1963, Singapura telah meninggalkan Malaysia dua tahun kemudian. Sejak Malaysia ditubuhkan ia telah menjadi sebuah negara yang pesat membangun dalam suasana aman dan damai dan berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang amat baik. Tarikh 16 September 1963 adalah amat penting dan sebelum tarikh tersebut negara yang bernama Malaysia tidak wujud.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya 16 September diisytiharkan sebagai hari Malaysia dan dimasukkan sebagai satu daripada perayaan negara kita. Saya merasakan perayaan Hari Malaysia ini adalah penting kerana;

- (i) rakyat Malaysia terutama sekali generasi muda akan dapat mengingat dan menghargai hari penubuhan negara kita;
- (ii) pada masa ini Sabah dan Sarawak telah pun mengisytiharkan 16 September sebagai cuti umum, di mana pada hari yang sama negeri-negeri ini meraikan hari jadi Tuan Yang Terutama. Jadi kita boleh naikkan taraf perayaan tersebut kepada tahap nasional supaya boleh menjadi satu lagi agenda integrasi nasional dan memupuk patriotisme di kalangan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak, yang bersesuaian dengan cita-cita kita untuk mencapai sebuah negara yang bersatu padu pada tahun 2020;
- (iii) penubuhan Malaysia sebelum ini melalui banyak rintangan-rintangan dan halangan-halangan, ramai rakyat di Sabah dan Sarawak pada ketika itu tidak faham dan tidak menyokong penubuhan Malaysia. Oleh kerana penerangan telah diberikan maka Malaysia telah ditubuhkan dengan sokongan kuat daripada Sabah dan Sarawak juga. Penubuhan Malaysia juga ditentang oleh Indonesia sehingga terjadi konfrontasi di antara

Indonesia dan Malaysia pada ketika itu. Dengan itu wajarlah Hari Malaysia diraikan untuk mengingati semua ini dan untuk terus memupuk cintakan Malaysia dan memupuk perasaan kekitaan di kalangan rakyat Malaysia; dan

- (iv) banyak yang tidak mengetahui bahawa Sabah juga telah merdeka sebelum penubuhan Malaysia. Sabah telah diisytiharkan sebagai negeri yang merdeka pada 31 Ogos 1963, dan upacara tersebut telah diadakan di padang bandar sekarang dinamakan Bandar Merdeka di Kota Kinabalu. Pengisytiharan tersebut telah dibuat oleh Tun Fuad Mohd Stephens, Ketua Menteri Sabah yang pertama yang disaksikan oleh Tun Datu Haji Mustapha Datuk Harun, Tuan Yang Terutama Sabah yang pertama dan dihadiri oleh Tun Abdul Razak Timbalan Perdana Menteri ketika itu. Bendera *Union Jack* telah diturunkan buat terakhirnya pada ketika itu, ertinya Sabah juga telah mencapai kemerdekaan daripada kerajaan British sebelum ia sama-sama menubuhkan negara Malaysia 16 hari kemudian iaitu pada 16 September 1963.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kenaikan harga hasil-hasil pertanian di negara kita. Saya mendengar rungutan daripada rakyat bahawa harga barang-barang telah naik dan memang betul harga hasil-hasil pertanian juga telah naik. Satu sebab mengapa ia berlaku demikian ialah kita terlalu mengharap hasil pertanian yang diimport dari luar negara, kalau barang diimport itu naik maka barang tersebut juga akan naik di negara kita. Saya mendapat tahu bahawa pada tahun lalu negara ini telah membelanjakan lebih kurang RM19 bilion untuk mengimport hasil-hasil pertanian dan makanan yang dijangka akan bertambah lagi pada tahun ini. Saya juga difahamkan mengikut statistik kerajaan, kalaulah tiga peratus sahaja lagi rakyat Malaysia menanam sayur-sayuran sendiri, Malaysia akan mendapat menjimatkan RM20 *million* setiap tahun.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, adakah kementerian bercadang untuk memberikan galakan kepada rakyat Malaysia secara agresif untuk menanam sayur-sayuran mereka sendiri? Adakah kementerian bercadang untuk melancarkan kembali rancangan Buku Hijau dibuat oleh kerajaan pada tahun 1974? Saya rasa, langkah seperti ini adalah baik, bukan sahaja dapat mengurangkan aliran wang keluar dari negara dan menurunkan harga hasil-hasil pertanian tetapi ia juga secara tidak langsung dapat menggalakkan rakyat Malaysia menjadi aktif dan sihat kerana menanam sayur-sayuran sendiri di belakang rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan sedikit tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pengeksport-pengeksport dari Sabah yang ingin mengeksportkan barang-barang yang dibuat di Sabah keluar negeri.

Saya perhatikan bahawa ada dua masalah utama yang dihadapi oleh pengeksport-pengeksport dari Sabah iaitu;

- (i) tambang kapal laut iaitu *freight charges*, dengan izin, yang terlalu tinggi dan bayaran tambahan; dan
- (ii) *ancillary charges* dengan izin, yang dikenakan oleh syarikat-syarikat perkapalan Malaysia.

Selama ini pengeksport-pengeksport dari Sabah terpaksa membayar *freight charges* berdasarkan dua hala perjalanan dengan izin, *two way trip*, dari Semenanjung dan Sabah. Pengeksport-pengeksport tersebut terpaksa membayar kos dua hala perjalanan itu yang mana membebankan mereka. *Freight charges* ini adalah kos yang tinggi dalam kos pengurusan iaitu *operating cost* dengan izin, dan ini membuat pengeksportan barang-barang yang dibuat di Sabah tidak dapat bersaing di pasaran.

Sebagai perbandingan *freight cost* bagi kontena 40 kaki, dari Sabah ke Tokyo adalah di Malaysia RM3,610 manakala dari Port Klang ke Tokyo hanyalah RM2,770. Kos dari Sabah ke Rotterdam ialah RM10,260 manakala dari Port Klang ke Rotterdam hanya RM7,020 dan kos dari Sabah ke USA ialah RM23,000 tetapi Port Klang ke USA hanyalah RM12,540. *Freight* yang tinggi ini adalah kesan daripada apa yang dipanggil *Cabotage Policy* dengan izin, dan dibuat oleh syarikat-syarikat perkapalan di Malaysia, di mana telah ditetapkan bahawa hanya kapal-kapal laut Malaysia atau *Malaysian own ships* dengan izin, yang dibenarkan mengangkat barang-barang dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. *Cabotage policy* ini adalah satu perkataan yang dibuat oleh syarikat-syarikat perkapalan Malaysia di mana mereka mempunyai monopoli terhadap pengangkutan barang-barang dalam domestik Malaysia dalam masa yang sama, membuat atau mewujudkan satu *cartel* dengan izin, atau pakatan bersama untuk menentukan dengan sewenang-wenangnya bayaran-bayaran tambahan iaitu *ancillary charges* seperti *terminal handling charge*, *bunker adjustment factor*, *emergency bunker surcharge*, dengan izin.

Jikalau adapun usaha-usaha syarikat perkapalan untuk menurunkan *freight charges* tetapi dalam masa yang sama, mereka menaikkan bayaran *terminal handling charge* atau *bunker adjustment factor* dan ini telah membuat kos pengeksportan terlalu tinggi bagi mereka.

■1630

Contohnya ialah kos pengangkutan sebuah kontena dari Semenanjung Malaysia ke Sabah yang lebih mahal lapan hingga sepuluh kali ganda daripada kos bagi kontena yang sama dari Port Klang ke Hong Kong yang mana lebih jauh jaraknya daripada Semenanjung Malaysia ke negeri

Sabah. *Cabotage Policy* yang diamalkan oleh syarikat-syarikat perkapalan ini telah menambah kos sara hidup di Sabah. Harga barang-barang telah naik kerana kos pengangkutan yang tinggi dan ini ditanggung oleh rakyat atau pengguna-pengguna termasuk rakyat-rakyat yang miskin.

Dengan lain perkataan, rakyat Malaysia di Sabah memberi subsidi kepada syarikat-syarikat perkapalan. Memang satu usaha yang baik bagi kerajaan untuk membantu industri tempatan supaya mereka boleh terus wujud dan boleh bersaing di pasaran dunia tetapi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mesti mencari jalan bagaimana kos pengangkutan ini boleh diturunkan supaya pengeksport-pengeksport dari Sabah dan rakyat Sabah tidak mengalami kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang usaha kerajaan memperluaskan pengetahuan teknologi maklumat khususnya di luar bandar. Saya mengalu-alukan usaha Kementerian Pelajaran untuk memperluaskan pendidikan komputer kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan juga penduduk-penduduk luar bandar. Saya memang mengetahui bahawa Kementerian Pelajaran telah pun membekal komputer-komputer ke makmal komputer di sekolah-sekolah luar bandar tetapi masalahnya ialah banyak sekolah luar bandar ini tidak mempunyai bekalan elektrik. Oleh sebab ketiadaan elektrik, maka komputer tersebut tidak boleh dipakai langsung.

Terdapat juga sekolah-sekolah yang mahu mengatasi masalah ini dengan menggunakan generator, tetapi ia juga amat merumitkan kerana sekolah tersebut terpaksa membawa minyak diesel dari pekan yang jauh untuk generator tersebut. Bukan sahaja minyak diesel memerlukan wang ringgit, tetapi terpaksa diangkut ke tempat yang jauh di mana kanak-kanak sekolah itu tidak dapat dihubungi dengan jalan raya. Mengikut rekod kerajaan, lebih kurang 2,000 sekolah di Sabah dan Sarawak dan kebanyakan sekolah ini tidak mempunyai bekalan elektrik.

Untuk mengatasi masalah ini, saya mengalu-alukan tindakan kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk membekalkan solar kepada sekolah-sekolah berkenaan supaya komputer-komputer tersebut boleh digunakan.

Saya amat mengharapkan agar usaha untuk membekalkan solar tersebut dapat diselenggarakan dengan segera. Namun demikian, ada satu lagi masalah yang saya perhatikan di sini iaitu tentang pengajaran komputer di sekolah-sekolah luar bandar ini. Iaitu kementerian kekurangan tenaga pengajar komputer. Jika kita ada komputer dan ada solar, tetapi kalau tidak ada guru pengajar komputer yang terlatih, maka tidak ada gunanya juga.

Dalam keadaan demikian hasrat kerajaan untuk memperluaskan pembelajaran komputer tidak akan tercapai. Peruntukan kementerian selalunya adalah untuk kemudahan fizikal sahaja iaitu unit komputer yang diberikan itu tetapi tidak dimasukkan aspek latihan, iaitu peruntukan untuk melatih pengajar komputer. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kementerian dapat memberi

penekanan yang serius terhadap masalah atau *gap* ini. Kementerian harus mengambil kira atau mengambil tenaga pengajar komputer yang mencukupi di sekolah-sekolah luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pemberian kesihatan iaitu saya perhatikan dan saya mendengar rintihan hospital-hospital kerajaan tentang kekurangan darah. Saya memang prihatin ini sebab saya mempunyai kawan-kawan, sahabat-sahabat yang selalu minta darah untuk mereka yang memerlukan di hospital-hospital kerana dengan kedua-dua masalah ini, maka susahlah bagi mereka kena penyakit Talasemia dan juga bagi mereka yang akan menghadapi *operation* di hospital.

Saya perhatikan bahawa hospital-hospital selalu mengadakan kempen-kempen untuk mendapatkan darah ini tetapi respons daripada rakyat, respons daripada orang ramai terlalu rendah atas sebab-sebab yang tidak dapat dikenal pasti.

Saya merasakan bahawa kekurangan darah ini boleh diatasi dengan beberapa cadangan atau cara-cara yang tertentu supaya mereka boleh tampil ke hadapan untuk membantu semasa membantu hospital kita untuk mendapatkan darah yang diperlukan itu. Yang pertama, saya rasa ialah insentif yang menarik dan berterusan haruslah diberikan oleh kerajaan. Saya difahamkan bahawa kerajaan atau lebih spesifik hospital-hospital sudah pun mula dikenakan insentif kepada penderma-penderma darah.

Sebagai contohnya, di Queen Elizabeth Hospital di Kota Kinabalu telah mengumumkan bahawa penderma darah yang telah menderma darah 50 kali tidak akan dikenakan bayaran satu sen pun sepanjang hayat mereka apabila mereka dimasukkan ke dalam wad kelas kedua hospital-hospital kerajaan. Selain daripada itu, mereka juga dimasukkan secara percuma di wad kelas pertama selama 10 tahun bermula daripada tarikh mereka menderma darah yang ke 50 kali. Skim ini telah diilhamkan oleh Pusat Darah Nasional. Selain daripada insentif di atas, saya mencadangkan agar kerajaan memberikan insentif yang lain seperti diberi keutamaan apabila pergi berjumpa dengan doktor di hospital iaitu boleh potong *queue*. Diberi potongan kecil apabila membeli tiket kenderaan awam seperti bas, kereta api dan mungkin kapal terbang dan juga diberi sijil penghargaan dan sebagainya.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah hospital-hospital kerajaan haruslah mempunyai pegawai-pegawai khas yang sentiasa turun padang berjumpa dengan NGO-NGO dan badan-badan agama, persatuan-persatuan dan juga individu-individu berkenaan untuk mendapatkan sokongan dan bantuan tentang bagaimana mereka boleh mendapatkan lebih banyak darah daripada orang ramai. Dengan cara demikian, hasrat Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan 5% sahaja daripada penduduk Malaysia untuk menderma darah akan tercapai.

Saya yakin ramai rakyat Malaysia yang inginkan atau bersedia untuk menderma darah tetapi mereka tidak terdorong atau tidak diminta atau dirayu oleh sesiapa untuk menderma darah. Oleh itu, adalah penting dan sesuai bagi kumpulan-kumpulan tersebut untuk turun padang,

bergerak secara proaktif untuk tujuan ini. Di daerah saya Tuan Yang di-Pertua, di Kota Marudu Sabah, ada seorang yang memang aktif dalam untuk meminta dan mencari penderma darah. Dia adalah sebagai pesara kakitangan kerajaan dan selepas dia pencen atau bersara pada tahun yang lalu, dia boleh dilihat selalu di Hospital Kota Marudu. Dia di sana bukan untuk berjumpa dengan doktor tetapi untuk membantu hospital itu untuk mencari ataupun merayu orang-orang untuk menderma darah. Jadi, saya rasa ramai orang yang ada perasaan seperti ini yang cintakan untuk membantu orang tetapi kita kena mempunyai pegawai-pegawai dan kakitangan hospital-hospital untuk mendorong mereka turun padang untuk turun mencari seperti ini supaya mereka boleh bersama-sama bekerjasama untuk mendapatkan darah tersebut. Mengikut pengalaman dan rekod hospital kerajaan, banyak dari darah tersebut diterima melalui Unit Bergerak daripada Bank Daerah Hospital.

Mengikut statistik yang saya tahu, dalam tahun 2004 Pusat Darah Nasional telah menerima 440,609 unit darah dan 447,690 unit darah di seluruh negara dan dalam tahun yang kemudiannya 472,439 unit darah telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 50% telah diterima melalui Unit Bergerak.

■1640

Yang ketiga, cadangan ialah pihak hospital perlu menyediakan mesin untuk membuat *on the spot screening*, dengan izin. Saya difahamkan bahawa ada juga orang yang ingin menderma darah tetapi ditolak oleh pihak hospital kerana hospital mengesyaki kualiti darahnya tidak baik atau tidak sesuai, tetapi tidak pula dapat disahkan kerana tidak ada mesin untuk membuat *on the spot check screening*. Sebagai contoh, beberapa bulan lalu di Kota Kinabalu seorang penderma telah datang ke Queen Elizabeth Hospital untuk menyahut permintaan seorang kawan yang memerlukan darah jenis 'O'. Dia tidaklah kenal sangat dengan orang yang meminta darah tersebut, tapi oleh kerana darahnya adalah jenis 'O', maka dia datang untuk menderma tapi dia ditolak kerana pernah tinggal di United Kingdom pada tahun 1980 hingga 1986.

Pegawai bank darah hospital itu berkata bahawa kalau anda pernah tinggal di United Kingdom di antara tahun 1979 hingga 1995 maka secara automatik kamu tidak boleh menderma darah kecuali kamu adalah seorang vegetarian. Apabila dia tanya kepada pegawai itu apa kaitannya dengan pernah tinggal di United Kingdom dahulu, pegawai itu memberitahu kepadanya bahawa ia ada kena-mengenai *mad cow disease* yang telah menyerang UK pada ketika itu. Apabila dia minta diperiksa dan disahkan bahawa beliau mempunyai *mad cow disease* atau sebaliknya pegawai itu tidak boleh pula memberikan pengesahan kerana hospital tidak mempunyai mesin pengesan atau *on the spot screening* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kira peraturan ini adalah peraturan sejagat. Semua mereka yang ada di United Kingdom pada tahun berkenaan kerana mendapat *mad cow diseases*, dilarang untuk menderma darah.

Tuan Maijol bin Mahap: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata sedemikian saya menyokong...

Tuan Yang di-Pertua: Bukanlah hina tinggal di UK ketika itu, tetapi untuk menjaga penduduk seluruh dunia, maka dibuat peraturan tersebut. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Maijol bin Mahap: Dengan kata demikian Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, saya sudah ganggu ucapan Yang Berhormat.

Tuan Maijol bin Mahap: Saya memang mahu habis pun. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2008. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Wan Hazani, selepas ini Dato Sri Empiang Jabu.

4.42 ptg.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2008. Pada saya, bajet yang bertemakan “Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran” ini merupakan satu bajet yang menyeluruh dan menunjukkan kesungguhan dan komitmen kerajaan menjana pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa perkara yang ingin saya sentuh di dalam ucapan ini. Antara perkara yang saya ingin sentuh adalah mengenai sektor pertanian. Seperti yang kita maklum, sektor pertanian ini telah mula diberi nafas baru agar menjadi jentera pertumbuhan ekonomi ketiga negara. Sektor pertanian yang selama ini menjadi tulang belakang ekonomi sebahagian besar penduduk Pantai Timur akan diperkasa secara komersial dengan teknologi moden serta pemasaran yang lebih mantap di bawah pelaksanaan ECER.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah melancarkan pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang membabitkan pelaburan sebanyak RM112 bilion, yang antara lain bertujuan menangani ketidakseimbangan ekonomi di wilayah ini dan mewujudkan pekerjaan 560,000 projek bagi kelegaan kepada penduduk Pantai Timur nanti.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya sentuh di sini adalah mengenai projek tanaman herba di Gua Musang yang telah dirancang di bawah projek ECER. Saya amat menyokong perancangan dan berterima kasih kepada kerajaan, kerana telah merancang satu projek penanaman herba seluas 1,000 hektar kepada KESEDAR bagi tujuan menanam herba secara ladang. Projek tanaman ini akan menjadi sumber baru bagi pembangunan kawasan Gua Musang tetapi rasanya seperti ada sesuatu yang kurang, iaitu projek ini hanya diserahkan kepada KESEDAR semata-mata daripada penanaman anak benih hinggalah proses hasilnya.

Ianya tidak melimpah kepada petani-petani kampung di sekitarnya. Keadaan ini menimbulkan perasaan kurang senang mereka dan saya juga percaya hasrat murni ECER tidak akan dirasai oleh masyarakat tani kampung ini sepenuhnya. Justeru itu saya ingin mencadangkan

kepada pihak yang terbabit agar projek tanaman herba ini diperluaskan secara berkelompok kepada petani-petani kampung yang mana benih tanaman herba disediakan oleh pihak KESEDAR dan hasil tuaiannya pula dijual terus kepada KESEDAR.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai projek agropolitan perintis yang akan dimajukan di bawah pembangunan ECER. Projek ini juga asasnya serupa dengan konsep FELDA, iaitu akan mewujudkan kawasan perladangan yang diurus secara berpusat. Peserta keluarga miskin akan diberi pegangan dalam bentuk syer dan kemudian kediaman dan tanah untuk menjalankan penanaman secara komersial. Apa yang ingin saya cadangkan di sini adalah agar projek ini juga melibatkan masyarakat Orang Asli di kawasan Gua Musang yang sebahagian besar daripada 3,000 Orang Asli di sini hidup di bawah paras kemiskinan.

Saya amat berharap agar mereka ini juga diberi peluang untuk bersama-sama merasai kemajuan ini. Bercakap mengenai masyarakat Orang Asli di Gua Musang juga, saya ingin menyentuh sedikit mengenai peruntukan sebanyak RM22 juta yang disediakan dalam bajet ini yang dikhususkan untuk meningkatkan aktiviti *homestay* di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta agar masyarakat Orang Asli diberi peluang dan latihan yang sewajarnya agar mereka juga berpeluang terlibat sama dengan program *homestay* kerana masyarakat Orang Asli ini mempunyai pelbagai budaya dan cara hidup yang unik, yang boleh dijadikan daya tarikan di dalam bidang ekopelancongan negara. Saya juga ingin mencadangkan agar perkampungan budaya Orang Asli dapat diwujudkan di Gua Musang supaya segala hasil kraf tangan dan budaya mereka dapat dikumpulkan di perkampungan ini dan ianya mudah diakses kepada masyarakat lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan adalah antara lima kelompok pembangunan yang menjadi kunci pembangunan ECER dan dijangkakan seramai 7.4 juta pelancong luar negara dan seramai 21.4 juta pelancong tempatan akan melawat Pantai Timur menjelang tahun 2020. Untuk merealisasikan Pantai Timur sebagai kawasan pelancongan yang berjaya, ianya perlu disokong dengan kemudahan infrastruktur yang baik dan terutamanya jalan raya yang baik.

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat minta laluan.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Sesungguhnya pelancong...

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memperjuangkan kehidupan Orang Asli yang saya rasa begitu prihatin dalam membangunkan masyarakat Orang Asli yang bilangannya seramai 3,000 orang, malah saya rasa lebih daripada 3,000 orang. Jadi dalam pembangunan koridor ECER, sudah tentu melibatkan satu pembangunan

yang lebih besar dan peruntukan yang lebih besar di mana melibatkan pelabur-pelabur yang akan datang untuk membangunkan kawasan itu. Jadi bersetuju kah Yang Berhormat bahawa, satu badan perunding perlu diwujudkan bagi memastikan di kalangan masyarakat Orang Asli sama-sama terlibat dan mempunyai hak untuk membangun dalam apa juga projek yang disalurkan dalam perkampungan ataupun dalam aktiviti *ecotourism* tadi. Terima kasih.

▪ 1650

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat. Insya-Allah saya sendiri pun boleh memantau keadaan Orang Asli, di kawasan saya pengundi Orang Asli hendak dekat 3,000 orang, pengundi Orang Asli sahaja. Itu yang RM22 juta itu *home stay* sahaja, bererti lain lagi ada peruntukan yang dikhaskan di dalam ECER, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pelancong sangat minat melalui jalan darat terutama perjalanan ke Kelantan. Ini kerana jalan-jalan ini dihiasi dengan warna-warna daripada flora dan fauna serta keindahan laluan yang berbukit-bukau serta bercerun landai.

Justeru itu saya meminta kerajaan terutamanya Kementerian Kerja Raya mengkaji semula jalan-jalan terutamanya Jalan persekutuan Pantai Timur terutamanya ke negeri Kelantan. Saya minta agar Lebuhraya Pantai Timur ke Kelantan dipercepatkan pembinaannya. Satu perkara lagi yang saya ingin meminta agar jalan Persekutuan antara Kuala Lipis ke Gua Musang dan dari Gua Musang ke Kuala Krai dilebarkan atau dinaiktarafkan.

Tuan Yang di-Pertua, rasionalnya jalan ini bukan hanya menjadi sibuk pada musim perayaan sahaja sebagaimana kata Menteri Kerja Raya baru-baru ini, tetapi ia juga menjadi pilihan utama bagi kegunaan seharian dan juga para pelancong ke Kelantan.

Namun apa yang lebih penting, yang saya ingin nyatakan di sini adalah banyak daripada kawasan-kawasan sepanjang jalan-jalan ini adalah sempit dan berbahaya. Selekoh yang berbahaya yang sering kali menjadi kawasan kemalangan maut. Dua, tiga hari lepas sampai terpotong dua-dua tekak, satu leher satu kepala tidak dapat dicari, satu sahaja. Satu paha terputus tidak dapat dicari, tidak dapat dikesan daripada satu keluarga. Itulah nahas yang paling teruk sekali bahaya di jalan Gua Musang ke Kuala Krai, Gua Musang ke Kuala Lipis.

Satu perkara yang saya juga ingin mencadangkan agar lebih banyak pusat persinggahan yang lebih menarik dan lebih selesa, pelancong dan juga pengguna-pengguna tempatan sendiri. Beberapa laluan yang saya rasa ia perlu diadakan pusat-pusat persinggahan bagi memberi ruang dan masa yang baik kepada pelancong untuk menikmati keindahan misalnya, satu laluan yang paling strategik ialah kawasan Bukit Tinggi di antara laluan Kuala Lipis-Gua Musang, iaitu kita namakan kawasan ini sebagai Bukit Tujuh. Di situ di antara puncak-puncak tertinggi di sepanjang laluan Kuala Lipis ke Gua Musang. Jika dibina satu persinggahan untuk rehat dan memberi kemudahan untuk pelancongan menyaksikan keindahan persekitaran di puncak pergunungan, sudah pasti ia lebih menarik lagi kepada perjalanan pelancong-pelancong nanti.

Tuan Yang di-Pertua, menjamin kesejahteraan rakyat merupakan strategi ketiga kerajaan di dalam pembentangan Bajet 2008. Salah satu perkara penting yang boleh menjamin kesejahteraan rakyat adalah mempunyai rumah sendiri sebagai tempat perlindungan. Malangnya kita seperti telah menjangkakan dan tidak dapat menolak hakikat harga rumah dan harga barangan tidak akan menurun.

Semuanya semakin naik dari tahun ke tahun. Kita maklum kerajaan juga telah banyak menetapkan harga siling sebagai ada kepada barangan makanan ataupun barang-barang binaan, namun untuk makluman Dewan yang mulia ini, penetapan harga-harga siling ini mungkin hanya dipatuhi oleh sebahagian daripada peniaga-peniaga sahaja. Oleh sebab kepada peniaga-peniaga terutamanya di kawasan luar bandar keadaan ini berbeza, harga barang-barang sama ada barang makanan atau pembinaan jauh lebih tinggi. Saya menerima banyak aduan terutamanya di kawasan saya mengenai bukan sahaja harga barang yang tinggi, tetapi juga mengenai penipuan di dalam pembelian harga barangan binaan.

Apa yang kita beli harga siling satu tan harga besi, RM1,800 satu tan dia jual dengan harga RM2,600 satu tan. Apabila kita beli dia bagi resit hendak mencukupkan harga RM2,600 dia letak barang-barang yang kita tidak beli. Hendak cukupkan harga RM2,600, itulah mengelakkan daripada dikenakan tindakan penguat kuasa. Justeru itu saya meminta agar proses pemantauan harga oleh pengawal penguatkuasaan yang berkenaan akan dilakukan lebih menyeluruh sehingga ke kawasan-kawasan luar bandar dan di kampung-kampung. Saya juga berharap agar tindakan yang lebih tegas dapat diambil kepada para peniaga yang bersifat tamak dan lintah darat ini.

Saya hendak menyentuh sedikit dari segi perpaduan, betapa pentingnya perpaduan, ianya lebih mahal dan lebih berharga daripada wang, tetapi tanpa perpaduan segala-galanya tidak akan tercapai dari segi pembangunan ekonomi, keceriaan rakyat dan pembangunan negara yang gilang-gemilang. Hindraf adalah seorang yang berkepentingan diri dan inginkan populariti dalam negeri dan luar negara. Kerajaan mestilah bertindak dengan lebih tegas, jangan ada tolak ansur supaya menjadi pengajaran kepada mereka yang inginkan porak-peranda rakyat dan negara. Hindraf meracuni pemikiran rakyat. Mereka tawarkan kepada individu yang menyokong perarakan haram yang mereka anjurkan dengan wang yang banyak.

Saya minta pihak Kerajaan Pusat memberi perhatian mengenai satu perkara lagi tentang perihal pengambilan tanah di negeri Kelantan. Tanah-tanah yang sudah ditanam bertahun-tahun sudah mengeluarkan hasilnya 10, 15, 20 tahun tanah orang kampung tanpa diganti rugi oleh Kerajaan Negeri Kelantan, kononnya hendak buka ladang rakyat. Mereka yang terlibat lebih kurang 3,000 orang. Tanah-tanah yang terlibat di kawasan Aring, Chiku 1, Chiku 2, Kalar, Batu 6, Batu 11, Batu 12. Mereka ini orang kampung, dengan susah payah mereka berhijrah ke hulu buka tanah hutan, buat tanah dengan titik peluh dan keringat mereka sendiri.

Tanah-tanah itu ditolak licin oleh Kerajaan PAS tanpa dibayar pampasan yang sepatutnya, kesian mereka menangis hingga pengsan. Zalim sungguh Kerajaan Negeri Kelantan, *nauzubillah*, inilah kerajaan Islam negeri serambi Mekah, cakap tidak seperti bikin.

Ketika Dewan Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini bersidang, Yang Berhormat Datin Paduka Norzula hendak beritahu kesusahan rakyat Kelantan di bawah DUN Paloh di bawah Yang Berhormat jaga tidak diberi peluang langsung oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negeri Kelantan. Lima kali Yang Berhormat Datin Paduka bangun, tidak diberi peluang. Langsung tidak dilayan soalan pertanyaan tidak dijawab, apa lagi hendak minta nasihat dari BN sebagai pembangkang negeri Kelantan, jauh panggang dari api.

Tuan Yang di-Pertua, banyak negara yang merdeka hampir sama atau lebih awal daripada kita, tetapi tiada satu pun yang mencapai tahap pembangunan sebagaimana yang kita kecapai sekarang di negara ini. Kita berjaya kerana kepimpinan Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang bijak dan mampu mengurus dan memimpin dengan baik. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia. Terima kasih Pak Lah, alhamdulillah syukur kepada Tuhan kerana Malaysia sebuah negara yang aman dan makmur, sejahtera, alhamdulillah. Saya pohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato Sri Empiang Jabu.

4.59 ptg.

Dato Sri Empiang Jabu: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Puan G. K Loga Chitra.

Dato Sri Empiang Jabu: ...Saya, izinkan saya untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah memberikan saya peluang untuk berbahas di atas pembentangan Bajet 2008 oleh Menteri Kewangan baru-baru ini.

■1700

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang amat berhati dan mesra rakyat kerana segala langkah-langkah yang telah diperkenalkan di dalam Bajet 2008 sangat menguntungkan rakyat dan membuka banyak peluang bagi pelbagai sektor ataupun industri untuk perkembangan maju. Dengan adanya kerajaan yang begitu peka terhadap keperluan rakyat, saya berpendapat tidak ada alasan untuk rakyat menolak kerajaan Barisan Nasional kerana segala langkah yang telah dan akan diambil selalunya mengambil kira keperluan dan kehendak rakyat dan sentiasa meneruskan agenda pembangunan negara bagi kemakmuran rakyat Malaysia. Itu merupakan janji Barisan Nasional yang amat dibanggakan dan sentiasa dipegang kuat oleh semua komponen parti pakatan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira dan menerima baik cadangan kerajaan di dalam Bajet 2008 yang akan menjadikan pendidikan bagi setiap pelajar di Malaysia sebagai percuma dengan pemansuhan yuran-yuran sekolah mulai tahun 2008 dan sebelum itu pemansuhan yuran peperiksaan.

Di samping itu, cadangan meluaskan pinjaman Skim Pinjaman Buku Teks kepada semua pelajar akan memanfaatkan ramai lagi pelajar dan tentunya membawa perubahan yang ketara terhadap corak pendidikan negara. Saya pasti perubahan sebegini akan memperkukuhkan lagi kedudukan pendidikan negara dan memastikan negara akan sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran baik dalaman ataupun asing. Lazimnya pendidikan percuma hanya dapat dilaksanakan apabila sesebuah negara itu telah mencapai satu tahap pembangunan ekonomi yang tinggi ataupun telah mencapai kedudukan sebagai negara yang telah membangun namun keadaan di Malaysia adalah unik kerana hanya setelah mencapai 50 tahun kemerdekaan dari penjajah, kerajaan Barisan Nasional telah dapat melaksanakan program pendidikan percuma untuk semua.

Ini merupakan satu peristiwa yang amat saya bangga dan saya percaya akan disegani oleh negara tetangga jiran kita. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kerajaan telah mengatur langkah yang amat baik, namun sedihnya pencapaian pendidikan di kawasan-kawasan luar bandar masih lagi ketinggalan berbanding dengan kawasan bandar. Oleh kerana itu, langkah-langkah spesifik perlu diambil untuk memastikan pelajar di kawasan bandar dan di luar bandar sama-sama menerima pendidikan yang berkualiti dan setanding.

Keutamaan mesti diberi bagi memastikan usaha merapatkan jurang pendidikan luar bandar dan bandar dilaksanakan dengan kadar segera memandangkan daripada 7,601 sekolah rendah seluruh negara, 5077 sekolah terletak di luar bandar. Manakala bagi sekolah menengah pula daripada 2,028 sekolah, 792 adalah sekolah luar bandar. Di samping itu, faktor-faktor seperti kekurangan guru di kawasan pedalaman, masalah sekolah kurang murid-murid di luar bandar, kekurangan ataupun ketidakadaan bekalan air dan elektrik di sekolah-sekolah kawasan pedalaman dan jurang digital, dari segi akses kepada kemudahan ICT perlu diatasi kerana sekiranya tidak, maka pelan kerajaan untuk melaksanakan pendidikan percuma untuk seluruh pelajar Malaysia baik di bandar ataupun luar bandar tidak akan tercapai 100%. Ini akan menyebabkan ramai terutama sekali mereka yang berada di luar bandar hampa dengan keadaan sebegini dan mereka akan hilang kepercayaan dan harapan terhadap kerajaan.

Oleh kerana itu, saya menyeru kerajaan supaya pelan tindakan bagi mengatasi masalah-masalah ini dapat dilaksanakan dalam tempoh yang paling dekat untuk memastikan dasar kerajaan untuk melaksanakan pendidikan percuma untuk semua dapat benar-benar dirasai oleh semua dan bukan hanya segelintir rakyat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan yang telah dicadangkan oleh kerajaan di dalam memantapkan lagi pengajian tinggi mereka di dalam Bajet 2008, saya yakin akan membuahkan

IPTA, IPTS negara dan juga lepasan IPTA yang lebih berdaya saing bukan sahaja di peringkat nasional tetapi di persada antarabangsa. Sejumlah besar peruntukkan yang dilaburkan ke dalam bidang pengajian tinggi mestilah digunakan dengan bijak-bijaknya dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi yang telah dilancarkan mesti dilaksanakan dengan sebaik-baiknya bagi masa depan negara dan generasi yang akan datang.

Pengajian tinggi negara tidak boleh dipandang remeh kerana hanya melalui sektor pendidikan terutama sekali di peringkat pengajian tinggi dapatlah negara memperkukuhkan lagi kedudukannya. Oleh kerana itu adalah baik sekiranya sistem penyampaian dan pelaksanaan yang sedia ada diperbaiki sekiranya perlu bagi memastikan tak ada pembaziran dan segala matlamat yang dicadangkan menepati sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik cadangan kerajaan untuk meningkatkan elaun sara hidup para pelajar Malaysia terutama sekali mereka yang ditaja oleh kerajaan di luar negeri. Cadangan ini meringankan lagi kos hidup para pelajar terutama sekali mereka yang mengikut kursus di bandar-bandar utama dan juga di luar negeri yang dibebankan oleh kos sara hidup yang tinggi.

Dengan cadangan ini, saya mengharapkan agar para pelajar terutama sekali mereka yang merupakan pelajar tajaan kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan mereka berjaya di bidang pengajian mereka dan kemudiannya kembali ke tanah air dan berbakti kepada negara kerana kerajaan telah memastikan bantuan yang sepatutnya diberikan kepada para pelajar. Di sini saya ingin memohon penjelasan berapa banyak kah pelajar Malaysia tajaan kerajaan yang telah tamat pengajian mereka di luar negeri yang pulang ke tanah air dan berkhidmat dan apakah tindakan yang akan dan dapat diambil terhadap mereka yang enggan pulang ke tanah air dan berkhidmat.

■1710

Di samping itu apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan terhadap pelajar Malaysia tajaan kerajaan yang telah memburukkan nama Malaysia semasa berada di luar negeri dan apakah mekanisme pemantauan yang digunakan oleh kerajaan memantau tindak-tanduk pelajar tajaan kerajaan terutama sekali mereka yang dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif yang berminat memburukkan nama baik negara di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu perpaduan, 50 tahun kemerdekaan yang telah dicapai oleh negara bukanlah satu pencapaian yang kecil, tetapi adalah satu pencapaian yang amat besar dan patut dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia. Segala pengorbanan pemimpin dan rakyat di masa-masa lampau amat dihargai dan dari pengorbanan tersebut negara kita Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama telah dapat hidup dengan aman, damai tanpa sebarang kekecohan ataupun gangguan yang melampau.

Usaha memupuk semangat perpaduan selama ini bukanlah mudah, namun memakan masa yang lama, lebih-lebih lagi setelah berlakunya peristiwa pahit 1969. Dari peristiwa tersebutlah rakyat negara kita telah sedar betapa pentingnya rakyat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama harus bersatu padu dan semangat perpaduan mesti dijaga dengan baik dan dipupuk ke tahap lebih tinggi.

Disebabkan oleh dengan semangat perpaduan ini, negara kita telah dapat berkembang maju mara ke hadapan kerana usaha yang dipelopori dan dilaksanakan adalah berdasarkan kepada semangat tolong-menolong di antara sama lain dan bukannya memihak kepada satu-satu bangsa sahaja. Kesemua bangsa diberi peluang, bantuan yang seboleh-bolehnya oleh kerajaan kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan untuk semua rakyat Malaysia tidak mengira bangsa dan ataupun kepercayaan. Malangnya baru-baru ini terdapat kumpulan tertentu yang telah berusaha menggugat perpaduan negara dengan membuat tuduhan yang tidak berasas dan berbau perkauman terhadap kerajaan yang boleh membinasakan perpaduan negara kita. Kumpulan-kumpulan ini juga telah memimpin kegiatan-kegiatan yang tidak bersifat kemalaysiaan ataupun *unmalaysian act*, dengan izin, seperti mengadakan perhimpunan terbuka BERSIH di Kuala Lumpur yang mengakibatkan imej negara tercemar di mata dunia. Ia juga telah menjejaskan mata pencarian dan perniagaan ramai peniaga di kawasan-kawasan perhimpunan.

Saya amat sedih melihat apa telah terjadi kerana saya percaya ramai yang terlibat di dalam perhimpunan ini telah terpedaya oleh janji-janji kosong oleh pihak penganjur dan kebanyakan mereka tidak tahu apa objektif sebenar perhimpunan tersebut. Sama ada ianya adalah satu perjuangan yang murni ataupun hanya berkepentingan sekumpulan orang sahaja dan bukannya untuk semua *interest of selected a few people*, dengan izin.

Rakyat mestilah sedar hanya kerajaan Barisan Nasional yang akan sentiasa memperjuangkan nasib dan masa depan setiap rakyat. Manakala yang lainnya akan memperjuangkan nasib hanya segelintir orang dan bukannya untuk semua. Ini adalah satu perjuangan palsu dan rakyat janganlah terpedaya oleh kumpulan ini terutama sekali di musim-musim pilihan raya umum. Sekiranya rakyat terpedaya maka segala usaha dan pencapaian negara semenjak merdeka akan binasa dan untuk membina yang baru akan memakamkan masa yang lebih lama dan memerlukan banyak pengorbanan dari segi pihak baik dari kerajaan dan juga rakyat.

Saya berharap rakyat tidak akan terpedaya oleh janji-janji kosong dan muslihat terutama sekali oleh pihak pembangkang, kerana akhirnya rakyat sendiri yang akan rugi dan pengorbanan negara yang selama ini adalah kukuh akan hancur disebabkan oleh muslihat mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato Sri Empiang Yang Berhormat keturunan Iban?

Dato' Sri Empiang Jabu: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Agak berapakah jumlah rakyat keturunan Iban di negara seluruh negara?

Dato' Sri Empiang Jabu: Di seluruh negara, saya kurang pasti sebetulnya nombornya, tapi ...

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang?

Dato' Sri Empiang Jabu: Mungkin agak setengah juta.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hanya ingin menekankan kepada Dewan bahawa kita sedang mendengar suara rakyat keturunan Iban.

Dato' Sri Empiang Jabu: Terima kasih, saya berharap rakyat tidak akan terpedaya oleh janji-janji kosong dan muslihat terutama sekali oleh pihak pembangkang. Ini kerana akhirnya rakyat sendiri akan rugi dan perpaduan negara yang selama ini akan kukuh akan hancur disebabkan oleh muslihat mereka ini. Seluruh pelan perancangan pembangunan negara akan tergendala dan segala usaha kita sebagai satu masyarakat selama 50 tahun akan hilang dalam sekelip mata.

Janganlah kita memperjudikan masa depan negara dan terpedaya oleh muslihat pembangkang yang hanya ingin menjatuhkan kerajaan. Selama ini telah berjaya membuahkkan satu negara yang makmur dan menjanjikan masa depan yang cerah. Pendek kata, *why is there a need to fix something which is not broken in the fist place*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara telah...

Tuan Yang di-Pertua: *It is not broken, why fix it?*

Dato' Sri Empiang Jabu: *Why fix it? Walaupun negara..., if it is broken, fix it well! But it is not broken.*

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara telah mencapai 50 tahun kemerdekaan dan perkembangan ekonomi yang pesat. Namun ianya telah juga menyebabkan peningkatan masalah-masalah sosial. Kes-kes seperti penganiayaan dan pembunuhan kanak-kanak, kes rogol kanak-kanak, perbuatan meninggalkan bayi dan banyak lagi telah meningkat.

Sebagai contoh kes meninggalkan bayi telah bertambah daripada 26 pada tahun 2004 hingga 68 pada tahun 2005. Kes penganiayaan kanak-kanak pula telah bertambah dari 148 pada tahun 2004 ke 189 pada tahun 2005. Manakala terdapat 26 kes pembunuhan kanak-kanak di Malaysia bagi Januari -Mei 2007. Kes-kes rogol yang melibatkan mangsa wanita juga telah meningkat dan saya percaya terdapat banyak lagi kes-kes rogol yang tidak dilaporkan oleh mangsa disebabkan oleh faktor-faktor tertentu.

■ 1720

Masalah sosial seperti ini mesti diatasi dengan segera dan usaha-usaha tertentu yang melibatkan masyarakat dan juga kerajaan diperkenalkan. Langkah-langkah seperti penggubalan undang-undang yang sedia ada bagi memberi lebih kesan terhadap masalah harus diatur bagi

menghindar pesalah dari mengulangi kesalahan ataupun penghalang bagi mereka yang ingin terlibat di dalam jenayah sebegini. Di samping itu, rondaan dan aspek-aspek keselamatan perlu dipertingkatkan dan diperbaiki oleh pasukan-pasukan keselamatan di kawasan-kawasan yang berbahaya. Ibu bapa dan juga kaum wanita mesti didedahkan kepada kaedah bagaimana untuk mengelak dan mempertahankan diri dari menjadi mangsa. Ibu bapa juga mesti diseru untuk mempertingkatkan lagi pengawasan terhadap anak-anak mereka terutama sekali semasa berada di luar rumah.

Saya yakin dengan peningkatan pengawasan dari pelbagai pihak terutama sekali pihak keselamatan dan gabungan usaha di antara masyarakat dan kerajaan, masalah sosial ini dapat dikurangkan dan pesalah dapat dibawa ke muka pengadilan dan diberi hukuman yang lebih berat. Jenayah terhadap kanak-kanak yang tidak berdosa seperti yang menimpa Yeng Yin di Pulau Pinang dan Nurin di Kuala Lumpur amat menyakitkan hati dan mereka yang terlibat di dalam kegiatan keji ini mesti diberi hukuman yang paling berat kerana tidak ada alasan yang dapat diterima kenapa jenayah sebegini harus terjadi terhadap mangsa kanak-kanak yang tidak berdosa dan tidak bersalah. Kerajaan melalui kementerian dan agensi yang berkaitan perlu memastikan segala langkah yang perlu diambil dilaksanakan dengan serta-merta sebelum masalah ini bertambah buruk.

Di samping itu, kajian-kajian tertentu dari segi psikologi dan kemasyarakatan boleh diperkenalkan bagi mencari punca kejadian jenayah ini. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi dan mengurangkan masalah sosial negara. Keutamaan mesti diberikan terhadap masalah ini dan kita tidak sepatutnya memberi alasan bahawa punca masalah ini berasal daripada peningkatan ekonomi negara dan merupakan perkara biasa dan dialami oleh negara-negara membangun. Ini adalah alasan tidak boleh diterima dan tidak akan diterima oleh masyarakat kerana setiap masalah lebih-lebih lagi masalah sosial mempunyai penyelesaian yang tertentu. Sekiranya kita rajin berusaha mencari penyelesaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bangga dengan penyampaian syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau dengan pendeknya lebih dikenali dengan GLC. Tahap penyampaian GLC ini telah meningkat dan keupayaan syarikat-syarikat ini memang tidak dapat dinafikan kerana telah dapat membuahkan hasil yang lumayan dengan segi keuntungan dan juga dari pelbagai aspek yang lain. Kejayaan GLC ini bukan sahaja dapat kita nampak dari tahap nasional tetapi juga di persada antarabangsa dan saya menaruh harapan agar GLC-GLC kita dapat membuka peluang dan ruang untuk syarikat-syarikat tempatan bergiat dengan lebih aktif lagi terutama sekali di industri-industri yang tertentu yang biasanya syarikat tempatan tidak berkemampuan untuk bergiat disebabkan oleh faktor-faktor seperti kekurangan wang modal ataupun yang memerlukan bidang pengkhususan.

GLC-GLC perlulah ingat bahawa mereka ini merupakan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang bermakna mereka ini wajib menunaikan tanggungjawab bagi membantu rakyat kerana sebarang pelaburan kewangan yang ada di dana GLC ini merupakan wang rakyat dan bukan wang persendirian atau syarikat-syarikat swasta. Di samping membantu syarikat-syarikat tempatan, saya juga berharap agar GLC-GLC akan meningkatkan lagi kegiatan-kegiatan *corporate social responsibility* atau CSR di kalangan masyarakat Malaysia untuk membantu usaha-usaha kerajaan terutama sekali program-program yang kurang mendapat perhatian ataupun kekurangan peruntukan seperti program-program kewanitaan, kekeluargaan masyarakat dan juga bantuan-bantuan untuk para pesakit seperti HIV dan AIDS melalui Yayasan AIDS Malaysia.

Penglibatan GLC ini dalam membantu isu-isu kemasyarakatan sebegini, saya percaya merupakan salah satu tanggungjawab bersama di antara kerajaan dan juga GLC-GLC. Jangan pula GLC-GLC negara kita ini bergerak bagaikan satu organisasi raksasa yang lupa akan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan kerajaan kerana syarikat-syarikat ini telah ditubuhkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan syarikat-syarikat kerajaan ini memang telah dapat mencapai prestasi yang amat membanggakan. Saya sendiri amat kagum dengan kejayaan ini lebih-lebih lagi apabila dapat tahu bahawa syarikat GLC ini telah diberi peluang memainkan peranan sebagai kontraktor-kontraktor utama bagi beberapa projek utama negara di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya yakin dengan penglibatan GLC-GLC ini dalam projek-projek utama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebarang masalah-masalah penyampaian program pembangunan negara dapat dikurangkan kerana GLC-GLC ini biasanya beroperasi dengan penuh profesionalisme dan tulus.

Walau bagaimanapun saya berharap agar syarikat-syarikat GLC ini tidak akan melupakan tanggungjawab mereka bergiat bersama mereka syarikat-syarikat tempatan yang berkemampuan dan mempunyai rekod baik dan pengalaman bidang kerja untuk melaksanakan projek yang telah diberikan kepada mereka. Sekiranya syarikat-syarikat GLC ini tidak berbuat demikian maka banyak syarikat-syarikat tempatan yang berkemampuan dalam mempunyai rekod kerja yang baik tidak akan mempunyai peluang kerja dan kemungkinan besar terpaksa gulung tikar pula memandangkan banyak projek-projek utama telah dihaskan oleh kerajaan untuk syarikat-syarikat GLC ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan saya kali ini saya telah sempat menyentuh beberapa isu yang telah pada pendapat saya patut diberi lebih penekanan dan perhatian oleh kerajaan. Saya yakin, kerajaan melalui kementerian-kementerian yang berkaitan akan berusaha meneliti isu-isu yang telah dibawa ke perhatian Dewan oleh Ahli-ahli Dewan yang sempat berbahas. Walau bagaimanapun bajet yang telah dibentangkan oleh kerajaan secara seluruhnya merupakan satu bajet yang komprehensif, mesra rakyat dan prihatin terhadap keperluan rakyat

Malaysia sehinggakan sekiranya saya tidak silap kerajaan tidak meningkatkan sebarang cukai terhadap ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung ucapan.

Dato Sri Empiang Jabu: *Just one sentence.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato Sri Empiang Jabu: Okey, tidak silap kerajaan tidak meningkatkan sebarang cukai terhadap rokok dan minuman keras pada Bajet 2008 tetapi ada baiknya rakyat cuba kurangkan kegiatan hidup yang tidak baik. Sebelum saya mengakhiri perbincangan saya kali ini, izinkan saya untuk mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Tahun Baru 2008 kepada rakan-rakan seperjuangan saya di Dewan yang mulia ini. Semoga tahun baru ini akan membawa negara dan rakyat Malaysia ke tahap kemajuan yang lebih tinggi dan semangat perpaduan dapat dipelihara dan dipupuk lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Bajet 2008. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Loga Chitra.

5.31 ptg.

Puan G. K Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Esok boleh sambung ucapan.

Dewan ketawa

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Dato' Lee Sing Chooi di atas anugerah darjah kebesaran.... [*Tepuk*]

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Datin Paduka Nor Hayati, sama? Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan Dewan bersidang semula pada pukul 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.